

Bil. 46

**Isnin
13 November 2017**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2018	(Halaman 19)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat Anggaran Pembangunan 2018	(Halaman 19) (Halaman 19)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRB
15. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titawangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] – UMNO

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulau] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/ S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ Dato’ Sri Haji Abdul Manan Ismail, S.S.A.P., D.I.M.P., P.K.C., D.S.A.P. [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
14. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Keterah] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO

21. Yang Berhormat Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato’ Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato’ Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Dato’ Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO
44. “ Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO

52. Yang Berhormat Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shaharuddin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. ” Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]

15. Yang Berhormat Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]

26. Yang Berhormat Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasar Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasar Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Puan Lavinia a/p Vyveganathan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Noor Afiza binti Mohd Fadzi
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggisa bin Juara

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Isnin, 13 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah kerajaan dalam menangani isu penganiayaan terhadap Rohingya, apakah statistik dan taburan terkini pelarian etnik Rohingya di negara ini serta apakah ada unsur-unsur ancaman kepada keselamatan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai yang makin hari makin mantap. Yang Berhormat Bagan Serai ya. Permulaan yang baik dan terus menjadi baik. Saya masih ingat hari pertama dia bercakap dan hari ini makin mantap.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, etnik Rohingya memang melarikan diri ke negara lain termasuk Malaysia yang disebabkan oleh penganiayaan di *Rakhine State*, Myanmar. Mereka mendapat status pelarian daripada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) dan dibenarkan tinggal sementara di Malaysia sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga khususnya negara-negara yang menjadi anggota kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Pelarian Rohingya di Malaysia telah dikesan sejak tahun 1970-an lagi. Jumlah kehadiran Rohingya ini semakin meningkat sejak tahun 1980-an apabila Kerajaan Myanmar melucutkan taraf kewarganegaraan Rohingya.

Sehingga 30 September 2017, seramai 62,153 orang etnik Rohingya telah berdaftar dengan UNHCR iaitu 53,811 orang adalah pelarian dan 8,342 orang merupakan pemohon suaka. Sehingga 30 September 2017 juga, hanya 2,061 orang telah ditempatkan di negara ketiga oleh pihak UNHCR. Maklumat taburan negeri ada pada UNHCR tetapi mereka belum bersedia untuk memberikannya kepada kita lagi.

Kerajaan Malaysia melalui forum-forum serantau dan antarabangsa seperti ASEAN dan OIC sentiasa menggesa dan menekan Kerajaan Myanmar untuk menangani masalah-masalah penganiayaan ke atas etnik Rohingya di *Rakhine State*, Myanmar. Ini kerana penganiayaan itu menyebabkan teretusnya krisis pelarian dan akan memberi impak kepada negara-negara jiran termasuk Malaysia.

Antara gesaan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Malaysia adalah, pertama, Himpunan Solidariti Ummah di Stadium Titiwangsa bagi menyatakan solidariti umat Islam menentang kekejaman Kerajaan Myanmar kepada etnik Rohingya yang dihadiri lebih daripada 15,000.

Kedua, bantahan Wisma Putra terhadap kenyataan Timbalan Ketua Pengarah Pejabat Presiden Myanmar, U Zaw Htay yang menuduh Malaysia campur tangan dalam hal ehwal negara tersebut

Ketiga, solidariti buat Rohingya di Perhimpunan Agung UMNO 2016 yang mendesak agar keahlian Myanmar dalam ASEAN dikaji semula dan Hadiah Nobel Keamanan Aung San Suu Kyi ditarik balik. Gesaan ini mendapat sokongan gemuruh daripada mereka yang hadir.

Keempat, Deklarasi Shah Alam yang diterajui oleh NGO yang menyeru umat Islam seluruh dunia bersatu melindungi etnik Rohingya dan menuntut campur tangan PBB serta pertubuhan antarabangsa yang lain.

Kelima, gesaan Menteri Luar Negeri Malaysia semasa Sesi Luar Biasa Majlis Menteri-Menteri Luar OIC supaya Myanmar memberi akses tanpa sebarang halangan bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan dengan mematuhi semua peraturan di bawah undang-undang antarabangsa dan memastikan kepulungan etnik Rohingya dijamin selamat.

Keenam, Malaysia melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggesa Myanmar supaya mencari pendekatan holistik dalam menangani krisis negeri Rakhine.

Selain daripada itu, Malaysia juga sentiasa menyokong langkah-langkah dalam bantuan kemanusiaan ke atas etnik Rohingya di Myanmar yang melarikan diri ke Bangladesh seperti misi kemanusiaan *Food Flotilla for Myanmar*.

Antara bantuan kemanusiaan yang lain ialah penghantaran sumbangan bernilai RM4 juta kepada pelarian Rohingya di sempadan Bangladesh, misi bantuan kemanusiaan oleh Angkatan Tentera Malaysia yang membawa 12 tan makanan, misi bantuan NGO MAPIM bernilai RM200,000, Mercy Malaysia yang membuka klinik bergerak di kem pelarian Rohingya, NGO Yayasan Ikhlas yang menyerahkan 13 kotak bantuan dan sumbangan kewangan berjumlah RM172,500 dan cadangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mewujudkan atase Kemanusiaan Kebajikan di bawah MKN di Dhaka dan juga membina hospital medan di kem pelarian etnik Rohingya, Bangladesh.

Rekod UNHCR yang diberi sehingga Februari 2017 adalah seperti yang tertera. Oleh kerana terlampau panjang, saya tidak membacanya. Jadi kalau sekiranya Yang Berhormat berminat, saya boleh sampaikan.

■1010

Malaysia hanya memperoleh maklumat taburan etnik Rohingya di Malaysia mengikut negeri daripada UNHCR sehingga Februari 2017 iaitu 56,701. Manakala jumlah keseluruhan etnik Rohingya di Malaysia yang diperolehi daripada UNHCR sehingga September 2017 ialah 62,513. Sebanyak 5,812 pertambahan jumlah pelarian Rohingya daripada Februari 2017 sehingga September 2017. Dari segi ancaman keselamatan negara, tidak ada data khusus, rekod jenayah yang dibuat oleh etnik Rohingya memandangkan Polis Diraja Malaysia hanya merekodkan kes jenayah yang dilakukan oleh warga asing mengikut negara asal mereka dan bukannya mengikut etnik.

Bagi 2017, sebanyak 82 kes jenayah dilakukan oleh warga asing secara umumnya. Daripada jumlah ini sebanyak 78 kes dilakukan oleh warga Myanmar. Ini merangkumi 30 kes jenayah kekerasan dan 48 kes jenayah harta. Setakat ini tiada kes dikesan oleh PDRM yang melibatkan unsur-unsur keganasan oleh etnik Rohingya di Malaysia. Walau bagaimanapun pemantauan berterusan dilaksanakan bagi memastikan tiada elemen keganasan yang melibatkan etnik Rohingya di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu jawapan yang cukup padat yang saya kira sangat mantap juga. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Kerajaan Malaysia serta seluruh rakyat Malaysia yang begitu prihatin, yang sangat mengambil berat tentang isu penganiayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dunia tahu hari ini kekejaman yang dilakukan oleh Myanmar ke atas etnik minoriti Rohingya ini di Rakhine yang telah dinafikan kewarganegaraannya yang menyebabkan mereka menjadi pelarian di seluruh pelosok negara dan dunia tahu pada penghujung 2016 hingga 2017 ketegangan meningkat. Rohingya didera, dibakar, dibunuh, diperkosa dan bermacam-macam kekejaman dilakukan.

Dunia juga tahu bahawa Myanmar menafikan ini adalah kekejaman. Malah menyatakan bahawa Rohingya adalah ekstremis, *terrorist* dan mereka melakukan *genocide* secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bagan Serai hendak tanya ini. Sebagai negara anggota ASEAN, bagaimanakah ikatan janji, *non-inteference* perlu ditakrif untuk menangani isu ini. Apakah kesan ke atas kestabilan, keselamatan dan juga perekonomian rantau ASEAN?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan beberapa rakan di sini, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Tebrau dan juga Tuan Yang di-Pertua sebagai ketua delegasi kita menghadiri AIPA GA pada bulan September baru-baru ini dan kita melihat bagaimana Myanmar cuba mengelak pertanyaan dan perbincangan mengenai isu ini. Jadi saya hendak tanyalah, adakah Malaysia kali ini akan membawa isu yang kritikal ini dalam Sidang Kemuncak ASEAN ke-31 dan sidang kemuncak berkaitan yang sedang berlangsung di Manila sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat sudah menjawab soalan kepada yang ditanya bahawa Malaysia akan meneruskan perjuangan mempertahankan asas-asas kemanusiaan sejagat kepada semua pihak dan kali ini kita lihat penganiayaan yang telah dilakukan oleh kerajaan Myanmar kepada rakyatnya sendiri itu tidak dapat diterima akal oleh mana-mana pihak. Jadi Malaysia di atas dasar memperjuangkan asas hak-hak kemanusiaan ini akan meneruskan perjuangan walau di mana sahaja.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat tentang apakah yang kita akan buat di Manila nanti, ini saya kena serah kepada Kementerian Luar Negeri dan berhubung dengan apa yang kita telah lakukan selama ini, orang-orang Rohingya yang mendapat kad UNHCR dalam perjanjian negara anggota lain, yang jadi negara anggota cuma Philippines dan juga Cambodia. Kita bukan ahli.

Akan tetapi dalam perjanjian itu mereka menyebut bahawa mereka akan bagi *food and shelter*, perlindungan tetapi mereka datang ke sini kita bukan sahaja, bukan ahli tetapi mereka datang sini kita bagi, walaupun tidak bagi makanan tetapi mereka diberi kebebasan bergerak tertentu dan banyak daripada mereka yang bekerja secara *illegal* di Malaysia dan menampungi hidup mereka. Secara rasminya kita telah membuat tawaran supaya mereka dapat bekerja di ladang dan tawaran pertama yang dibuat itu seperti yang saya sebutkan dalam jawapan yang lepas iaitu kepada 300 orang dan kita telah mendapat maklumat berhubung sama ada mereka bekerja ataupun tidak.

Jadi pada keseluruhannya Yang Berhormat, perjuangan untuk menentang segala bentuk kekejaman dunia ini akan dibuat dan khusus kepada yang kita hadapi sekarang ini ialah Rohingya dan soal campur tangan dan lain-lain lagi, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan menjawab dan berhubung dengan aktiviti mereka di wilayah, di antara negeri yang banyak menampung orang Rohingya ini, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan bersedia untuk menjawab. Terima kasih.

Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat mendengar dan mengikuti soalan, jawapan dan soalan tambahan yang pertama itu tadi Tuan Yang di-Pertua. Saya agaknya mewakili kita semua dalam mengatakan bahawa walau apa tindakan kerajaan, walau apa tindakan *backbenchers*, kami di pihak pembangkang asalkan ianya berkaitan dengan kes Rohingya, ianya adalah untuk mempertahankan manusia yang dianiayai, kami bersama-sama dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagaimana kita dengar tadi, Rohingya telah dianiayai sedemikian rupa, telah di diskriminasi sedemikian rupa. Malah penulis-penulis antarabangsa mengatakan bahawa sebagaimana Yang Berhormat Bagan Serai sebutkan tadi, ini tidak lain, tidak bukan *genocide* Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu sepatutnya kita menghukum Myanmar setinggi-tingginya di atas jenayah antarabangsa yang tinggi ini.

Maka soalan saya Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka ini pelarian yang paling terhina, terkutuk, teraniaya di seluruh dunia ini, adakah kerajaan kita bercadang untuk menganggap bahawa pelarian Rohingya ini pelarian khas berbanding dengan pelarian-pelarian lain kerana mereka benar-benar dibunuh, diusir dan dianiayai sedemikian rupa sehinggakan mereka tidak ada pilihan lain kecuali untuk lari ke negara-negara lain.

So, adakah kerajaan berhasrat untuk menganggap bahawa pelarian Rohingya ini, bukan kerana mereka Muslim tetapi kerana merekalah pelarian dan minoriti yang paling teraniaya di dunia ini, mereka ini dianggap sebagai pelarian khas.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menyebutkan beberapa kali statistik berkaitan dengan angka pelarian mengikut UNHCR. Ini bermakna kerajaan nampaknya bergantung sepenuhnya kepada statistik UNHCR. Adakah kerajaan bercadang oleh kerana kita hendak menganggap pelarian Rohingya ini pelarian yang istimewa, kita mewujudkan institusi, cara sendiri untuk mengira, menghitung jumlah-jumlah ini supaya kita mempunyai persiapan yang secukupnya untuk membantu pelarian Rohingya ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat yang juga bersama dengan Yang Berhormat lain di Malaysia ini dan juga di Parlimen iaitu kita bersimpati kepada perbuatan tidak berperikemanusiaan kepada etnik Rohingya dan kita telah mengikut laporan antarabangsa menunjukkan bahawa di antara etnik yang paling teruk dihina dan diseksa dalam dunia ini ialah etnik Rohingya.

Sudah pasti usaha yang dibuat oleh kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri untuk memberi kelegaan sedikit selepas mereka datang ke sini. Kita tahu bahawa Rohingya ini kalau ikut sejarahnya kan, dia asalnya sebuah *kingdom*. Selepas itu berlakulah, apa yang berlaku di negara yang berkenaan dan kita menerima bebanannya.

Saya hendak sebut benda ini bahawa kita boleh membuat sejarah baru. Akan tetapi sejarah yang ada tidak boleh dinafikan. Kita tahu apa yang berlaku di beberapa negara ini, ialah dia ada sejarahnya termasuklah Rohingya, di *Rakhine state*. Yang Berhormat, berhubung dengan sama ada mereka diberi layanan khas ataupun tidak. Pertamanya mereka bebas bergerak di negara ini dengan mematuhi peraturan-peraturan negara ini, undang-undang negara ini.

■1020

Cuma kad UNHCR ini bukan kad untuk mereka berleluasa. Tidak boleh ambil *driving license* dan lain-lain lagi. Cuma kad untuk bebas bergerak dan mereka kena tahu mereka bukan saja bebas bergerak, mereka juga bekerja dan dalam masa yang sama yang kasar sedikit sesetengahnya pergi meneroka hutan dan sebagainya. Berhubung dengan statistik Yang Berhormat, kita sedar bahawa saya menceritakan di dalam Dewan ini ialah statistik yang diberi oleh UNHCR, di mana statistik MKN. Yang Berhormat, kita sedang membuat *exchange of letter* iaitu bukan perjanjian tetapi *exchange of letter* antara kita dengan UNHCR yang dia kena bagi maklumat dan maklumat ini bersama dengan maklumat kita akan menjadi maklumat utama bukan saja berhubung dengan Rohingya tetapi juga dengan lain-lain pelarian.

Jadi ini akan diuruskan oleh kementerian dalam negeri dalam jangka masa yang terdekat sebab kita tahu bahawa aktiviti yang kurang manis berlaku bila ada pihak mengambil kesempatan untuk pergi *round* sana sini untuk mencari di mana pelarian dan sebagainya. Kadang-kadang pelarian itu mungkin muka yang sama tapi bukan orang Rohingya. Jadi itu sebab kita lihat pelarian Myanmar negara ini tinggi tetapi yang Rohingya cuma 56 ribu. Jadi semua ini diberi perhatian dan yang paling penting kita mengetahui, kita menguasainya dan mengawalinya. Jadi kalau sekiranya kita tidak tahu langsung maka itu adalah kelemahan kita.

Akan tetapi oleh sebab kita mengetahui semua pergerakan ini maka sebab itu Kementerian Dalam Negeri telah mengambil daya usaha untuk mengadakan *exchange of letter* dengan UNHCR dan kita harap selepas ini ia berjalan dengan lancar. Berhubung dengan perkara-perkara lain Yang Berhormat boleh terus memberi pandangan di Parlimen ini termasuk rombongan *backbencher* dan juga pembangkang yang akan di ke Cox's Bazar tidak lama lagi. Kita harap mereka bawa balik berita-berita tertentu untuk kita bincang bersama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Yang Berhormat Sik.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi satu lagi soalan tambahan daripada saya. Salah satu cara bagaimana Malaysia...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekejap ya. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan ketiga. Sila ulang balik semula.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: [Ketawa] Yang Berhormat Menteri, minta maaf ya. Satu lagi. Salah satu cara macam mana Malaysia hendak membantu Rohingya ini ialah membina Hospital Medan yang akan siap selewat-lewatnya pada 1 Disember 2017. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, di manakah lokasi sebenar Hospital Medan Malaysia yang bakal dibina di Bangladesh ini dan apakah jenis-jenis rawatan kesihatan yang akan ditawarkan di hospital tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kita akan membinanya di Cox's Bazar tetapi dengan tempat yang khusus ini, Kementerian Kesihatan dan juga MKN sedang menentukan. Kita tahu bahawa pelarian ini di pelbagai tempat dan kita akan bina satu dan saya mendapat maklumat ada dua lagi NGO yang akan membina hospital sementara. Tempat yang khusus ialah di Kutupalong, Cox's Bazar Yang Berhormat. Jadi apakah rawatan yang akan diberi? Sudah pasti Kementerian Kesihatan akan menjawabnya. Sudah pasti untuk semua dan saya hendak bagi tahu bahawa ada satu NGO telah berjumpa dengan saya dan mereka prihatin tentang wanita yang mengandung di sana. Ada 70 ribu wanita yang mengandung dan sudah pasti mereka memerlukan tempat yang selamat untuk melahirkan anak dan sebagainya.

Jadi kita lihat penderitaan ini bukan sesuatu yang perlu di simpati saja, kita kena habis-habisan menggerakkan jentera kemanusiaan kita supaya membantu mereka yang teraniaya. Bukan saja di Rohingya, di mana-mana tempat juga seluruh dunia. Terima kasih soalan ini dan kalau Yang Berhormat nak dapat maklumat saya boleh beritahu Yang Berhormat selepas ini kerana ada beberapa NGO yang akan datang untuk mencadangkan membina mungkin bukanlah hospital yang besar, yang kecil dan sederhana untuk memberi perkhidmatan kepada orang-orang Rohingya. Terima kasih.

2. Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta Menteri Pendidikan menyatakan, bilangan terkini penagih dadah dalam kalangan pelajar sekolah serta jenis dadah yang diambil. Nyatakan langkah-langkah yang sedang dan bakal diambil kerajaan untuk membendung fenomena ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Chong Sin Woon]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua pertanyaan yang berhubung kait dengan gejala dadah dan langkah pencegahannya di sekolah. Sehubungan dengan itu izinkan saya menjawab secara serentak kedua-dua pertanyaan tersebut. Yang satu Yang Berhormat Kota Raja pada hari ini. Yang kedua, Yang Berhormat Tebrau pada 22 November 2017.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, pada tahun ini sehingga 31 Julai 2017 murid yang telah dikenal pasti terlibat mencuba dadah ialah 0.03 peratus daripada 4.7 juta orang murid. Daripada peratusan tersebut pecahan mengikut jenis dadah yang dicuba ialah 75.68 peratus dadah jenis *methamphetamine*, 16.73 peratus kanabis, 5.17 peratus opiat, 2.23 peratus *amphetamine* dan 0.19 peratus dadah jenis ketamin.

Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menegaskan bahawa jumlah yang dinyatakan tersebut merupakan bilangan murid yang mencuba dadah dan tidak dikategorikan sebagai penagih dadah. Mereka masih mengikuti pembelajaran dan aktiviti sekolah seperti biasa tetapi perlu mengikuti pemantauan dan bimbingan terancang oleh kaunselor sekolah. Usaha membanteras gejala dadah dalam kalangan murid sekolah telah bermula semenjak tahun 1986. Pendekatan yang dilaksanakan oleh KPM adalah pendekatan pendidikan pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah. Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dilaksanakan di dalam dan luar kelas menerusi kurikulum, kokurikulum serta pembangunan sahsiah.

Semua sekolah mempunyai jawatankuasa PPDa yang akan menyelaras pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun. Antara inisiatif jawatankuasa PPDa yang dilaksanakan di sekolah-sekolah adalah seperti Mesej Lima Minit, sambutan minggu antidadah, bilik ataupun laluan PPDa, pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan dan Program Skim Lencana Antidadah.

Aktiviti PPDA juga dilaksanakan dengan kerjasama agensi-agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Kesihatan dan PEMADAM. Aktiviti yang dilaksanakan dengan kerjasama AADK adalah seperti berikut:

- (i) ujian urin untuk murid sekolah menengah;
- (ii) Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) untuk murid-murid yang dikesan mencuba dadah; dan
- (iii) program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah di kawasan berisiko.

Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Walaupun angka dari segi peratusan tadi 0.003 kalau tidak silap saya tadi, menunjukkan jumlahnya tidak begitu besar sebab melihat ada peratus. Namun apa yang dilakukan oleh Bahagian Siasatan Narkotik Bukit Aman menunjukkan dari semasa ke semasa ada peningkatan di dalam jumlah murid-murid sekolah yang terlibat dengan dadah dan tadi Timbalan Menteri menyebut tentang yang mencuba dan bukan yang dikira sebagai penagih tegar. Cuma langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian ini hanya masa yang akan menunjukkan kepada kita sama ada langkah-langkah ini akan berkesan, sama ada menstabilkan jumlah yang terlibat ataupun menurunkan jumlahnya.

Jadi, saya ingin tahu sebenarnya, apakah tindakan-tindakan susulan yang tadi Menteri ada sebut sedikit tapi saya belum jelas, kepada mereka-mereka ini yang dikira mencuba. Itu satu kategori. Yang lagi satu itu ialah mereka yang sudah disahkan penagih dadah dan masih bersekolah, apakah tindakan susulan kepada mereka untuk menghalang mereka daripada menjerumuskan? Sebab laporan mengatakan bahawa mereka-mereka inilah yang akan menjadi ejen kepada penjualan dan pengagihan dadah-dadah jenis baru ini dan saya ingin bertanya adakah kementerian berhasrat untuk menjalankan saringan yang berkala dan secara sistematik dan bukan hanya bila sekolah itu berisiko tinggi untuk mengesan kes-kes ini lebih awal lagi? Terima kasih.

■1030

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih atas soalan tambahan. Berkenaan dengan saringan, kita hanya membuat *urine test* dengan kerjasama AADK. Kementerian Pendidikan tidak ada peralatan ataupun peruntukan untuk melakukannya, semuanya dibuat oleh AADK. Oleh itu, kita akan kenal pasti kumpulan yang berisiko tinggi sahaja yang akan dilakukan *urine test*. Kalau kita hendak buat *urine test* untuk semua pelajar, satu, ia melibatkan kos yang teramat tinggi, 4.7 juta orang murid. Nombor dua, ia akan menyebabkan impak psikologi untuk murid-murid yang biasa yang tiada isu tetapi diperlukan ataupun dipaksa untuk melakukan *urine test*. Dia akan menjadikan satu impak yang negatif terhadap murid tersebut termasuk ibu bapa akan membuat bantahan.

Berkenaan dengan tindakan, kenapa kita kata mencuba? Sebab setelah dikenal pasti sekolah ataupun kumpulan murid yang berisiko tinggi, maka kita akan buat *urine test*. Selepas *urine test* tersebut, murid-murid yang dapat *positive reaction* akan diberikan satu kaunseling selama tiga bulan oleh kaunselor dalam sekolah. Selepas tiga bulan, kita akan membuat sekali lagi *urine test* kepada pelajar tersebut dan sekiranya mendapati bahawa dia masih lagi positif, maka kita akan rujuknya kepada AADK kerana itu bukan lagi di bawah Kementerian Pendidikan tetapi akan dirujuk kepada pakar untuk mereka melakukan pelbagai program untuk memulihkan mereka.

Kenapa kita kata tidak merupakan penagih? Sebab seorang penagih ataupun penjual ataupun mereka yang menyimpan dadah ini sememangnya sudah dirujuk kepada kes-kes polis di bawah jenayah ataupun di bawah kes dadah dan tidak lagi di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan masalah dadah, saya selalu tegaskan bahawa segala pendidikan tidak akan menjadi lengkap dan sempurna kalau tidak ada kerjasama di antara ibu bapa dan pihak sekolah. Maka khususnya daripada segi ini, oleh kerana masa yang seseorang pelajar ini berada di luar sekolah jauh lebih banyak daripada di dalam sekolah.

Jadi macam mana kita sedarkan ibu bapa bahawa mereka boleh sama-sama membantu untuk membanteras masalah ini dan adakah Kementerian mengenal pasti mana punca pengaruh itu, rakan-rakan itu daripada mana, supaya kita boleh ambil tindakan yang lebih proaktif dan juga efektif. Sekian, terima kasih.

Datuk Chong Sin Woon: Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat Tebrau. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tebrau bahawa masalah dadah itu kebanyakannya bila kita periksa, dia tidak berlaku di kawasan sekolah. Dia merupakan pengaruh di luar kawasan termasuk keadaan sosial ekonomi keluarga dan sosial pergaulan mereka. Oleh itu, kita akan memastikan bahawa kawasan yang berisiko tinggi itu diberikan pendekatan.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa selain daripada program-program yang telah saya sebutkan tadi, kita juga melakukan Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRESS). Menerusi program ini, banyak agensi yang dilibatkan seperti FELDA, PDRM, pihak berkuasa tempatan, jabatan belia, jabatan kebajikan masyarakat, JAKIM dan lain-lain agensi setempat yang bersama-sama untuk kita meningkatkan aktiviti-aktiviti di luar kawasan sekolah di persekitaran tempat tinggal murid yang berisiko tinggi khususnya yang dikenal pasti oleh AADK.

Oleh itu, saya bersetuju sangat bahawa untuk kita membantu membanteras masalah dadah di sekolah ini, kerjasama N-BOS seperti mana yang telah kita lakukan ataupun kalau ada NGO lain di luar sana yang boleh membantu, maka akan lebih berjaya program kita untuk menurunkan jumlah mereka yang mencuba dadah. Kenapa ada perselisihan data daripada Kementerian dengan polis? Sebab kadang-kadang apabila ditangkap di luar sekolah, ada yang mengaku mereka sebagai pelajar, sebenarnya mereka tidak lagi menjadi pelajar. Kadang-kadang ada berlakunya perbezaan data daripada pihak PDRM dengan pihak KPM. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah perancangan jangka masa panjang Kementerian untuk menarik semula pengusaha tuna mendaratkan hasil tangkapan ke negara ini khususnya yang mendapat lesen atau kuota menangkap ikan tuna.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Labuan. Jumlah kuota lesen tuna di *Indian Ocean* yang diperuntukkan kepada Malaysia ialah 135 oleh *Indian Ocean Tuna Commission*. Daripada jumlah itu, kita telah mengeluarkan permit 104 dan daripada jumlah 104 itu, yang dilesenkan setakat ini baru 20.

Pendaratan tuna di Pantai Barat bermasalah sebelum ini disebabkan Pusat Tuna Batu Maung di Pulau Pinang didapati kemudiannya tidak sesuai untuk bot-bot tuna mendaratkan ikan mereka di situ oleh kerana masalah air yang cetek dan untuk mendalamkannya melibatkan kos yang besar. Dengan sebab itu, langkah yang diambil ialah membuka pusat pendaratan di Pelabuhan Pulau Pinang untuk membolehkan pengusaha-pengusaha mendaratkan tuna mereka di tempat tersebut yang dimulakan pada tahun 2016 dan pada mulanya telah mendarat sebanyak 28 metrik tan dengan satu bot beroperasi dan telah meningkat kepada 1,100 metrik tan dan diharapkan jumlah pendaratan ini akan terus meningkat daripada semasa ke semasa.

Bagi Labuan pula, di Labuan, kita telah pun mengeluarkan lesen 21 jongsong tuna di sana iaitu bot-bot C2 untuk beroperasi di laut dalam khas untuk tangkapan tuna di sana. Rekod menunjukkan pendaratan sebanyak 1,360 tan metrik pada tahun 2016 dan dijangka akan bertambah daripada semasa ke semasa. Buat masa ini, fasilitet yang ada ialah jeti swasta dan juga kompleks LKIM.

Namun begitu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Perikanan dan LKIM mempunyai pelan jangka panjang untuk meningkatkan penangkapan dan pendaratan ikan tuna di Labuan dan untuk ini, LKIM akan membangunkan kompleks di Kiansam, Labuan dan kerja-kerja akan bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020 dengan kos projek sebanyak RM20 juta. Pada masa ini, terdapat tujuh pengusaha dan jumlah ini dijangka akan bertambah daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyambung lagi langkah-langkah jangka panjang untuk meningkatkan pendaratan ikan tuna ini dan juga membangunkan industri ini seterusnya.

■1040

Pertamanya, penyelidikan terus dilakukan berhubung dengan sumber laut dalam dan juga tuna.

Keduanya, menggalakkan usaha sama dengan pelabur-pelabur luar negara. Ketiganya, menyediakan kompleks perikanan laut dalam. Tadi sudah disebutkan di Labuan dan kita juga rancang untuk membangunkan kemudahan ini di Pulau Pinang dan juga di Tok Bali.

Sebagai tambahan, program pembinaan payau ataupun tukun. Tukun merupakan rumah-rumah ikan di mana ikan membiak. Apabila ditangkap, kalau tidak kita buat satu program pembiakan, lama-lama pupus ikan di laut. Jadi, pembangunan pembinaan payau ini juga kita lakukan dan juga kita menyediakan kemudahan-kemudahan *cold room* untuk tujuan pengusaha-pengusaha menyimpan ikan-ikan mereka.

Paling penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah kita berusaha untuk membangunkan industri hiliran kepada industri tuna ini. Bermaksud, memproses tuna dan mengeluarkan produk-produk berasaskan tuna. Ini aktiviti hiliran yang boleh meningkatkan nilai atau tambah nilai kepada produk ikan tuna ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Terima kasih juga kepada kerajaan dan kementerian yang telah memperuntukkan peruntukan untuk meningkatkan lagi prasarana Kompleks LKIM di Labuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya difahamkan ia tidak cukup, ia perlu ditambah lagi, terutamanya untuk *wave breaker* yang diperlukan.

Pada masa ini sebenarnya, pendaratan tuna di Labuan adalah melebihi daripada pasaran yang boleh mengambil dan ia terpaksa dihantar ke Kota Kinabalu dan ke tempat lain seperti Terengganu dan sebagainya. Juga ada isu kualiti tuna yang didaratkan. Ini memerlukan pelaburan swasta untuk membolehkan ia dapat dibetulkan keadaan supaya kita boleh eksport dalam kualiti yang baik dan juga supaya kualiti itu dapat dijaga.

Jadi soalan saya, apakah langkah proaktif kementerian dalam menggalakkan pelaburan sektor swasta untuk menyertai industri tuna yang berdaya maju? Termasuklah industri hiliran, supaya tangkapan dapat dibeli semua, khususnya di Labuan yang berupaya menjadi hab industri ikan tuna serta mampu mengurangkan defisit perdagangan makanan negara pada masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Ya, saya setuju iaitu langkah mesti diambil untuk menambah nilai kepada hasil keluaran pertanian kita, termasuk ikan. Kita tidak boleh lagi menangkap ikan dan menjual ikan. Dengan izin, *we have to go one step further* iaitu dengan memasuki bidang pemrosesan, mengeluarkan produk-produk berasaskan ikan, termasuk tuna. Di Hutan Melintang umpamanya, di Bagan Datuk ada sebuah syarikat yang buat *fish ball, crab ball*, macam-macam *ball*. Mungkin di Labuan kita juga boleh bangunkan perusahaan ini, menambah nilai.

So, kita menggalakkan pengusaha-pengusaha, *because the government's not going into the business. This is the private sector. They are the one to lead, to do it, to go into the business.* Kerajaan, cuma kita menyediakan dasar, program, mudah cara, memberikan *environment*, persekitaran, ekosistem yang sesuai, kondusif kepada pengusaha-pengusaha.

Untuk itu, kita bangunkan infranya, pelabuhannya, kemudahannya. Di Sabah dan Sarawak pun saya malas hendak sebut. Ada satu dua yang telah kita bina dengan kos yang begitu banyak sekali. Umpamanya di Tanjong Manis, *it is a RM300 over million complex.* Akan tetapi kerajaan sudah buat, *we have played our part to assist the fishermen, to assist the industry,* Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi berjaya atau tidak berjaya, bergantung kepada sambutan daripada pemain-pemain, *the players of the industry.*

So, I will suggest Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labuan bantu kita to promote, to motivate the entrepreneurs there, especially the local. Kita tidak mahu nanti orang asing sahaja yang mendapat faedah daripada pembangunan industri kita. We want the local people, the rakyat to benefit from the industry. Jadi, peranan kerajaan, kita sudah lakukan. Sekarang ini peranan pengusaha-pengusaha to come forward and embrace the program and the policy introduced by the government. No other government so sensitive in assisting the industry players. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi mengekalkan *supply* tuna, saya difahamkan di Indonesia, di laut Sulawesi ada usaha yang dilakukan bersama pengusaha dari Jepun untuk memelihara tuna di laut lepas. Dipelihara tuna di laut lepas dan ini menjadikan Sulawesi satu *port* yang begitu penting dalam industri ikan tuna.

Adakah kerajaan bercadang untuk melakukan usaha-usaha yang sama iaitu memelihara ikan tuna di laut lepas yang memerlukan teknologi yang spesifik? Setakat ini, hanya negara Jepun sahaja yang memiliki teknologi ini. Adakah kerajaan boleh *explore this kind of technology and* cara-cara untuk mengembangkan dan mengekalkan *supply* ikan tuna? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini belum lagi, Tuan Yang di-Pertua. Maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Rompin, *is very encouraging, very enlightening. Saya rasa we should consider that.* Kita akan buat kajian dan melihat kepada peluang yang boleh kita dapati daripadanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tanya soalan, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniahlah kepada agensi Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang baru-baru ini telah membantu penduduk di kawasan Dengkil yang banjir kilat.

■1050

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada polis, pada JPAM dan sebagainya termasuk pegawai daerah- Sepang ini pegawai daerah dia wanita. Sebelum saya hendak tanya soalan hendak berpantun sikitlah. Itu sudah jadi satu kemestian, lagi satu bukan selalu masuk TV Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita ini dapat setahun sekali pun sudah kira okeylah. Pantun dua kerat sahaja. Pantunnya berbunyi:

*Sekarang menular ungkapan KBK di merata tempat;
Soalan Sepang nombor empat.*

4. **Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) di jalan raya manakah yang telah dikenal pasti sebagai kawasan yang sesak di Sepang khususnya di waktu pagi (pergi kerja) dan waktu petang (balik kerja); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk atasi masalah kesesakan tersebut.

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang.

Untuk soalan nombor 4 ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun mengenal pasti satu lokasi jalan raya yang mengalami kesesakan yang tinggi iaitu di persimpangan FT29 iaitu daripada Jalan Puchong ke Putrajaya, dan juga FT31 Jalan Banting ke Semenyih.

Sehubungan itu kerajaan telah pun meluluskan projek menaik taraf persimpangan FT29/FT31 Sepang, Selangor di bawah *Rolling Plan* Kedua dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan skop projek seperti berikut:

- (i) untuk membina jejambat atau, dengan izin, *flyover* baru empat lorong dua hala berdasarkan piawaian R5 di laluan FT29 merentasi FT31;
- (ii) membina jalan susur ke FT31 dan pusingan-U khusus di bawah jejambat; dan
- (iii) menaik taraf lampu isyarat atau lampu jalan di persimpangan.

Surat Setuju Terima telah pun dikeluarkan pada kontraktor yang dilantik iaitu tarikh milik tapak pada 23 Oktober tahun ini. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang diberikan. Menteri saya harap- saya ingin menyenaraikan, ini yang saya dapatkan maklumat daripada pihak di Sepang bahawa difahamkan ada juga cadangan untuk menaik taraf jalan raya di bawah JKR di kawasan Majlis Perbandaran Sepang, antaranya ialah:

- (i) cadangan penyambungan semula pembinaan jalan bertingkat-tadi yang Menteri kata FT29 dan FT31 dalam jarak 23 kilometer;
- (ii) cadangan persimpangan bertingkat jalan FT27 Jalan Pekeliling merentasi Bulatan Masjid KLIA yang sepanjang 500 meter sahaja;
- (iii) cadangan menaik taraf Jalan FT31 daripada Persimpangan B48 hingga B17;
- (iv) cadangan pembinaan penggabungan jalan di Lingkaran Putrajaya ke Bukit Damar;
- (v) cadangan penyambungan pembinaan Jalan Desa Pinggiran Putra ke Putrajaya; dan
- (vi) cadangan menaik taraf Jalan Sungai Merab dari *Coffee Village* hingga Jalan Utama 1 Taman Desa Jenderam Hilir.

Saya tadi Menteri kata jalan yang FT29 itu, saya rasa saya hendak tanya soalan Menteri, saya harap disegerakan kerana ia adalah laluan bagi penduduk Nilai, Banting dan KLIA. Selepas itu di situ juga pembangunannya komited seperti *Mitsui Factory Outlet* dan Kompleks Tabung Haji yang saya difahamkan sekarang ini hampir siap yang memberi impak tinggi dengan meningkatkan kesesakan trafik. Jadi kalau boleh Menteri-boleh tidak disambung semula jalan yang terbengkalai bagi memberi faedah kepada pengguna KLIA. Ada kawasan itu, rasa Yang Berhormat Menteri tahulah.

Kedua, membina jalan bertingkat yang Menteri kata tadi. Tentang yang naik taraf Jalan FT31 daripada Persimpangan B48 hingga B17, jarak satu kilometer. Kesan daripada tidak naik taraf ini Yang Berhormat Menteri, dia telah menyebabkan pembangunan komited seperti *Southville City* yang buka *interchange* daripada Lebuhraya PLUS terus ke Jalan FT31 ini mengundang kesesakan yang luar biasalah Menteri. Jadi saya harap Menteri dapat mengambil inilah- harap Menteri mungkin dapat memberi jawapan adakah ini semua telah dalam perhatian pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Selain daripada Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat ADUN, Yang Berhormat Tuan Shahrudin daripada Dengkil telah juga banyak kali berjumpa dengan kita untuk menyuarakan beberapa pandangan dan cadangan.

Bagi jalan ataupun persimpangan yang saya nyatakan tadi, jangkaan siap kalau mengikut peruntukan kontrak ini, jalan ini dimulai 23 Oktober 2017 dan *insya-Allah* kalau ikut kontrak kita jangkakan 22 Julai 2020 untuk disiapkan. Manakala untuk Jalan FT29 di mana dikatakan tadi terbengkalai, sebenarnya mengikut sejarah jalan ini asalnya jalan negeri dan minta bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk membuat.

Pada waktu itu ada persetujuan bahawa akan ada pembangunan di sana di mana syarikat pemaju yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri untuk membangunkan, akan menyambung jalan tersebut, tetapi malangnya perancangan pembangunan tersebut tidak jadi. Saya pun tidak tahu apa puncanya, sebab itu tidak ada sambungan daripada jalan yang telah disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Itu untuk persimpangan yang dikatakan terbengkalai itu tadi.

Manakala langkah sementara yang kita lakukan, sementara banyak perancangan yang kita lakukan sebab kaedah untuk membuat jalan adalah berasaskan kepada *survey* ataupun yang dibuat setiap tahun yang dilaksanakan oleh kementerian. Kita tiap-tiap tahun akan membekalkan iaitu *Road Traffic Volume Malaysia* berasaskan kajian tersebut untuk menentukan keperluan di manakah keutamaan jalan-jalan yang perlu dilaksanakan berdasarkan kedudukan kesesakan jalan ataupun yang dikatakan *level of service*.

Memang FT29 dan FT31 memang diketahui *level of service*-nya sudah pun mencapai *level service* 'F' maknanya memang kesesakan begitu teruk sekali dan kita sudah pun merancang berdasarkan *Highway Development Network Programme* beberapa siri pembangunan yang bakal dijalankan. Akan tetapi apa sahaja perancangan kita tertakluk dengan peruntukan kewangan yang akan dikemukakan kepada *central agencies* dan kalau dapat kelulusan *insya-Allah* kita akan laksanakan. Tiap-tiap tahun kita akan kemukakan senarai keperluan-keperluan projek.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor ini mendapat peruntukan yang agak besar untuk penambahbaikan jalan-jalan. Di bawah tahun 2017 sahaja saya kira kita sudah *allocate* untuk naik taraf, membaik semula jalan-jalan dan sebagainya sejumlah RM48 juta. Itu untuk Daerah Sepang sahaja untuk makluman Yang Berhormat. Di Klang ada RM31 juta sebab di Klang sebab pelabuhan dan sebagainya yang perlu kita naik taraf dan juga di Petaling Jaya. Jadi di Selangor ini sebenarnya peruntukan agak besar diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya tentang jalan juga, tentang jalan raya. Pembinaan jalan raya daripada Banting ke Taiping dan sekarang jalan itu sedang dibina di kawasan Tanjong Karang dan melalui Sabak Bernam.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, ada beberapa masalah dan isu yang berlaku tentang pembinaan jalan pada ketika ini. Kita dapati tentang keselamatan dalam pembinaan jalan raya yang mana jalan-jalan yang dibina itu daripada segi *security* ataupun keselamatan dalam pembinaan itu kita dapati banyak kemalangan-kemalangan yang telah berlaku.

Saya mengharapkan kepada Kementerian Kerja Raya ini memastikan bahawa jalan yang sedang dibina itu dipastikan daripada segi keselamatan. Satu lagi saya hendak tanya tentang masalah banjir sekarang. Saya dapati longkang-longkang yang berada dalam pembinaan, kita dapati bahawa longkang-longkang itu kurang diselenggarakan dan mengharapkanlah kepada Kementerian Kerja Raya untuk memastikan bahawa masalah longkang itu dapat diselenggarakan dengan baik. Sekian, terima kasih.

■1100

Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Berhubung kait dengan SOP ataupun *guideline*, garis panduan bila berlakunya pembinaan jalan, memang sebenarnya ada *Traffic Management Programme* (TMP) yang mesti dipatuhi oleh pihak kontraktor untuk memastikan bukan sahaja keselamatan pengguna tapi juga untuk keselesaan pengguna. Di mana notis, lampu dan sebagainya mesti di- *the barriers* itu mesti diletakkan dengan sempurna, dengan baik supaya dan arah tuju juga kepada jalan alternatif dimaklumkan kepada pihak pengguna.

Ini untuk memastikan keselesaan dan juga keselamatan pihak pengguna. Memang saya sedar bahawa memang kita mendapat aduan daripada pihak pengguna dari segi TMP, di projek WCE yang melibatkan jajaran dari Banting termasuklah di Sabak Bernam, Sungai Besar dan juga Tanjong Karang.

Kita akan sentiasa memantau untuk menyiasat segala aduan dan untuk memastikan bahawa pihak kontraktor yang melaksanakan akan mematuhi keseluruhan TMP yang telah ditetapkan.

Termasuk jugalah memastikan keadaan kebersihan di tapak pembinaan termasuk parit-parit tadi tidak tersumbat dan sebagainya supaya aliran air tidak akan tersekat yang boleh memberi kesan kepada banjir dan sebagainya. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sabak Bernam yang telah membangkitkan perkara ini dan kita akan pastikan bahawa JKR ataupun *the project director* dan juga syarikat akan mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai akan diambil sebagai keutamaan dalam pelaksanaan projek-projek sebegini. Terima kasih.

5. Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kes kebangkrutan di kalangan generasi muda berkaitan penggunaan kad kredit dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk membendunginya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Sipitang. Tuan Yang di-Pertua, jumlah pemegang kad kredit utama pada akhir September 2017 adalah sebanyak 3.7 juta orang.

Daripada jumlah tersebut generasi muda yang berumur kurang daripada 30 tahun yang diisytiharkan mufliis bagi tempoh Januari hingga September 2017 adalah sebanyak sembilan orang berbanding dengan pada kategori yang sama untuk tahun 2014, 12 orang, tahun 2015, 17 orang dan tahun 2016, 22 orang. Antara punca utama kemufliisan di kalangan generasi muda adalah disebabkan hutang kad kredit lebih daripada kemampuan, penggunaan lebih daripada kemampuan.

Dari tahun 2014 hingga 2016, purata statistik generasi muda yang diisytiharkan mufliis itu adalah lingkungan 1.1 peratus. Majoriti daripada yang mufliis adalah akibat kad kredit adalah berumur lebih daripada 30 tahun. Berbagai-bagai langkah diambil oleh pihak Bank Negara bagi memastikan hanya pengguna yang layak dan berkemampuan sahaja diberikan kemudahan kad kredit bagi mengawal tahap keberhutangan pemegang kad kredit.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah memperketat syarat-syarat pengeluaran kad kredit seperti pendapatan minimum daripada RM18,000 setahun ditingkatkan kepada RM24,000 setahun. Pemegang kad kredit yang berpendapatan RM36,000 ke bawah hanya boleh memegang dua kad kredit daripada dua pengeluar sahaja, mempunyai had maksimum kredit tidak melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad kredit setiap pengeluar. Kemudian Bank Negara juga mengeluarkan garis panduan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab.

Selain daripada itu, pengeluar kad kredit juga diminta memaparkan kenyataan amaran mengenai jumlah bayaran minimum dan memaklumkan jangka masa yang diperlukan untuk menyelesaikan baki yang belum jelas dan jumlah kos faedah tambahan jika pemegang kad kredit itu hanya membayar bayaran minimum.

Pemegang kad kredit juga dinasihatkan menggunakan kad kredit secara berhemat. Selain daripada itu, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) juga memainkan peranan untuk memberi nasihat kepada mereka yang sukar untuk membayar balik, boleh dapatkan kaunseling. Sudah tentu selain daripada itu untuk jangka panjang, Bank Negara Malaysia menyediakan Jaringan Pendidikan Kewangan ataupun *Financial Education Network* bermula pada 20 November 2016 untuk menyelaras dan memacu strategi pendidikan kewangan di peringkat kebangsaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan nombor lima. Kehidupan moden ini, kad kredit dan sebagainya adalah *lifestyle* sebab ia mudah. Main gosok, main cocok, main tarik, keluarlah duit yang akhirnya ia berbilion ringgit hutang dalam kehidupan.

Saya mendapat maklum bahawa Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang telah pun menyelesaikan lebih 14,688 individu yang telah berjaya menguruskan RM593 juta. Itu yang terurus tetapi yang tidak dapat diurus yang berhutang saya pasti ia berbilion ringgit dilakukan oleh rakyat Malaysia ini. Apakah AKPK yang melaksanakan program bercorak pendidikan dalam masyarakat? Hal ini kerana masyarakat sebenarnya ramai yang kurang tahu mungkin dari struktur bagaimana usaha amalan pengurusan kewangan berhemah yang selalu disebut.

Akan tetapi dari aspek bagaimana memberi kesedaran kepada mereka. Jadi apakah AKPK telah melaksanakan program bercorak pendidikan secara teratur untuk melaksanakannya kepada generasi muda khususnya dan apakah isu utama mereka yang mendapat kaunseling ini untuk diberi kesedaran dalam masyarakat kita? Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat Sipitang. Berkait dengan soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sipitang dengan khusus kepada AKPK ataupun Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit. Memangnya agensi ini merupakan satu agensi yang memberi kaunseling kepada mereka yang menghadapi masalah dari segi pembayaran hutang. Hutang ini bukan hanya sekadar melibatkan hutang kad kredit, tetapi hutang-hutang lain termasuklah yang disebutkan sebagai *household debts*. Termasuklah pembelian rumah, pembelian kereta, pembelian mungkin *security* kemudian pembelian aset yang bukan rumah macam rumah kedai dan sebagainya.

Kemudian apabila mereka-mereka yang mempunyai hutang-hutang ini menghadapi masalah untuk membayar balik kemudian dikejar oleh bank dan sebagainya yang disebut selalu sebagai NPL, orang yang tidak boleh nak membayar hutangnya. Maka Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit ini datang ke depan untuk memberi nasihat. Jadi orang yang berhutang ini bolehlah, nombor satu sekali pergi berhubung dengan AKPK supaya mereka dapat diberi nasihat bagaimana untuk menyelesaikan hutang-hutang mereka dan antara peranan-peranan yang selalulah dimainkan oleh AKPK ini sudah tentulah melibatkan mereka-mereka yang terjerat dengan hutang-hutang kad kredit.

Jadi peranan AKPK adalah untuk membantu individu yang menghadapi masalah menguruskan kewangan mereka iaitu dengan mencadangkan kepada individu tersebut melakukan perubahan gaya hidup. Makanya orang yang terlibat itu juga perlu untuk ubah gaya hidup, korban sedikit daripada hidup yang senang lenang ini kemudian membantu menyusun semula peranan ataupun hutang yang mereka ambil itu.

Kemudian membuat pelan pembayaran balik bersesuaian mengikut profil dan komitmen mereka melalui perundingan dengan institusi perbankan berkenaan dan sudah tentulah saya bersetuju seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Sipitang tadi, AKPK telah membantu 14,688 melibatkan lebih daripada setengah bilion hutang-hutang yang terlibat. Akan tetapi AKPK memang akan cuba membantu rakyat yang terlibat ini supaya agar mereka tidak akan akhir sekali diisytiharkan bankrap dalam kehidupan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

■1110

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Kita lihat rakyat Malaysia di antara rakyat yang paling tinggi hutang isi rumah di Asia. Apakah penyelesaian yang kerajaan lihat dalam isu ini? Ada yang terpaksa berhutang bukan untuk hidup mewah tetapi untuk keperluan asas kehidupan.

Jadi saya ingin tahu, berapa ramaikah yang telah diberi pelepasan secara automatik sejak pelaksanaan pindaan Akta Insolvensi 1967 yang telah diluluskan agar mereka yang telah diisytiharkan bankrap ini dapat kembali menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara? Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat Rantau Panjang. *Household debt* ini ataupun hutang isi rumah ini yang saya sebutkan awal tadi melibatkan hutang-hutang pinjaman perumahan, *auto financing*, dengan izin, *personal loan*, kemudian *non-residential properties* iaitu membeli harta-harta macam rumah kedai dan sebagainya, kemudian ada juga yang meminjam untuk buat *securities*, untuk membeli saham, kemudian sudah tentu kad kredit.

Mengikuti rekod kitalah sepanjang tahun 2015, hutang isi rumah kita ini berbanding dengan KDNK pada kadar 89 peratus, tahun 2016 turun ke 88.3 peratus, kemudian pada tahun 2017 sehingga *quarter* tiga ataupun Q3 ini sudah pun turun juga lagi ke 85.6 peratus.

Kita menyedari bahawa dalam usaha kita hendak mengawal kadar hutang isi rumah yang agak tinggi ini, kita kena mengimbangi antara permintaan dan keperluan rakyat dan juga keperluan institusi kewangan.

Kita ada meningkatkan usaha-usaha bagi mengekang hutang-hutang yang tidak produktif. Antaranya yang kita sebut kalau hutang untuk meningkatkan aset ataupun mencipta kekayaan ataupun *wealth creation* seperti membeli aset untuk rumah dan sebagainya, sudah tentulah kita hendak menggalakkan, walaupun mereka ada hutang tetapi akhir sekali hutang yang sudah selesai itu mereka boleh mempunyai, memiliki rumah ataupun aset-aset lain yang boleh meningkatkan *value* ataupun nilai di masa depan.

Jadi apa yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi- salah satu lagi soalan- berapa ramai yang telah terkeluar daripada garis kebangkrutan setelah Akta Kebankrapan telah pun digubal baru-baru ini. Ia telah pun diubah. Yang itu, saya belum dapat menjawab kerana sebenarnya ia masih baru sahaja dalam proses pelaksanaan dan saya ingat mungkin setahun dua lagi baru kita dapat data yang terperinci. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Topik ini amat dekat dengan saya. Bila Yang Berhormat Rantau Panjang bangun tadi tanya soalan ini, memang amat bertepatan.

Saya tengok pada hari ini masih lagi generasi muda khususnya yang umurnya lebih kurang 29, 31 tahun dan sebagainya yang dahulu mereka pernah pinjam *Mammoth* ataupun *Singer* zaman dahulu yang pinjamannya tidak banyak, RM800, RM900 ataupun RM2,000 tetapi hari ini bila mereka hendak beli rumah PPR contohnya, bila mereka hendak buat pinjaman, masih lagi ada tersekat tidak boleh hendak dapat pinjaman oleh kerana mereka masih terutang *Singer*, *Mammoth* dan sebagainya. Jadi akhirnya mereka balik kepada Wakil Rakyat. Ada tempat saya ini, sayalah tempat mereka mengadu, "*Datuk, tolong tengokkan*" dan sebagainya.

Jadi yang kita tengok CTOS dan sebagainya yang dahulu-dahulu ini, saya harap Kementerian Yang Berhormat Menteri dapat melihat *micro manage* berkaitan dengan tindakan ini sebab ia perlu N-BOS dengan kementerian-kementerian yang lain juga- Kementerian Perumahan, Kementerian Kewangan, Kementerian Undang-undang dan sebagainya. Jadi ini dapat memudahkan untuk rakyat sebab masih lagi- PTPTN satu hal lah, yang belah kanan saya ini... [*Merujuk kepada Yang Berhormat Lenggong*] Akan tetapi *alhamdulillah* dapat dipantau dan boleh dilepaskan.

Akan tetapi yang ini *Mammoth*, *Singer* dan sebagainya ini, masih lagi menjadi masalah kepada rakyat khususnya generasi muda sebab kita tahu kita amat dekat dan sayang kepada generasi muda ini untuk memberi peluang kepada mereka membeli rumah dan mulakan hidup setelah mereka berkahwin dan sebagainya.

Soalan saya, apakah tindakan kementerian Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan hal ini? Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Baling di atas soalan tersebut. Pertama sekali, seperti Yang Berhormat Baling sebutlah, memang kita amat prihatin, kita cuba kalau boleh hendak memberi ruang peluang kepada rakyat terutama generasi muda yang *couples* baru kahwin untuk memiliki rumah. Itu penting.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga perlu ingat bahawa pengurusan kredit persendirian, *individual credit management* ini penting sebab seperti Yang Berhormat Baling sebut tadi, kalau dulu-dulu hutang cara lama itu ia lebih mudah hendak di-*manage* tetapi hari ini mungkin setengah orang berpendapat bahawa oleh kerana mudahnya kita mendapat ruang untuk berhutang sama ada kad kredit dan sebagainya, dan mungkin juga yang Yang Berhormat Lenggong sedang tanggung ketika ini iaitu masalah PTPTN.

Jadi apabila mereka bekerja, syarat yang kita berikan untuk mengeluarkan kad kredit itu pun kita beri atas pendapatan kasar setelah ditolak KWSP, mungkin juga PCB kalau dia layak bayar cukai, kemudian PTPTN. *Then only*, baru kita bagi *nett income* itu baru kita kali enam atau lima kali ganda daripada pendapatan itu.

Jadi maksudnya kalau dulu mungkin hanya *gross income* kita bagi terus dengan beberapa kali ganda gajinya untuk had *credit limit* tetapi hari ini kita tolak dahulu hutang-hutang berwajib ini seperti KWSP, PTPTN dan sebagainya. Itu sebagai salah satu langkah lagi.

Kemudian, dalam masa yang sama, seperti Yang Berhormat Baling sarankan, N-BOS antara MOF dengan KPKT, kemudian mungkin JPM Bahagian Insolvensi, yang ini memang sentiasa berjalan sebab hari ini kita memang ada CIA kita ini, *collection of information arrangement*, di mana dengan hanya satu tekan *button*, kita dapat maklumat-maklumat tertentu. Oleh sebab itulah hari ini agak sukar untuk orang-orang hendak mendapat pinjaman dan sebagainya.

Jadi untuk hendak menggalakkan mereka-mereka yang hendak memerlukan rumah terutama PPR dan sebagainya ini, sudah tentulah mereka perlu menguruskan hutang mereka ini dengan baik supaya tidak ada CTOS dan tidak ada CCRIS supaya mudah untuk diluluskan pinjaman yang dipohon. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 6 - YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah) tidak hadir]

7. **Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah bentuk kerjasama yang wujud antara pihak kementerian dan Kementerian Pelancongan dalam usaha menarik lebih ramai lagi pelancong domestik dan luar negara ke Kuala Lumpur pada masa kini.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiawangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat Setiawangsa, beberapa aktiviti dan program pelancongan kolaborasi bersama pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dilaksanakan dalam dan luar negara. Perkara ini boleh dirujuk kepada Pelan Strategik Pelancongan Kuala Lumpur 2015-2025 melalui inisiatif 10.3, *Develop KL - Specific Collaboration Marketing*.

Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan penjenamaan dan pemasaran khusus untuk Kuala Lumpur bagi mempromosikan pelancongan yang terdapat di Kuala Lumpur dengan cara yang lebih spesifik dan memberi kemudahan kepada pelancong untuk mengakses maklumat yang lebih tepat dan sistematik berkenaan tempat-tempat yang menarik untuk dilawati.

Kerjasama yang erat dengan pemain industri, persatuan dan agensi yang terlibat melalui promosi pakej pelancongan yang berkesan, rangkaian pemasaran yang lebih luas, peningkatan pendekatan kepada saluran media sosial dan iklan disasarkan dapat digunakan untuk meluaskan jangkauan pemasaran dan promosi.

Di peringkat antarabangsa, pendedahan pemasaran antarabangsa dapat diperluaskan serta perkongsian maklumat untuk mendapatkan akses yang lebih baik ke pasaran sasaran seperti China, India dan Timur Tengah. Melalui usaha ini, Kuala Lumpur akan dapat meningkatkan promosi melalui hubungan timbal balik di pasaran sasaran.

Sehubungan dengan itu, DBKL dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sentiasa bekerjasama bagi menggalakkan industri pelancongan di Kuala Lumpur, antara aktiviti program tersebut:

- (i) kerjasama luar negara;
- (ii) promosi di Singapura;
- (iii) program *ASEAN Tourist Forum* yang telah diadakan dari 16 hingga 20 Januari 2017;

- (iv) promosi Mumbai India;
- (v) program *Outbound Travel Mart* yang telah diadakan pada 21 hingga 23 Februari 2017; dan
- (vi) promosi di Dubai, UAE melalui program *Arabian Travel Market 2017* yang telah diadakan pada 24 hingga 27 April 2017.

■1120

Kerjasama dalam negara, program *about* Kuala Lumpur; *blogger and influencer care engagement* yang telah diadakan di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) pada 28 hingga 30 Disember 2016, program *Influence Asia Kuala Lumpur site visit* yang dilancarkan pada 7 April 2017 di beberapa tempat iaitu *Kuala Lumpur Bird Park*, Muzium Kesenian Islam, Menara Kuala Lumpur, Royal Selangor, *Mud: Our Story of Kuala Lumpur* dan Taman Botani Perdana.

Ketiga, program N-BOS, Keretapi Sarong at Sayang Malaysia 2017 bersempena sambutan Hari Malaysia di Muzium Negara yang telah diadakan pada 16 September 2017. Program *Kuala Lumpur Fabulous Food Hunt 2017* yang diadakan di Dataran DBKL pada 7 Oktober 2017 dan program *Eat.Travel.Write.Doodle* sempena Citrawarna 2017 di sekitar Kuala Lumpur pada 27 hingga 30 Oktober 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, program *Global Summit on Urban Tourism 2017* akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada 4 hingga 6 Disember 2017 ini bertempat di Hotel Majestic Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, laporan penyelidikan Euromonitor yang terkini meletakkan Kuala Lumpur sebagai 10 daripada 100 bandar dalam dunia yang paling dilawati. Pada tahun 2016 12.29 juta pelancong melawat Kuala Lumpur, tahun 2017 12.8 juta, peningkatan sebanyak 4.5 peratus. Soalan saya, dalam pembentangan bajet 2018, Yang Amat Berhormat Pekan mengisytiharkan bahawa tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia.

Oleh itu, apakah perancangan spesifik Kuala Lumpur dan apakah produk yang ingin diketengahkan oleh Kuala Lumpur untuk memastikan *ranking* nombor 10 itu kekal atau lebih baik daripada itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiawangsa, rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Biro Tourism Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, banyak acara yang telah dirancang. Mereka juga membuat beberapa aplikasi untuk membantu pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur dan dapat pergi ke tempat-tempat penarikan ini dengan senang. Rancangan-rancangan itu tidak ada di tangan saya untuk diberi, tetapi saya akan beri secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya tahu, pihak kerajaan tidak ada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan yang baru masuk, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menarik pelancong dari negara China.

Jadi saya hendak tanya, apakah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan cuba mempromosi pelancongan dari warga negara China datang ke Kuala Lumpur? Adakah kita mempunyai wakil ataupun lebih pegawai yang fasih dalam bahasa Tionghoa supaya kita boleh adakan lebih program bersama dan dapat maklum balas daripada pelancong dari Negara China itu tentang apa yang mereka suka, yang paling suka tentang Kuala Lumpur dan juga kita ada wujudkan *sister city* di antara Kuala Lumpur dengan apa-apa bandar utama di negara China.

Jadi, apakah rancangan Kementerian Wilayah Persekutuan daripada segi mungkin melantik lebih pegawai, malahan *part time consultant* yang fasih dalam bahasa ini supaya kita boleh bawa pelancong dari Negara China menggunakan lebih wang, adakan lebih perbelanjaan di Kuala Lumpur supaya mereka tidak pergi ke tempat lain. Ini sebagai Wakil Rakyat Kuala Lumpur, ini apa saya minat hendak tanya.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh, apa yang Yang Berhormat Seputeh tadi tanyakan lebih berkenaan dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Biro Pelancongan Kuala Lumpur. Ini adalah satu aspek yang ditubuhkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk membantu mempromosikan Kuala Lumpur sebagai satu destinasi pelancongan, bukan sebagai— kita tidak jalankan semua aktiviti pelancongan.

Oleh itu, saya rasa soalan ini lebih sepatutnya kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Akan tetapi bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, memang kita mengambil kira bukan sahaja pelancong dari China, kita juga mengambil kira pelancong-pelancong dari Jepun, Korea dan juga India. Kita sedang membuat persiapan untuk memenuhi kehendak-kehendak ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, keluasan tanah bangunan baru Jabatan Kesihatan Alam Sekitar DBKL yang dibina di Taman Tasik, Pudu Ulu dan Cheras, jumlah kos projek, kemajuan pembinaan, dan adakah pembinaan ditangguh dan dilewatkan. Jika ya, apakah sebab dan adakah ini akan menyebabkan kos bertambah dan penilaian semula projek terpaksa dibuat.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Cheras.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Cheras, projek pejabat Jabatan Kesihatan Alam Sekitar DBKL dan klinik ini dibangunkan dalam keluasan 1.7791 hektar- 4.40 ekar. Kos projek adalah RM34,866,045 dan kontraktor yang dilantik melalui proses tender terbuka ialah Tetuan Jasmadu Sdn. Berhad. Kemajuan fizikal di tapak pada 19 September 2017 adalah sebanyak 37.21 peratus, berbanding dengan jadual asal sebanyak 43.84 peratus iaitu kelewatan sebanyak 6.63 peratus bersamaan dengan 47 hari.

Untuk makluman Yang Berhormat, kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh adanya kerja-kerja tambahan yang terdiri dari penambahan kuantiti pemotongan dan pemindahan pokok, pertambahan pemotongan dan pembuangan keluar tanah serta pertambahan kedalaman cerun mengikut keadaan tanah. Jumlah kos untuk semua kerja tambahan ini adalah RM729,236- 2.09 peratus, yang menjadikan nilai kos projek terkini sebanyak RM35,599,281. Tiada penangguhan dibuat atas projek ini. Berdasarkan jadual pembinaan yang terkini, projek dijangkakan siap pada bulan April 2018. Sekian, terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Kesihatan Alam Sekitar DBKL terpaksa berpindah akibat tanah yang diduduki oleh jabatan itu telah pun dijual kepada Jakel Trading, sebuah syarikat kroni UMNO dengan keizinan Menteri Wilayah Persekutuan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Betul. Betul.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya ingin tanya, persoalan saya, pertamanya, tanah asal yang telah dijual kepada Jakel ini, mengapakah dijual secara rahsia dan di bawah harga pasaran? Ini merugikan rakyat dan juga mengapakah kerajaan merugikan rakyat lagi dengan kos...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tanyalah, janganlah banyak tanya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Pembinaan yang sebanyak hampir RM35 juta itu, dibayar sepenuhnya oleh DBKL. Apakah sebabnya, jika benar kerajaan akan perlu membayar pampasan kepada Jakel sekiranya berlakunya kelewatan pembinaan bangunan baru bagi Jabatan Kesihatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, bangunan baru untuk Jabatan Kesihatan itu sepatutnya mengikut jadual.

■1130

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Panjang ceramah ini.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Mengikut jadual, sepatutnya siap dibina pada bulan Mei ini.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Soalan, soalan.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Apakah sebabnya kelewatan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kroni DAP pun banyak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Yang Berhormat Cheras. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, fakta Yang Berhormat Cheras kata itu tidak betullah... [*Dewan riu*] Apa juga tanah yang dijual adalah tanah yang dijual-polisi DBKL adalah untuk menjualnya pada harga pasaran dengan tambahan 20 peratus.

Seorang Ahli: ...Ha! Dengar itu.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Dia tidak dijual seperti mana Yang Berhormat Cheras cakap... [*Dewan riu*] Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya jawab kah Yang Berhormat...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia tidak sama Pulau Pinang.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Janganlah Yang Berhormat, tadi saya diam dengar sahaja, sekarang bagi saya jawablah dulu.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Satu, tuduhan. Keduanya, cakap UMNO kroni, saya tidak tahulah. Yang Berhormat Cheras dapat dari mana, saya pun tidak tahu dari mana. Yang Berhormat Cheras agaknya *lists*. Saya tidak tahu, saya tidak ada, DBKL pun tidak ada.

Ketiga, kelewatan yang berlaku di atas tanah yang kita sedang bina ini, memang kita tidak kenal pasti. Pada masa pembinaan baru kita rasa ada sesuatu yang kita perlu lakukan. Akan tetapi kita mempunyai jalan-jalan untuk kita runding. Saya rasa tidak akan memberi kerugian. Jangan lupa tadi Yang Berhormat Cheras kata DBKL menanggung pembayaran RM35 juta. Memang betul.

Akan tetapi kita juga mendapat keuntungan daripada hasil penjualan tanah tersebut yang mendapat 20 peratus tambahan kepada harga pasaran. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian-kementerian menjawab perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan 2018 dan diputuskan bacaan kali kedua dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 14 November 2017.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2018

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2018 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion Ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[9 November 2017]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Saya jemput Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menjawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

11.34 pg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya memulakan penggulungan saya, saya ingin mengalu-alukan kedatangan pelawat-pelawat daripada delegasi ketua-ketua kampung daripada Parlimen Padang Rengas... [Tepuk] Begitu juga daripada *Yokohama Taxi Associations* yang daripada Yokohama dan melawat negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berikut, Yang Berhormat Putatan; Yang Berhormat Lenggong; Yang Berhormat Kuala Kangsar; Yang Berhormat Sekijang; Yang Berhormat Lanang; Yang Berhormat Sibuti; Yang Berhormat Batu Sapi; Yang Berhormat Rantau Panjang; Yang Berhormat Labuan; Yang Berhormat Kangar; Yang Berhormat Parit; Yang Berhormat Sibui; Yang Berhormat Sepanggar; Yang Berhormat Gerik; Yang Berhormat Batu Gajah; Yang Berhormat Kota Melaka; Yang Berhormat Sik; Yang Berhormat Kudat; dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Sepanjang perbahasan Bajet 2018 peringkat dasar, pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Kelima, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang meminta kementerian menjelaskan sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah pemantauan pengendali-pengendali umrah melalui *Integrated Manasik Monitoring System (IMAMS)* yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan sistem *Integrated Manasik Monitoring System (IMAMS)* oleh kementerian belum lagi dilaksanakan. Cadangan penggunaan sistem IMAMS ini merupakan satu lonjakan transformasi dalam memantau pengendalian pakej umrah dan ziarah oleh agensi pengendali umrah demi menjaga kepentingan jemaah. Jadi dia punya keberkesanan itu kita belum tahu lagi. Kita belum laksana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menguruskan banyak kes penipuan pakej umrah ziarah sebelum ini. Apa yang paling mendukacitakan adalah isu jemaah terkandas sama ada mereka tidak dapat berlepas ke tanah suci mahupun tidak dapat pulang ke Malaysia pada masa-masa yang sepatutnya. Jemaah yang terlibat dalam kes-kes seperti ini menjadi mangsa keadaan di atas kerakusan dan ketamakan sebilangan pengendali-pengendali umrah dan ziarah sehinggakan ada jemaah yang kehilangan pekerjaan kerana gagal pulang bertugas.

Ada jemaah sakit yang kehabisan bekalan ubat disebabkan terkandas. Ada juga kes jemaah yang kehilangan semua wang tabungan mereka yang telah dibayar untuk pakej umrah ziarah ini tetapi masih terkandas di Malaysia. Adalah amat menyedihkan apabila kes-kes seumpama ini turut menjejaskan imej agama Islam dan seterusnya mencemarkan imej negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sering dijadikan model oleh negara-negara Islam yang lain.

Pihak kementerian telah mengkaji kaedah pengurusan pihak Kerajaan Arab Saudi dalam usaha mereka memastikan tiada permasalahan yang timbul ke atas jemaah-jemaah umrah di tanah suci yang jumlahnya mencecah jutaan umat Islam setiap tahun. Ketegasan penguasa Kerajaan Arab Saudi sebenarnya turut disokong oleh penggunaan sistem bersepadu atas talian yang berkesan dalam membantu pihak kerajaan mereka mengenal pasti muassasah-muassasah yang wajib bertanggungjawab menguruskan jemaah dengan teratur sepanjang mereka berada di tanah suci.

Sehubungan dengan itu, pihak kementerian yakin dengan penggunaan sistem seumpama ini akan dapat membantu aspek pemantauan, siasatan dan penguatkuasaan pengurusan jemaah Malaysia dengan teratur yang dilaksanakan oleh semua pengendali industri umrah bermula daripada tempahan dan pembelian pakej umrah ziarah itu sendiri.

Sistem IMAMS ini akan membolehkan Kementerian memastikan tanggungjawab agensi pengendali umrah ke atas jemaah mereka dilaksanakan dengan baik dan teratur tanpa ada sebarang unsur manipulasi mahupun penipuan.

Sistem ini juga akan dapat membolehkan Kementerian memantau status tempahan dan pengesahan semua keperluan logistik jemaah khususnya yang melibatkan tiket penerbangan, penginapan dan visa umrah telah benar-benar ditempah, dibayar dan disahkan oleh agensi pengendali umrah ziarah terbabit tanpa sebarang alasan dan pindaan pada saat-saat akhir.

Justeru, pihak Kementerian percaya pelaksanaan sistem IMAMS ini akan dapat mengatasi masalah manipulasi dan penipuan pengendalian pakej umrah ziarah dengan secara telus dan seterusnya akan dapat melindungi bakal jemaah ke tanah suci khususnya warga emas daripada menjadi mangsa pihak syarikat pengendali umrah yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

■1140

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang telah diberi. Saya ingin tahu apakah yang melibatkan kos? Berapakah kos yang akan ditanggung oleh peserta umrah yang kena dibayar kepada pihak IMAMS ini dan siapakah mereka ataupun orang yang mengendalikan IMAMS ini? Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bayaran RM90.10 ini termasuk GST yang dikenakan kepada syarikat mengendali umrah ziarah sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas pengurusan jemaah. Di mana Kementerian juga turut maklum bahawa peniaga mungkin akan memindahkan harga tersebut kepada pengguna pula dengan menaikkan kadar harga pakej-pakej yang ditawarkan. Sebenarnya pengendalilah yang kena bayar.

Cadangan kadar RM90.10 ini melibatkan dua elemen utama iaitu RM40 bagi perlindungan insurans takaful umrah yang melindungi jemaah secara komprehensif dan mengikut garis panduan pihak Kementerian yang ditetapkan daripada mula perjalanan pergi sehingga tamat perjalanan pulang. Perlindungan insurans merangkumi lima elemen utama iaitu:

- (i) kemalangan diri termasuk khairat kematian;
- (ii) kesulitan perjalanan;
- (iii) perubatan;
- (iv) pemindahan kecemasan; dan
- (v) bayaran balik deposit tiket disebabkan penutupan agensi pelancongan.

RM45 pula adalah kos pentadbiran, penyelenggaraan dan operasi sistem yang akan dilaksanakan oleh Syarikat IMAMS dengan pemantau oleh pihak kerajaan dan RM5.10 adalah GST. Jadi inilah caj yang dikenakan kepada mereka yang akan mengambil bahagian dalam untuk pergi ke tanah suci di bawah program umrah ziarah ini.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Ya terima kasih. Penjelasan sedikit Yang Berhormat Menteri. Biasanya pengendali umrah yang gagal ini memberi alasan utama lewat mendapat visa umrah. Mereka sudah mempunyai tiket, jadi akhirnya tergendala perjalanan, itu alasan mereka.

Soalan yang saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka pengendali ini yang gagal hingga menyebabkan kehilangan kerja dan sebagainya. Jadi apa tindakan tegas kepada mereka ini? Adakah tarik sahaja lesen tetapi tidak kena apa-apa denda kepada mereka? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua pertama sekali soal alasan yang diberi iaitu bahawa visa ini lambat diberikan ini dapat diatasi dengan sistem IMAMS yang mana kita memastikan itu tiket penerangan di bawah sistem IMAMS ini dan juga tempahan untuk tempat tinggal di tanah suci dan juga permohonan visa itu dibuat.

Jadi ketiga-tiga ini adalah penting kerana tanpa visa maka tidak boleh lah pergi ke tanah suci walaupun sudah mendapat apa yang dikatakan tempatnya yang sudah ada, tiket penerbangan yang sudah ada. Jadi dengan sistem ini dia integrasi bila visa dapat barulah tempat dan tiket penerbangan itu akan dibuat. Bermakna ia akan menjamin bahawa permohonan visa itu dilakukan sekali dengan penempahan tempat tinggal di tanah suci dan juga dengan tiket penerbangan. Jadi diharapkan dengan adanya sistem IMAMS ini, ia akan dapat mengatasi masalah alasan yang selalu diberi iaitu bahawa visa yang lambat diberi.

Keduanya di bawah akta kita bukan hanya sekadar kita boleh tarik balik lesen untuk menjalankan kerjanya sebagai syarikat agensi pelancongan tetapi ia jua kalau ada elemen penipuan, maka dia juga boleh didakwa di mahkamah bukan hanya sekadar di denda tetapi juga boleh dikenakan tindakan yang lebih keras lagi.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri sedikit ya, boleh? Saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian yang mencadangkan satu sistem untuk memantau penipuan-penipuan perjalanan umrah ini. Cuma barangkali kita boleh kemas kini kan lagi. Pertamanya IMAMS itu sendiri adakah akan diberikan kepada koperasi-koperasi yang menjadi milik masyarakat sehingga akhirnya keuntungan daripada IMAMS itu juga akhirnya mengalir semula kepada rakyat satu.

Yang kedua insurans yang dicadangkan atau takaful yang dicadangkan tadi adakah dia akan melepaskan bebanan daripada syarikat pengendali umrah jika berlaku sebarang risiko-risiko yang lain kerana biasanya pengendali umrah ini memang akan ada mereka-mereka yang cuma mengambil kesempatan untuk hanya menerima untung tetapi tidak bersedia menerima kerugian. Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali ini saya ingin sebutkan bahawa pelaksanaan sistem IMAMS ini bukanlah bertujuan untuk hendak memberikan keuntungan kepada koperasi-koperasi syarikat. Tujuan kita mengadakan IMAMS ini adalah untuk menjaga kebajikan orang yang menempah untuk yang hendak pergi umrah. Itu jauh lebih penting lagi. Itu keutamaan kita. Jadi kalau Yang Berhormat tanya kepada saya hendak bagi untung kepada koperasi itu bukanlah keutamaan kita. Yang kita hendak jaga itu orang yang hendak pergi umrah supaya mereka itu tidak tertipu.

Keduanya, saya telah sebut di sini bahawa lima elemen utama dalam soal insurans ialah:

- (i) kemalangan diri termasuk khairat kematian;
- (ii) kesulitan perjalanan- mungkin di tengah jalan ada sedikit-sedikit kesulitan itu akan di *cover* oleh insurans;
- (iii) perubatan;
- (iv) pemindahan kecemasan; dan
- (v) bayaran balik deposit tiket disebabkan penutupan agensi pelancongan.

Jadi ini saya rasa lima elemen ini telah pun merangkumi semua masalah yang mungkin dihadapi oleh pembeli-pembeli pakej umrah ini. Jadi selain daripada itu, maka ia tidak ada *coverage*-lah. Terima kasih Yang Berhormat ada lagi?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ada Yang Berhormat Menteri. Yang akan *cover* tadi takaful bukan insurans yang berunsurkan Islam sahaja bukan syarikat insurans konvensional?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sejumlah RM40 bagi perlindungan insurans takaful umrah. Terima kasih. Ada lagi? Tidak ada? Baik.

Terima kasih habis kita soal umrah ini. Kita pergi ke ahli Yang Berhormat Putatan. Tidak ada? Tidak ada tidak perlu jawablah. Kita akan bagi jawapan bertulis ya. Ahli Yang Berhormat Lenggong? Jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong ada Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Lenggong ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong boleh bangun?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ahli Yang Berhormat Lenggong memohon kementerian menyediakan kemudahan infrastruktur yang sesuai dengan taraf Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia dan mempromosikan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan serta Pesta Makan Tradisional Lenggong dijadikan sebagai satu acara tahunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM17.41 juta di bawah *Rolling Plan* Kedua iaitu 2017 hingga 2018. Rancangan Malaysia Ke-11 iaitu RMKe-11 menaik taraf infrastruktur pelancongan di Lembah Lenggong yang merangkumi projek-projek berikut:

■1150

- (i) projek naik taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak iaitu sebanyak RM5 juta; dan
- (ii) pengambilan tapak warisan dunia Lembah Lenggong di Bukit Bunuh dan Bukit Jawa Lenggong, Perak iaitu sebanyak RM14.21 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek naik taraf Galeri Arkeologi Lembah Lenggong meliputi pembinaan Galeri Perak Man, auditorium dan kemudahan sokongan yang mana ianya dijangka siap pada awal tahun 2018. Manakala pengambilan tanah tapak warisan dunia di Lembah Lenggong di Bukit Bunuh dan Bukit Jawa, adalah bagi memastikan tapak arkeologi tersebut dipulihara dan dipelihara demi kesinambungan warisan khazanah negara serta mengelakkan kecurian artifak di tapak tersebut seperti alatan-alatan batu pra-sejarah dan serpihan batu.

Berhubung dengan cadangan Pesta Makanan Tradisional Lenggong, dijadikan sebagai satu acara tahunan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian ini menganjurkan karnival Lenggong secara tahunan di mana antara pengisiannya termasuk mempromosikan makanan tradisional Lenggong seperti masak lemak pekasam loma, gulai umbut pisang hutan, ikan pindang, pais ikan keramat, belotak, kerabu umbut tepus gajah, kerabu umbut rotan bakar dan lain-lain. Ada yang mahu tanya? Tiada apa-apa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Datuk...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Putatan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, sila.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Lenggong tidak bangun, tidak apalah sebab itu soalan dia. Cuma saya hendak tanya adakah itu hanya khusus untuk Yang Berhormat Lenggong sahaja yang festival itu dilakukan secara tahunan? Oleh sebab makanan-makanan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi itu, saya ingat bukanlah Lenggong sahaja yang ada. Kalau gulai umbut pisang itu, tempat lain pun ada kan? Jadi, mungkin boleh tempat lain pun boleh buat juga festival makanan ini secara tahunan.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Menteri. Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh. Soalan yang ditanya boleh atau tidak boleh. Bolehlah. Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau boleh Pokok Sena pun boleh buat kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Gulai umbut pisang pun ada jadi jangan lah Lenggong sahaja *claim* gulai umbut pisang itu mereka punya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekejap, pendek sahaja.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ya, tidak apa.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, Menteri. Cerita berkenaan makanan ini, saya terpanggil sebab saya juga dalam perbahasan ada sebut sedikit fasal *food culinary academy*. Oleh sebab kita terima pelancong banyak, kita tengok macam Thailand ada akademi dia. Jadi makanan Thailand ini *very* jelas. *French* makanan dia, Turki, *Chinese*, jadi saya ingat kita pun banyak Menteri, makanan kita yang boleh sahaja bukan sahaja domestik tetapi boleh pergi global dengan syarat kita ada satu standard atau satu kualiti ataupun proses yang lebih jelas. Jadi, itu saya mencadangkan kalau boleh kerajaan adakah bercadang untuk buat *food culinary academy*? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebelum- kita belum ada cadangan Yang Berhormat tetapi sememangnya apa yang Yang Berhormat sebut itu adalah betul kerana makanan Malaysia ini dia ada dia punya *specific* dia. Seperti sate, itu semua orang tahu Malaysia, nasi lemak, teh tarik, rojak, roti canai jadi memang ada. Akan tetapi akademi itu belum ada lagilah. Akan tetapi makanan Malaysia memang sudah pun terkenal dengan nama-nama yang saya sudah sebutkan tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tadi mengatakan bahawa berkenaan dengan promosi dan penganjuran pelbagai program untuk menarik pelancong. Memang dalam ucapan bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada tempoh hari telah menyatakan bahawa sejumlah RM500 juta akan diperuntukkan untuk membangun dan mempromosikan pelancongan melalui penaikan taraf infrastruktur dan juga mempromosikan *homestay* dan juga *eco-tourism*. Memang ini dialu-alukan, namun begitu, walaupun ada pengumuman RM500 juta tersebut tetapi saya lihat dan baca dalam bajet yang diperuntukkan untuk Kementerian Pelancongan nampaknya tidak ada pertambahan dari segi bajet.

Saya hendak tahu daripada- di manakah RM500 juta ini disalurkan? Oleh sebab kalau mengikut peruntukan untuk mengurus hanya tambah sedikit sahaja daripada RM786 juta pada tahun 2017 kepada RM810 juta pada tahun 2018, tetapi untuk peruntukan pembangunan berkurangan sebenarnya.

Jadi di manakah RM500 juta itu diperuntukkan untuk kita melaksanakan program-program yang dicadangkan oleh pelbagai Ahli Yang Berhormat dari kawasan-kawasan yang lain. Kita menyokong penuh penganjuran, program-program pelancongan tetapi dari segi peruntukan itu di mana? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat? Boleh saya bagi jawapan kemudian? Hal ini kerana, sebenarnya kita ini- saya memberi ruang untuk mencelah bagi soalan Yang Berhormat Lenggong tadi. Jadi Yang Berhormat tanya detail jadi saya akan berikan kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Memanglah dari segi makanan ini kadang-kadang satu jenis makanan dia ada di Lenggong dia ada juga di Pokok Sena. Cuma saya mahu beritahu Yang Berhormat Pokok Sena yang Lenggong punya lebih sedap daripada di Pokok Sena. Itu sahaja.

Cuma yang saya hendak minta Yang Amat Berhormat, memang karnival lembah lenggong itu dibuat tiap tahun. Akan tetapi pesta makanan yang Yang Berhormat telah pergi beberapa kali itu kita identiti-kan dia sebagai satu program khusus kerana sudah ada beberapa jenis makanan yang diwartakan sebagai makanan warisan kebangsaan dan sekarang pun sedang dibuat bersama NCIA dan juga Universiti Sains Malaysia untuk komersialkan beberapa jenis makanan yang sebahagiannya disebut tadi.

Jadi kita hendak minta supaya pesta makanan ini sebagai mana yang telah pun diminta oleh Kerajaan Negeri Perak untuk di naik taraf menjadi *Lenggong International Food Festival* itu dijadikan satu program khusus tidak di sekaligus dengan Karnival Lembah Lenggong itu. Itu satu.

Kedua, saya ucap terima kasih kepada RM17 juta diperuntukkan tadi. Penting supaya kawasan-kawasan Lembah Lenggong itu dijadikan hak milik kerajaan. Cuma, ketika kerajaan negeri dan juga kementerian Yang Berhormat sendiri sedang mempromosikan pelancongan ini, kehadiran pelancong sudah hadir ke Lenggong dan saya sedikit minta supaya diberikan perhatian kepada tapak-tapak luar ini- di luar, bukan galeri tetapi ditapak di luar yang prasarananya perlu dipertingkatkan kerana ia membawa imej yang tidak baik jika pelancong pergi dia tengok kawasan tidak dipelihara ia akan menyebabkan imej tidak baik apabila mereka pulang.

Bila orang hendak datang kali berikutnya, dia kata jangan pergilah sebab tidak elok dan sebagainya. Tumpuan kepada pembangunan tapak-tapak di Bukit Jawa, di Geluk dan sebagainya. Itu tapak-tapak yang mempunyai nilai tinggi. Sama juga di Bukit Bunuh itu- Bukit Bunuh lah kawasan awal manusia 1,800,030 tahun dahulu. Maknanya, orang Lenggong ada dulu daripada orang Pokok Sena. Daripada situ, saya ingat sebahagian orang Pokok Sena anggap daripada Lenggong- awal daripada situ. Baru lah migrasi ke tempat lain. Ini fakta. Batu-batu meteor itu, yang nilainya cukup tinggi saya bimbang ia tidak terpelihara.

Jadi kawasan-kawasan ini saya minta pegawai-pegawai yang berada di belakang untuk melihat dan memelihara segera. Bukan di galeri itu- galeri itu saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat telah menaiktarafkan. Di tapak-tapak luar itu yang mustahak. Contohnya di Bukit Sapi batuannya adalah sama nilai dengan di Danau Toba. Oleh sebab habuk dan tanah Danau Toba satu ketika itu sama sebab sebelum hanyutan benua dan sebagainya. Ini yang perlu dipelihara. Satu, identiti-kan *Lenggong International Food Festival* yang tadi, kedua ialah pemeliharaan tapak yang ini yang saya minta Yang Berhormat.

■1200

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, peruntukan kita terhad. Jadi untuk hendak mengadakan di tempat Lenggong itu sampai dua atau tiga kali, ia akan memakan belanja yang lebih. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat. Kita panggillah Karnival Lenggong dan Pesta Makanan Tradisional Lenggong, senang. Belanja sekali sahaja. Selepas itu buatlah seminggu. Buat seminggu, jadi lamalah sedikit daripada satu hari, orang kumpul satu hari sahaja. Kita buat seminggu ya. Karnival Lenggong dan Pesta Makanan Tradisional Lenggong kita buat sekali dan kita bagi panjang masa sedikit.

Keduanya Yang Berhormat, tapak luar yang di bawah hak milik kita, *insya-Allah*, saya akan minta supaya dipelihara dengan baik, kebersihan dan lain-lain. Akan tetapi kalau yang luar daripada hak milik kita, ia bukan lagi merupakan satu kawasan yang dikawal oleh kita tetapi hendaklah disuruh iaitu Majlis Perbandaran Lenggong untuk mengendalikan perkara itu.

Yang Berhormat Putatan mencadangkan kepada kementerian keperluan untuk membina Muzium Warisan Masyarakat Cina di Sabah bagi menghargai mereka yang telah berjuang bersama-sama rakyat tempatan menentang pendudukan Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai cadangan penubuhan Muzium Warisan Masyarakat Cina di Sabah sebagai mengiktiraf sumbangan masyarakat Cina di Sabah dalam mempertahankan negara semasa pendudukan Jepun semasa Perang Dunia

Kedua- walau bagaimanapun, beberapa perkara perlulah diteliti dahulu sebelum muzium ini ditubuhkan seperti konsep penubuhan muzium tersebut, koleksi dan artifak yang mencukupi, tapak bangunan dan keluasan yang sesuai untuk menampung keperluan sebagai sebuah muzium serta mempunyai peruntukan yang mencukupi.

Memandangkan penubuhan muzium ini berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, jadi saya tidak mahu pula nanti dituduh ambil kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Jadi, *you* kena minta Sabah dulu ya.

Jadi, ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana termaktub dalam Perkara 12A, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, maka cadangan ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sabah terlebih dahulu sebelum sebarang usaha penubuhan muzium ini dilaksanakan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensi-agensi seperti Jabatan Muzium Negara, Jabatan Warisan Negara dan Arkib Negara Malaysia bersedia untuk memberikan bantuan, kepakaran dan khidmat nasihat bagi penubuhan muzium tersebut jika diperlukan. Berhubung dengan- ya, habis sudah itu. Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Menteri dengan jawapan yang begitu positif. Walau bagaimanapun, mungkin ada kekangan di antara bidang kuasa negeri dengan bidang kuasa persekutuan.

Akan tetapi saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat ber-*engagement* dengan kerajaan negeri terutama sekali Menteri Pelancongan negeri iaitu Datuk Seri Panglima Masidi Manjun sebab bukan sahaja muzium yang dicadangkan oleh masyarakat Cina di Sabah bahkan banyak lagi mungkin tapak-tapak yang boleh dalam inisiatif sendiri Menteri Persekutuan itu mencadangkan, ini baik, itu baik.

Bolehkah kerajaan negeri sama-sama kita tubuhkan seperti muzium ini dan tapak-tapak yang bersejarah di Sabah ini yang belum lagi digazet ataupun ada tapak-tapak seperti Kinabatangan, Gunung Kinabalu dan sebagainya. Jadi ini satu daripada produk pelancongan yang membuatkan pelancong datang ke negara kita. Sabah adalah negara kita. Jadi saya harap daripada kuasa Menteri itu, dapat ber-*engagement* dengan Kerajaan Negeri Sabah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pertama sekali Yang Berhormat saya hendak sebut, Barisan Nasional memerintah negeri Sabah dan parti yang menjadi tunjangnya adalah UMNO. Maksudnya itu bahawa kita sentiasa berjumpa dan ber-*engage* lah. Saya pun baru jumpa dengan Datuk Seri Panglima Masidi Manjun di London baru-baru ini sewaktu *World Travel Mart* di London. Jadi, itu pertama.

Keduanya, saya hendak sebut di sini bahawa saya bersetuju dengan apa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah yang menyatakan bahawa mereka berkeupayaan untuk mempromosikan pelancongan di negeri Sabah. Jadi dalam semua hal, saya tidak akan mencampuri urusan dengan memberikan cadangan daripada persekutuan, takut, bimbang ada sensitiviti-sensitiviti di peringkat negeri yang mungkin saya tidak tahu.

Jadi oleh kerana itu, apa juga cadangan yang perlu dibuat, kalau Yang Berhormat merasakan bahawa ia perlu ditonjolkan, itu bermakna bahawa tanggungjawab Yang Berhormatlah sebagai Ahli Parlimen daripada Sabah untuk melakukan *engagement* dengan Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah. Apabila satu persetujuan dibuat, maka Menteri itu bolehlah berurusan dengan saya dan kita akan memberikan segala bantuan dan kerjasama untuk menjayakan pelancongan di negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat Kuala Kangsar, ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...Menyarankan agar kementerian membangunkan semula kawasan lembah dan tebing Sungai Perak-Kuala Kangsar dengan memfokuskan elemen kesultanan, alam semula jadi dan tamadun ilmu atau RNS, singkatan kepada nama Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Nazrin Shah. 'R' itu *Royalty*, 'N' itu *Nature*, dan 'S' itu *Scholar*.

Yang Berhormat juga menyarankan agar kementerian melahirkan lebih ramai jurumudi, pemandu pelancong tempatan yang terlatih bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia pada tahun 2020.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah memperuntukkan sebanyak RM6.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi melaksanakan enam projek pembangunan pelancongan di sepanjang Sungai Perak seperti berikut:

- (i) peningkatan kemudahan pelancongan *The Riverfront* di tepi Sungai Perak, Teluk Intan Perak, RM1.5 juta;
- (ii) projek pembangunan pelancongan di *Sayong Riverfront*, Perak, RM3.5 juta;
- (iii) menaikkan kemudahan pelancongan di *Riverfront* tepi Sungai Perak, fasa 7 - Teluk Intan, RM500,000;
- (iv) menyelenggarakan, membaiki dan menaik taraf Pasir Salak Resort Kampung Gajah Perak, RM700,000;
- (v) menaik taraf sistem pencahayaan di *Riverfront* Teluk Intan Perak, RM200,000; dan,
- (vii) pembangunan di pesisiran Sayong fasa 2 - Kuala Kangsar Perak, RM150,000.

Sehubungan dengan itu, kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk memfokuskan elemen kesultanan, alam semula jadi dan tamadun ilmu atau RNS demi memajukan produk pelancongan di kawasan tersebut. Bagi tujuan tersebut, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan cadangan pembangunan kepada kementerian melalui Unit Perancang Ekonomi negeri untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dari bulan Januari sehingga September 2017, jumlah terkini bakal pemandu pelancong yang sedang mengikuti program latihan di 23 Institut Latihan Pelancongan di seluruh Malaysia adalah seramai 382 orang dan permohonan pendaftaran mengikut program latihan tersebut terus berlangsung daripada semasa ke semasa.

Manakala jumlah keseluruhan pemandu pelancong di Malaysia sehingga 30 September 2017 adalah seramai 14,270 orang. Pihak kementerian juga dari semasa ke semasa mengambil inisiatif dalam mengkaji dan menambah baik program latihan Kursus Asas Pemandu Pelancong yang dilaksanakan agar ia lebih relevan dengan keperluan dan perkembangan semasa bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020.

■1210

Ada soalan tambahan? Tidak ada. Terima kasih, Yang Berhormat. Di Sekijang? Ada Ahli Parlimen Sekijang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang ada.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini berkenaan dengan potensi ekonomi pelancongan di Sungai Sekijang. Ahli Yang Berhormat Sekijang mencadangkan kepada kementerian agar kawasan sungai di Sekijang yang berpotensi sebagai lokasi ekopelancongan dibangunkan bagi menarik lebih ramai pelancong ke sini dan memberikan manfaat kepada penduduk tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaiktarafkan.

Dalam hal ini kementerian sangat mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat demi memajukan produk-produk pelancongan khususnya di kawasan Sekijang dan sentiasa bekerjasama dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam membangunkan industri pelancongan termasuk di kawasan Parlimen Sekijang. Ada tambahan? Tidak ada. Terima kasih, Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat Lanang ada? Memaklumkan bahawa hasil cukai pelancongan sebanyak RM17,480 merupakan hasil daripada negeri Sarawak dan memohon agar Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menjelaskan berapakah jumlah peratusan sebenar daripada hasil kutipan cukai pelancongan yang diberi semula kepada Sarawak dan memberikan sebanyak 30 peratus daripada hasil kutipan cukai pelancongan kepada rakyat Sarawak seperti yang telah dijanjikan.

Ahli Yang Berhormat Sibul juga telah memohon penjelasan berkenaan hasil cukai pelancongan yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan diagihkan sekurang-kurangnya 30 peratus kepada negeri Sarawak.

Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang memberikan sokongan kepada pelaksanaan cukai pelancongan ini kerana jelas menampakkan kedua-dua Yang Berhormat amat memahami bahawa kutipan sebenarnya daripada Kerajaan Negeri Sarawak itu adalah terlalu kecil. Kalau semuanya saya pulangkan kepada negeri Sarawak maka ia tidak melebihi daripada 30 peratus yang telah saya janjikan. Terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan sokongan.

Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, kementerian ini bercadang untuk mengagih semula RM1 bagi setiap RM10 setiap bilik semalam, *room night* yang dikutip kepada setiap negeri yang merupakan insentif atau galakan kepada semua negeri dalam mempergiatkan usaha untuk membangunkan sektor pelancongan di negeri masing-masing termasuklah kepada negeri Sarawak bagi tujuan promosi sektor pelancongan serta projek-projek pembangunan berskala kecil.

Saya akan bagi RM1 daripada RM10, yang RM9 lagi itu kita akan agih mengikut keperluan dari segi promosi dan juga pelaksanaan projek-projek tertentu dan sudah tentulah negeri Sarawak yang sebenarnya daripada saiz fizikalnya sama besar dengan Semenanjung, maka sudah tentulah kalau kita lihat menggunakan pemikiran rasional, sudah tentulah perbelanjaan yang kita hendak bangun dari segi infrastruktur di Sarawak itu sudah tentulah ia memakan harga jumlah yang sama dengan jumlah yang akan kita belanjakan di Semenanjung dan juga di negeri Sabah.

Jadi kita boleh ambil kira-kira 1/3 sebab tidak adil kalau saya memberikan peruntukan daripada segi infrastruktur sama bagi negeri Sarawak dengan negeri Perlis kerana Perlis itu kecil mungkin satu mukim sahaja negeri Sarawak. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang. Dari segi kita memberikan perbelanjaan, peruntukan untuk membangunkan infrastruktur pelancongan, kita akan mengagihkan secara adil dan saksama seperti mana yang telah saya janjikan.

Pada masa yang sama, kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM64.5 juta bagi membiayai tujuh buah projek berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan di negeri Sarawak di bawah *Rolling Plan 1, 2 dan 3*, Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek-projek yang terlibat iaitu:

- (i) kemudahan infrastruktur pelancongan di sepanjang kawasan Sungai Semadang, Padawan;
- (ii) peningkatan kemudahan projek pembangunan di Taman Negara Niah, Miri;
- (iii) peningkatan kemudahan pelancongan jejak warisan dari Kampung Sungai Bintangor ke Esplanade, Kuching;
- (iv) membina bangunan Arkib Negara Malaysia cawangan negeri Sarawak;
- (v) projek pembangunan ekopelancongan di Taman Negara *Kuching Wetland* (KWNP) Kuching, Sarawak;
- (vi) projek Waterfront Sungai Baram, Marudi, Sarawak; dan
- (vii) pembangunan kemudahan *ecotourism* di Taman Negara Santubong, Kuching.

Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi negeri terutama sekali Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak dan terus memperkasakan usaha-usaha pembangunan sektor pelancongan di negeri Sarawak untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada masyarakat tempatan. Ada soalan tambahan? Tidak ada. Okey, terima kasih.

Yang Berhormat Sibuti? Okey baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan, Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cukai pelancongan. Saya rasa telah dua bulan cukai pelancongan ini dilaksanakan dan saya telah mendapat angka-angka untuk bulan September. Cuma kalau boleh Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapan bertulis berkenaan dengan jumlah kutipan untuk bulan Oktober. Setakat ini saya rasa satu isu yang masih tertangguh dan belum lagi ada pengumuman daripada pihak kementerian dan Kerajaan Persekutuan ialah mekanisme dan cara pengagihan semula peruntukan ini kepada negeri-negeri.

Walaupun secara dasarnya telah ditetapkan sebanyak 10 peratus daripada jumlah kutipan di negeri tersebut tetapi bagaimanakah ia disalurkan? Adakah dalam setiap bulan kah atau setiap tiga bulan? Saya harap ini dapat diberikan penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasihlah, Yang Berhormat Seremban. Saya ingat dia bangun dua, tiga kali itu saya terlupa. Saya hendak ucapkan tahniah di atas kemenangan nombor empat dalam pemilihan DAP baru-baru ini. Tahniah saya ucapkan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pasal dia *shadow*, saya kena ucap tahniahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tiga yang teratas itu memanglah hebat-hebat, jadi nombor empat kira *terror* lah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh pun ada nombor, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi- ya Yang Berhormat, saya akan-sebenarnya kutipan dibuat...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Seputeh nombor 8.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Seputeh nombor berapa?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Lapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nombor lapan tidak mainlah, rendah sangat [*Ketawa*] Tidak, bukan pasal apa, saya- nombor lapan saya hendak kena ingat nama-nama sampai nombor lapan. Saya ingat empat sahaja. Saya ingat Yang Berhormat daripada apa ini- Yang Berhormat pun senyum, tinggi juga ini Yang Berhormat Ipoh Barat ini, tahniah. Semualah saya ucapkan tahniah kepada rakan-rakan saya yang telah menang dalam pemilihan DAP baru-baru ini. Kita tidak ganggu sebab, perjalanan tidak berapa betul yang dua itu kan.

Jadi saya akan beri jawapan yang bertulis. Memang kita telah beri jawapan pada bulan- sebenarnya bulan Oktober kita *start* itu Yang Berhormat bukan September. Fasal apa tidak sempat September itu. Jadi yang RM600,000 itu Oktober. Jadi ini November dengan Disember tinggal dua bulan tetapi ini peringkat awal jadi memanglah ia tidak berapa, orang kata apa lancar lagi. Sila, Yang Berhormat.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak tahu sama ada Kerajaan Negeri Sarawak iaitu Menteri Pelancongan Negeri Sarawak, Yang Berhormat Abdul Karim sudah bersetuju dengan 10 peratus pulangan *tourism tax* ini? Minta penjelasan, terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Soalan lagi. Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat tanya dia sendirilah, balik ke Sarawak nanti tanya dia sebab saya tidak pernah berurusan dengan dia. Jadi kita tidak secara profesional sebagai Menteri dan juga Ahli Parlimen, kita tidak berurusan dalam surat khabar. Jadi kalau apa-apa dia hendak tanya saya kah, saya hendak tanya dia kah, saya akan buat melalui secara pentadbiran kerana kerajaan di Sarawak itu Kerajaan Barisan Nasional. Kalau saya dengan Yang Berhormat, mungkin kita boleh cakap dalam surat khabar lah tetapi kalau kita sama kerajaan, kita secara pentadbiran. Ya, sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sibu.

■1220

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, mengapa dalam rancangan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, kebanyakan rancangan *tourism* yang disebutkan adalah di Kuching dan Miri? Mengapa di *central zone* Sarawak tidak ada rancangan mengenai pelancongan dijalankan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu Yang Berhormat Sibu kena tanya Kerajaan Negeri Sarawak. Sebab, kita ini apa-apa juga cadangan ini, cadangan mesti dibuat, pertama, kalaulah kawasan Yang Berhormat kawasan pedalaman di Sarawak, kena buat kepada UPEN, Unit Perancang Ekonomi Negeri. UPEN merancang, kemudian baru hantar kepada kita untuk kita masukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang.

Jadi ini sekali lagi, kita tidak masuk campur dalam urusan kerajaan negeri. Bermakna bahawa Yang Berhormat tidak boleh hantar terus kepada saya. Kalau hantar kepada saya, saya hantar balik kepada negeri. Ini kerana perancangan di peringkat negeri itu dilakukan oleh negeri. Jadi saya harap Yang Berhormat, kalau ada apa-apa cadangan bagi *central* Sarawak, buatlah permohonan itu kepada UPEN, nanti UPEN akan hantar kepada kita. Ini cara dia.

Yang Berhormat Sibuti- mana Yang Berhormat Sibuti?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada dalam Dewan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada. Okey... [Disampuk] Tidak boleh. Dia kena ada. Yang Berhormat Batu Sapi? Yang Berhormat Batu Sapi ada. Promosi pelancongan Pantai Timur Sabah.

Ahli Yang Berhormat Batu Sapi memohon kementerian agar mempertingkatkan promosi pelancongan di Pantai Timur Sabah termasuk Sandakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui *Tourism Malaysia* sememangnya berusaha mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang unik bagi menarik lebih ramai pelancong asing dan menggalakkan pelancongan domestik termasuk di Pantai Timur Sabah yang mempunyai daya tarikan yang istimewa seperti *Sepilok Orang Utan Sanctuary*, *Labuk Bay Proboscis Monkey Sanctuary*, dan *Selingan Turtle Island*.

Pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara juga sentiasa bekerjasama dengan *Sabah Tourism Board* dalam penganjuran beberapa program promosi negeri Sabah termasuk tarikan-tarikan pelancongan di kawasan Pantai Timur Sabah seperti yang berikut.

Pertama sekali, Yang Berhormat, saya ingin menyebut di sini bahawa Menteri Pelancongan Kebudayaan dan Warisan Negeri Sabah turut hadir bersama mempromosi pelancongan di negeri Sabah sewaktu saya berada di WTM London. Ini jelas menunjukkan kesungguhan Menteri tersebut benar-benar untuk mempromosikan pelancongan dan telah pun mendapat banyak penempahan. Negeri Sabah sebenarnya merupakan sebuah destinasi pelancongan yang cukup popular di kalangan pelancong-pelancong daripada *United Kingdom*. Jadi saya hendak kena maklum di sini sebab saya pun baru balik hari Sabtu baru ini.

Pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara juga sentiasa bekerjasama dengan *Sabah Tourism Board* dalam penganjuran beberapa program promosi negeri Sabah termasuk tarikan-tarikan pelancongan di kawasan Pantai Timur Sabah yang seperti berikut.

Satu, menganjurkan Lawatan Mega Fam untuk media dan pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan. Ini saya tahu sendiri kerana Yang Berhormat Menteri Pelancongan Sabah telah pun berurusan dengan berbagai-bagai syarikat penerbangan daripada negara China untuk membawa pelancong-pelancong daripada Negara China ke Malaysia bukan sahaja menerusi *schedule flight* tetapi juga dengan *chartered flight*, dan ini telah membolehkan lebih daripada 200 *flight* dalam seminggu ke negeri Sabah.

Ini satu jumlah yang cukup membanggakan dan memang besar. Saya memang amat berterima kasih dengan Menteri Pelancongan Sabah kerana telah bersungguh-sungguh memastikan supaya kehendak Kerajaan Pusat, Kementerian Pelancongan di peringkat persekutuan supaya kita menarik pelancong China ke negara kita ini telah pun disambut baik oleh Kerajaan Negeri Sabah. Mereka juga menganjurkan Lawatan Mega Fam.

Mega Fam ini bermakna penulis-penulis pelancongan, sama ada dia *blogger* kah, dalam majalah kah, dalam surat khabar kah, mereka ini dibawa ke Sabah dan dibawa ke tempat-tempat yang seperti disebut Yang Berhormat ini, supaya apabila mereka ini balik nanti, dia akan masuk dalam *Facebook* dan juga *Instagram* dia dan juga menulis dalam artikel. Jadi ini telah dilakukan. Ini dimaksudkan dengan Mega Fam.

Menganjurkan lawatan Mega Fam untuk media dan pengusaha pelancongan dengan kerjasama syarikat-syarikat penerbangan. Lawatan sedemikian memberi keyakinan kepada pihak wakil industri asing untuk meneruskan usaha membangun dan mempromosikan pakej ke Pantai Timur Sabah di samping menjana publisiti media.

Kedua, membawa para pengusaha pelancongan negeri Sabah termasuk pengusaha-pengusaha yang sedia menawarkan tarikan-tarikan Pantai Timur Sabah sebagai produk untuk berjumpa dengan para pengusaha pelancongan asing dalam pameran pelancongan antarabangsa seperti *International Tourism Bourse* (ITB) di Berlin, Jerman, *World Travel Mart* di London, *China International Travel Mart* di Shanghai, Kunming, dan misi jualan pelancongan bagi mempromosikan produk masing-masing.

Ketiga, melaksanakan promosi dalam talian secara usaha sama dengan *AirAsia* serta lain-lain *online travel agent* yang terkemuka di pasaran. Pakej-pakej pelancongan ke Sepilok, Selingan dan Labuk Bay kini semakin mendapat perhatian dan semakin *visible* di portal-portal pelancongan antarabangsa.

Keempat, usaha sama juga dijalin dengan rakan-rakan industri pelancongan di China dan penerbangan sewa khas (*chartered flight*) daripada 'pasaran' ke Kota Kinabalu telah diadakan, sementara program-program tambahan ke wilayah-wilayah Sabah juga berjaya dipromosikan.

Pada tahun 2016, 43 buah penerbangan sewa khas dengan sejumlah 5,802 penumpang telah dibawa dari China termasuklah dari bandar Chengdu, Kunming dan Fuzhou ke Kota Kinabalu melalui syarikat penerbangan seperti *China Eastern*, *Malindo Airways* dan *Malaysia Airlines* dan juga *AirAsia*.

Pada tahun yang sama, sejumlah 182 buah penerbangan sewa khas yang melibatkan 29,417 orang penumpang telah dibawa dari bandar Incheon dan Seoul, Korea Selatan ke Kota Kinabalu menerusi syarikat penerbangan *Asia Airlines*, *Jin Air* dan *Eastar Jet*.

Manakala sehingga bulan Oktober 2017, *Tourism Malaysia* dengan kerjasama syarikat agensi pelancongan tempatan dan syarikat penerbangan telah membawa sejumlah 1,885 orang penumpang daripada bandar Xi'an dan Chengdu, China ke Kota Kinabalu melalui 13 buah penerbangan sewa khas *Malindo Air*. Untuk pasaran Korea Selatan pula, 97 buah penerbangan sewa khas yang melibat 18,178 orang penumpang telah dibawa dari bandar Incheon ke Kota Kinabalu melalui *Jin Air*, *T'way Air* dan *Eastar Jet*.

Kelima, menerbitkan risalah yang mengandungi maklumat tarikan-tarikan pelancongan di Sabah yang diedarkan melalui pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* di dalam dan di luar negeri, pameran-pameran pelancongan domestik serta antarabangsa. Risalah ini juga boleh diakses secara digital di serata dunia.

Keenam, selain itu, produk-produk pelancongan di Sabah termasuk di Pantai Timur Sabah turut dipromosi menerusi kempen pengiklanan luaran seperti *billboard* serta penerbitan VNET oleh *National Geographic Channel* yang ditayangkan menerusi rangkaian TV satelit di seluruh dunia.

Ketujuh, *Tourism Malaysia* telah bekerjasama dengan *Alibaba.com* melalui pembangunan *Malaysia Tourism Pavilion* (MTP) di dalam platform *@alitrip*. MTP adalah sebuah portal e-dagang yang menjual produk-produk dan pakej-pakej pelancongan kepada pengguna *Alibaba* dan *Alitrip* terutamanya dari pasaran China.

■1230

Antara pendekatan strategik yang diambil di peringkat domestik untuk mempromosikan negeri Sabah dan Pantai Timur Sabah termasuklah:

- (i) *Tourism Malaysia* dengan kerjasama pengusaha-pengusaha pelancongan domestik telah menerbitkan risalah *Cuti-cuti 1Malaysia 1001 Packages* yang antaranya mengandungi pakej-pakej pelancongan ke selingan *Turtle Island, Labuk Bay Sanctuary* dan program *homestay*;
- (ii) *Tourism Malaysia* menyertai pameran-pameran *consumer* di peringkat negeri dan kebangsaan seperti MATTA Fair, *Cuti-cuti 1Malaysia, Dekat Je Travel Fair* dan *Karnival Pelancongan Belia Sepanjang Tahun* untuk mempromosikan negeri Sabah dan Pantai Timur Sabah. Penggiat industri pelancongan juga dijemput untuk turut menyertai pameran-pameran tersebut di bawah *Tourism Malaysia*;
- (iii) *Tourism Malaysia* dengan kerjasama *MATTA Sabah Chapter* telah menerbitkan risalah *Best of Borneo Holiday Packages*. Inisiatif ini diambil untuk mempromosikan Sabah menerusi pelbagai lawatan pakej percutian yang menarik. Risalah yang mengandungi 36 pakej percutian ini telah dibangunkan dengan kerjasama 18 pengusaha pelancongan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi sini. Boleh tidak saya jawab secara bertulis pada mereka?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

12.31 tgh.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran rombongan Belia 4B daripada Tanjung Karang yang bersama dengan kita pada hari ini... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 Peringkat Dasar terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan-cadangan serta membangkitkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan bidang tugas kementerian saya sepanjang tempoh perbahasan.

Saya amat menghargai pandangan dan juga saranan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Berdasarkan sesi perbahasan yang bermula pada 30 Oktober 2017 sehingga 7 November 2017, Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan telah pun membangkitkan isu-isu berkaitan empat program utama kementerian iaitu:

- (i) isu kebombaan dan penyelamatan;
- (ii) kerajaan tempatan;
- (iii) pengurusan sisa pepejal;
- (iv) perancangan bandar; dan
- (v) perumahan.

Sehubungan itu, saya akan mulakan sesi ini dengan menjawab program kebombaan dan penyelamatan. Ertinya saya akan memberikan celahan apabila mengikut tajuk-tajuk yang telah pun ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Putatan, Bukit Bendera, Tanah Merah, Hulu Rajang, Lanang, Lembah Pantai dan juga Julau yang telah membahaskan mengenai perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan secara umum ataupun kawasan Parlimen masing-masing.

Ahli Yang Berhormat Putatan, Lanang dan Hulu Rajang telah memohon supaya diberikan pertimbangan bagi pembinaan balai bomba dan penyelamat iaitu di Putatan dan Telupid di negeri Sabah, manakala Belaga, Sungai Asap serta Sibul di negeri Sarawak.

Untuk permohonan Ahli Yang Berhormat Putatan, ada ya? Projek Balai Bomba dan Kuarters Putatan, Sabah telah diluluskan oleh agensi pusat dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Ketiga tahun 2018 dengan kos projek berjumlah RM11 juta dan peruntukan tahun 2018 sebanyak RM500,000. Proses pembinaan di tapak dijangka akan bermula pada bulan April 2018 dan pembinaan akan mengambil masa selama dua tahun. Peruntukan bagi pembinaan projek Balai Bomba dan Penyelamat Telupid pula akan dimohon dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Keempat iaitu tahun 2019...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan bangun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa rakyat Putatan ini sudah lega dan saya amat berterima kasih bagi warga Putatan dan juga Telupid, berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat. Jadi, soalan saya Yang Berhormat tapak itu adakah sudah dikenal pasti dan berapa keluasannya? Apa yang kami cadang itu mungkin bagi pihak bomba ini tidak mencukupi. Adakah tapak yang dipilih itu, yang dikenal pasti itu mencukupi untuk tapak bomba ini?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Bermakna tapak ini peruntukannya sudah ada. Tinggal tapak ini- jadi nanti saya minta pegawai bomba bersama-sama dengan Yang Berhormat untuk turun padang melihat tapak dan kalau semua sudah sedia, kita terus pecah tanah. Jadi, janji ditepati menjelang pilihan raya akan datang... *[Tepuk]*

Berkenaan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai janji pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Belaga telah sukacita saya maklumkan bahawa projek tersebut dijangka akan di tender pada bulan Mac 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020, juga dalam bajet akan dibuat tahun 2018. Kos projek anggaran kita RM5.5 juta dan agensi pelaksanaannya ialah JKR Sarawak.

Berkenaan pembinaan Balai Bomba di Sungai Asap pula, Jabatan Bomba dan Penyelamat akan mempertimbangkan perancangan membina sebuah balai bomba berdasarkan kepada peningkatan jumlah risiko dan kesesuaian tapak pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Sungai Asap diletakkan di bawah seliaan Balai Bomba dan Penyelamat Bintulu, Sarawak. Memang agak jauh jaraknya, lebih kurang 140 kilometer dan *response time* ataupun masa bertindak 2 jam 27 minit pada masa. Oleh sebab itu, kena dikaji untuk balai bomba yang baru.

Pada masa ini, terdapat sebuah pasukan bomba di Sungai Asap iaitu Pasukan Bomba Sukarela Uma Daro yang mempunyai keahlian 27 orang dan mempunyai kenderaan bomba jenis *Proton Arena* serta kelengkapan seperti sebuah pam angkut, lima gulung hos, tiga unit *nozzle* dan lima set peralatan perlindungan diri termasuk helmet, jaket api dan juga sarung tangan. Apabila Balai Bomba dan Penyelamat Belaga siap kelak, kawasan Sungai Asap akan diletakkan di bawah seliaan balai bomba tersebut.

Saya beralih pula kepada pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Bukit Bendera, Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai yang mencadangkan untuk kenaikan gaji, elaun dan juga kemudahan untuk anggota bomba. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini gaji Jabatan Bomba dan Penyelamat...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya hendak tanya tentang jawapan saya tadi. Yang Berhormat Menteri ada jawab kata Lanang ada soalan ini, Balai Bomba Sibujaya tetapi belum ada jawapan. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Balai bomba?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Sibujaya, Sibujaya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Apa yang saya nyatakan ini yang kita ada di dalam perancangan tetapi oleh kerana isu ini mungkin Yang Berhormat baru bangkitkan dalam ucapan, jadi kita akan masukkan di dalam projek perancangan untuk tahun 2019.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri, ini sudah ada dalam Rancangan Malaysia Kesebelas yang ada peruntukan sebanyak RM9 juta. Jadi saya tanya penjelasan daripada itu. Sebelum ini saya telah terima jawapan yang katakan tender akan dibuka pada bulan Disember. Jadi saya hendak tahu tentang tender tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya akan beri jawapan bertulis dengan Yang Berhormat kerana mungkin ini yang spesifik dan mungkin pegawai saya tertinggal dengan ucapan Yang Berhormat nyatakan. Terima kasih.

■1240

Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera dan juga Yang Berhormat Lembah Pantai mencadangkan kenaikan gaji, elaun dan juga kemudahan untuk anggota Bomba. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa ini gaji Jabatan Bomba dan Penyelamat adalah setara dengan agensi penyelamatan yang lain seperti Angkatan Pertahanan Awam dan juga Agensi Penguatkuasaan Perairan Malaysia (APMM). Kerajaan telah pun melaksanakan kenaikan gaji anggota Bomba pada 1 Julai 2016 dengan gaji minimum anggota Bomba Gred KB19 adalah RM1,360 yang sebelum ini hanya RM936. Yang Berhormat Tanah Merah...

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Yang Berhormat Menteri, bagaimana status elaun risiko untuk anggota bomba? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat, permohonan ini Yang Berhormat, saya sendiri pernah bawa dalam Kabinet dan ini sedang dalam pertimbangan oleh pihak kerajaan. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat untuk memberi penghormatan kepada bomba, hero yang tidak didendang ini.

Yang Berhormat Tanah Merah telah membangkitkan isu penambahbaikan aspek keselamatan pusat tahfiz, yang ini saya memohon Yang Berhormat Tanah Merah kalau ada sila merujuk kepada Penyata Rasmi ataupun *Hansard* pada 31 Oktober 2017 di mana saya pun telah pun menjawab berkenaan isu yang telah pun dibangkitkan. Yang Berhormat Julau ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Julai tiada, Yang Berhormat Julau ada.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ada? Yang Berhormat Julau telah mencadangkan supaya setiap rumah panjang wajib dibekalkan dengan alat pemadam api. Jabatan Bomba dan Penyelamat dari semasa ke semasa mengagihkan alat pemadam api untuk digunakan sebagai peralatan pemadaman kebakaran peringkat awal di rumah panjang. Pengagihan mengikut tahun adalah seperti berikut.

Tahun 2014, sebanyak 293 bilangan alat pemadam api telah pun diagihkan yang melibatkan bilangan rumah panjang 99. Tahun 2015, bilangan alat pemadam api 1,887 yang melibatkan 456 bilangan rumah panjang. Tahun 2016, bilangan alat pemadam api 294 yang melibatkan 160 rumah panjang dan tahun 2017, sebanyak 76 bilangan alat pemadam api yang melibatkan 19 rumah panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Julau bangun Yang Berhormat Menteri

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Mana Yang Berhormat Julau?

Datuk Joseph Salang anak Gandum [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, memang betul banyak sudah pemadam api yang dibekalkan kepada rumah-rumah panjang tetapi pada setakat ini Yang Berhormat Menteri, ini adalah tidak mencukupi dan ada juga suatu sistem pemadam api yang direka bentuk oleh seorang *engineer* di *Swinburne University* di Sarawak yang memakai pam hos dan tangki air. Kawasan kita sendiri ada beberapa rumah panjang yang dibekalkan dengan sistem ini oleh iM Sarawak satu NGO lebih 200 rumah panjang di seluruh Sarawak telah dibekalkan.

Nampaknya pemadam api ini sangat berkesan dan ada beberapa insiden yang mungkin kalau tidak ada sistem ini boleh menjejaskan rumah panjang dan kemungkinan besar rumah panjang tersebut boleh menjadi terbakar dan oleh yang demikian saya menyeru supaya kementerian meninjau sistem ini dan melihat kalau boleh dibekalkan kepada lebih-lebih lagi rumah panjang yang mempunyai penghuninya yang agak ramai. Sistem ini diketahui tidak begitu mahal dan mungkin boleh dibiayai oleh Yang Berhormat dari pendalaman melalui projek MRP mereka. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat telah berikan dan telah pun di cuba penemuan alatan baru, jadi perkara ini jabatan saya akan mengambil perhatian dan mungkin kalau boleh saya diberi peluang kepada pencipta ini untuk membuat *presentation* kepada Jabatan Bomba. Kita memang setiap masa kita akan sentiasa mencari jalan yang terbaik dengan keadaan dan perubahan zaman supaya tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak bomba ini akan memberikan kesan kerana dalam bomba mengambil tindakan ia kena diambil tindakan dalam keadaan mencegah itu lebih baik daripada mengatasinya. Berbalik kepada Sibu Jaya, dari sibu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ini tadi, Yang Berhormat Lanang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang ya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: PKR kah atau DAP?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: DAP.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Oh! DAP, punya baik Kerajaan Barisan Nasional ini dia tidak kira kawasan DAP kah atau kawasan Barisan Nasional, kita hendak memaklumkan bahawa untuk bomba...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Bawah DAP pun kena bayar cukai kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, dengar sahaja lah.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak, dia bukan bayar cukai, masalah DAP ini tidak tahu terima kasih, itu masalahnya. Kita manusia, kita buat kita kena rasa terima kasih dengan apa yang diberi kepada kerajaan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Rakyat bayar cukai, kerajaan kena bagi lah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak boleh macam itu Yang Berhormat ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerajaan harus berterima kasih kepada pengundi-pengundi dan pembayar cukai di kawasan Parlimen pembangkang... [*Dewan riuh*]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ini dia bercakap ini, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya ingat kalau kita pergi kawasan dia pembangunan dia lebih baik daripada Tanjong Karang, itu pun tidak tahu berterima kasih. Jadi kita bagilah pembangunan itu semua, Yang Berhormat Seputeh ini apa lagi dia hendak? Hendak minta apa? Hendak buat apa? Hendak buat lapang terbang pula dekat Seputeh? Jadi, kan kita bagi semua pembangunan dengan adil termasuk juga yang di luar bandar kita bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Seputeh hanya mahu kurangkan pembangunan di kawasan saya itu, *romba nandri*. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tolong bangkitkan ini di Kabinet. *Thank you [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak mahu banyak pembangunan Yang Berhormat Menteri

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Dia itulah, sebelah sana dia hendak kira dia bayar cukai sahaja. Kami Ahli Parlimen lebih ramai Barisan Nasional, lebih ramai bayar cukai. Jangan lah ingat Yang Berhormat sahaja bayar cukai. Jadi bab cukai ini bukan pembangkang sahaja bayar, cukai pendapatan kalau kira Ahli Parlimen kita lebih ramai daripada sebelah sana, kami lebih ramai bayar cukai kalau hendak kira. Jadi *to argue* ini, sudah ketinggalan zaman lah. Ini budak sekolah punya *argument* ini.

Okey, saya hendak bagi yang Sibujaya, saya hendak maklumkan bahawa telah pun di tender sebab itu tadi tidak masuk sebab kita telah buat. Telah di tender dan tender pun telah tutup 20 November 2017 dan dijangka akan mula pada tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua saya pergi isu yang seterusnya iaitu isu perancangan bandar. Yang Berhormat Bukit Bendera menyatakan berkenaan tanah runtuh Tanjung Bungah yang mana ulasan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD). Sekarang saya sebut PLANMalaysia lah, kita sudah tukar nama, adalah berbeza dari surat ulasan PLANMalaysia pada 11 Disember 2014, ini saya hendak jelaskan.

Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera adalah merujuk kepada mesyuarat OSC di peringkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 26 Ogos 2014. Kita kena tengok sebelum itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebelum mesyuarat OSC berkenaan telah diadakan dua mesyuarat terlebih dahulu.

Pertama, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancangan Negeri, ini yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan pada 15 Ogos 2014 dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) pada 26 Ogos 2016 yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Dalam kedua-dua mesyuarat ini, JPBD sebagai Jabatan Teknikal yang letaknya di bawah Kementerian saya memang tidak menyokong mesyuarat yang dipengerusikan oleh Exco pun kita tidak sokong. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri pun tidak menyokong kerana permohonan peningkatan ketumpatan ataupun densiti daripada 30 unit per ekar kepada 147 unit per ekar permohonannya.

■1250

Oleh kerana itu kita mencadangkan kalau hendak buat pun bolehlah, tetapi janganlah sampai 147. Ikutlah satu standard yang telah pun ditetapkan ialah sebanyak lebih 120 unit per ekar. Ini selaras dengan garis panduan perumahan kos sederhana rendah MPBB yang berkuasa ketika itu...

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: [Bangun]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Jadi...

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Sungai Besar.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Besar.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat, saya lihat pertembungan antara Persekutuan dan negeri ini seolah-olahnya tidak ada isu yang selesai. Apabila berlakunya insiden, akhirnya Kerajaan Persekutuan akan disalahkan. Kita tidak mahu, mungkin selepas ini akan ada banyak lagi insiden-insiden akibat ketidakpatuhan kerajaan negeri terhadap arahan-arahan Kerajaan Persekutuan akibat daripada ketamakan mereka membina bangunan di lereng-lereng bukit dan sebagainya. Pandangan, bagaimanakah isu ini mahu kita selesaikan? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Betul. Kita tidak nafikan apabila berlaku ini banjir. Banjir ini memanglah, kita tidak boleh hendak ramal tetapi di dalam kehidupan kita ini, kita ada dua. Ada orang kata, ini sudah takdir. Akan tetapi, kita kena tengok. Dua sebab, kalau betul takdir, di luar *act of god*, itu kita boleh terima tetapi ada juga kesilapan yang dilakukan oleh kecuai manusia.

Yang ini kita kena hendak tengok. Macam kita bawa keretalah, kita tengah bawa kereta, tengok-tengok kereta berhenti. Ada dua sebab. Kalau kereta itu berhenti memang enjin rosak, itu memang di luar dugaan kita. Akan tetapi kalau kereta itu tengah berjalan dan ia berhenti, kita tengok minyak habis, ini kecuai drebar. Sebelum bawa kereta, kenapa tidak mahu *check* minyak? Ini saya bagi contoh.

Jadi begitu juga kalau kita tengok di Pulau Pinang ini, yang disebut oleh Yang Berhormat Sungai Besar, di lereng bukit. Untuk lereng bukit ini sebenarnya, kementerian saya telah pun membuat buku. Lawa bukunya. Ini bukunya... [Menunjukkan buku berkaitan] 'Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi'. Ada. Kita sudah ada garis panduan kita.

Akan tetapi ada negeri, dia ubah suai. Dia ubah suai, mungkin mengikut keadaan negerinya sendiri seperti di Pulau Pinang. Kita keluar tahun 2009 tetapi Pulau Pinang tidak pakai kami punya garis panduan. Dia sudah ada garis panduan dia sendiri sudah, 'Safety Guidelines fo Hillside Development 2012'. Dia buat sendiri pada tahun 2012.

Jadi, apa pun *guidelines* yang telah pun dikeluarkan, kita harap pihak kerajaan negeri kena mematuhi garis-garis panduan yang telah pun kita tetapkan. Di peringkat kementerian, kita telah mengadakan berbagai-bagai dasar, pelbagai perancangan di peringkat negara, di peringkat negeri dan peringkat perbandaran. Semua sudah ada garis panduan. Malah kita juga ada Majlis Pembangunan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ahli-ahlinya, yang terdiri daripada Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri.

Jadi apa juga garis panduan dan nasihat yang telah diberi, hendaklah dipatuhi kerana kita akui bahawa apa jua garis panduan dan juga persetujuan yang telah dibuat di peringkat *Federal*, kita tidak ada kausa dari segi undang-undang untuk kita hendak kuatkuasakan. Ini kita kata, *highly persuasive* sahaja, untuk mereka menimbangkan mematuhi tetapi akhirnya daripada segi pelaksanaannya, kalau pihak kerajaan negeri membuat cara mereka sendiri, maka kita tidak dapat untuk kita- tidak boleh menyalahkan pihak Kerajaan- *Federal* dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan ini.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik, bangun.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gerik. Boleh, Yang Berhormat?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak berterima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu dalam bantuan di bawah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), yang cukup banyak di dewan bandar raya, di majlis perbandaran dan juga di majlis daerah.

Kadang-kadang kita tengok di majlis daerah, seolah-olah bukan datangnya bantuan ini daripada Kerajaan Persekutuan tetapi saya percaya di bawah Yang Berhormat Menteri, perkara ini semakin jelas nampak bahawa bantuan ini, tambahan sekarang ini dengan perumahan dan pelbagai lagi sebenarnya sebahagian besar peruntukan tersebut datangnya daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Tahniah dan syabas di bawah Yang Berhormat Menteri yang telah berjaya memberi gambaran jelas kepada rakyat. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bagan Serai. Sedikit sahaja.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, jika sesuatu negeri ada SOP-nya tersendiri tentang pembinaan di lereng bukit atau tanah tinggi yang tidak bersamaan dengan *Federal* tetapi di dalam mesyuarat, contohnya mesyuarat *one-stop centre*, agensi-agensi yang ada itu, ada yang tidak setuju atau tidak memberi laluan atau tidak memberi *green light*? Adakah hendak buat atau tidak projek itu bergantung kepada konsensus ataupun keputusannya sendiri? Atau adakah ini, kalau dilakukan, adalah sebenarnya melanggar undang-undang yang sepatutnya?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Yang saya nyatakan tadi, mereka ada peraturan mereka. macam tadi dibangkitkan di Pulau Pinang, apabila dua kementerian, dua mesyuarat kita tolak, tetapi apabila sampai ke Mesyuarat OSC di peringkat Majlis Bandaraya Pulau Pinang, memanglah, kementerian saya, kita tidak ada halanganlah tetapi dengan syarat-syarat yang telah ditentukan.

Jadi ertinya mereka yang merancang, mereka yang duduk, maka keputusan itu mesti diputuskan bersama dan kena tengok dari kesan-kesannya. Jadi kalau lebih memikirkan kepada projek pembangunan tetapi dari segi keselamatan dan juga bahaya yang timbul daripada pembangunan ini, maka tentulah patutnya tidak boleh dilaksanakan. Ini kerana daripada pengalaman kita, kos untuk kita membetulkan, memberi bantuan apabila berlaku perkara bencana, kadang-kadang kosnya lebih mahal daripada *cost benefit* yang didapati oleh rakyat.

Jadi yang kedua, daripada Yang Berhormat Gerik, terima kasih. Saya setuju, Yang Berhormat Gerik. Saya pun sudah 22 tahun jadi Ahli Parlimen. Apabila saya jadi Menteri di KPKT ini, baru saya tahu rupanya KPKT ini dia ada peruntukan yang boleh salurkan kepada majlis perbandaran kerana selama ini, peruntukan ini dia terus bagi kepada majlis-majlis perbandaran, kepada PBT yang kadang-kadang kita sebagai Ahli Parlimen pun kita tidak tahu. Akan tetapi hal ini kita telah buat dasar bahawa peruntukan-peruntukan ini mestilah dimaklumkan dan dibincangkan dengan Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil-wakil rakyat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berubah kepada kerajaan tempatan seperti mana yang telah dibangkitkan. Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri. Sekijang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada memberitahu yang kerajaan negeri ini mempunyai garis panduan tentang pelaksanaan dan sebagainya. Garis panduan ini mereka perlu ikut sepatutnya, garis panduan yang telah mereka buat ini.

Jadi kalau lihat kepada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, jika sekiranya kerajaan negeri ini melanggar garis panduan yang mereka sendiri buat, apakah tindakan yang boleh dikenakan kepada kerajaan negeri ini atau perlukah ada pihak-pihak lain yang boleh membuat laporan, contohnya kepada SPRM, barulah tindakan boleh dibuat kepada mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya, seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita ini hanya *highly persuasive* sahaja. Kita tidak ada kuasa untuk kita hendak memaksa. Jadi saya harap kalau kerajaan negeri yang sudah ada garis panduan, maka kena mematuhi apa yang telah dibuat. Jadi mungkin perkara ini dia boleh ambillah tindakan di peringkat negeri masing-masing.

Mengenai kerajaan tempatan, Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang- ada Yang Berhormat Rantau Panjang? Yang Berhormat Rantau Panjang tidak ada. Beliau membangkitkan berapakah peruntukan untuk sistem perparitan serta saliran di Parlimen Rantau Panjang dan juga berkaitan pertanyaan berapakah peruntukan CCTV yang diperuntukkan di bawah PBT di seluruh negeri Kelantan dan Parlimen Rantau Panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2017 KPKT telah meluluskan 11 projek di kawasan Rantau Panjang yang melibatkan projek menaik taraf pasar, jalan raya, pencahayaan, membina astaka dan membina gerai yang berjumlah hampir RM1.5 juta kita bagi, untuk kawasan pembangkang pula itu.

Namun begitu, kementerian belum menerima permohonan daripada PBT Rantau Panjang untuk membaik pulih longkang dan saliran yang tersumbat dalam Parlimen Rantau Panjang. Bagi projek pemasangan CCTV bagi negeri Kelantan, KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM1.56 juta bagi kos pemasangan dan juga perkhidmatan CCTV secara sewaan selama lima tahun kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu.

Ahli Yang Berhormat Hulu Langat mencadangkan supaya denda yang dikenakan oleh PBT kepada pemaju atas kesalahan tidak menyediakan kolam tadahan atau tidak menyelenggarakan dengan baik sehingga menyebabkan lumpur masuk ke sungai apabila hujan lebat dikongsi bersama dengan Jabatan Alam Sekitar berdasarkan budaya N-BOS untuk membantu kos pembersihan sungai. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Langat di atas cadangan tersebut kerana ia satu cadangan yang bernas dalam usaha pemeliharaan dan juga pemuliharaan alam sekitar.

Namun begitu, buat masa ini belum ada sebarang dasar yang membenarkan untuk perkongsian hasil denda berkenaan sebagaimana cadangan Ahli Yang Berhormat. Jadi ini satu cadangan yang baik. Kita Barisan Nasional kalau yang baik, kita kata baik. Yang tidak betul, kita kata tidak betul. Dia tidak macam pembangkang. Kita betul pun, dia kata tidak betul. Ini masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh sambung petang, Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sambung petang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sambung petang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu kenapa Yang Berhormat Seputeh gelak apabila saya masuk. Ini sebab dia mahu berucap nanti ini, itu sebab. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan ekoran daripada...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Saya minta penjelasan sedikit, pasal Yang Berhormat Menteri sudah sebut tadi, sebelum pergi tajuk lain.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Mengenai perkara yang timbul dari segi perkongsian denda tadi disebabkan saya melihat banyak sungai, terutama di tempat saya. Saya bagi contoh, Sungai Sekamat, Sungai Long, Sungai Rinching yang sentiasa mempunyai lumpur tanah merah. Jadi, apabila saya bangkitkan perkara ini dengan PBT, dari segi keadilan, JPS mencuci sungai tetapi yang membuang sisanya pihak yang lain iaitu pemaju. Jadi, tidak kah mereka ini perlu diambil tindakan, denda dan sebagainya disebabkan oleh kelalaian mereka tidak menyediakan satu *pond* atau tidak menyelenggarakan dengan baik.

Jadi akhirnya, jawapan PBT kata sudah pun didenda. Jadi, apabila saya minta dengan JPS untuk mencuci sungai, katanya tidak ada peruntukan. Oleh sebab itulah saya meminta sangat kalau boleh walaupun belum ada polisi tetapi kita minta dengan adanya kerjasama dalam NBOS ini, maka kita dapat berkongsi denda yang diterima itu untuk mencuci sungai. Saya berharap jugalah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini memohon daripada Kementerian KPKT. Kalau tidak, tentu KPKT tidak dapat menyelesaikan ini. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Betul, Yang Berhormat kata kawasan Ahli Yang Berhormat dulu pernah berlaku banjir kerana sistem perparitan tersumbat dan sebagainya. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi bahawa KPKT ini orang kata kita ini macam- kita ini hanya boleh bagikan satu garis panduan.

Akan tetapi akhirnya, yang akan melaksanakan, yang akan menentukannya ialah PBT masing-masing. Jadi, kalau macam di kawasan Yang Berhormat dulu kita pernah- banjir dulu. Jadi, kalau kita lihat bila berlaku seperti ini, pihak Kerajaan Negeri Selangor itu, ia cuba mencari salah orang lain. Ia kata air ini datang daripada Negeri Sembilan lah dan juga pengawasan pewujudan kilang-kilang haram. Kilang-kilang haram ini yang kadang-kadang ada yang buat perkara-perkara yang tidak mengikut peraturan-peraturan.

Jadi, untuk memastikan supaya tidak wujudnya kilang-kilang haram ini semua, maka pihak PBT lah yang kena rajin turun ke padang, tengok syarat-syarat yang telah ditentukan. Begitu juga syarat-syarat yang ditentukan oleh JPS. Jadi, kerajaan negeri kena bertindak tegas untuk mengambil tindakan.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi, kalau berlaku bencana, kos untuk kita hendak membantu apabila berlaku bencana, ia lebih mahal, kos ia lebih tinggi. Jadi, Kerajaan Negeri Selangor ini- Yang Berhormat kena bagi tahu Menteri Besar Selangor ini, hendak kena tegas, betul-betul laksanakan. Sudahlah bukan sahaja banjir, ini pusat judi haram sudah tumbuh macam cendawan ini. Ini semua Kerajaan Negeri Selangor hendak kena tengoklah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Kedah banyak? Akan tetapi tidak boleh lawan Selangorlah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung satu isu lagi iaitu isu perumahan. Jadi, kalau hendak bangkit pun, misalnya isu perumahan, isu-isu lain itu tadi saya sudah sentuh sebelum ini. Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kinabatangan dan juga Yang Berhormat Kuala Kangsar menimbulkan isu Projek Perumahan Rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara sentiasa memfokuskan kesejahteraan rakyat bagi membantu meningkatkan penyediaan rumah mampu milik, terutama rumah-rumah program perumahan rakyat di seluruh negara.

Antara mekanisme dan juga kaedah dalam membantu memudahkan penyediaan PPR. Pertama, penyediaan tapak ataupun lokasi yang strategik. Maklumat permintaan dan data pendaftaran setinggan. Pihak kerajaan negeri perlu memberikan kerjasama serta membantu melalui penyediaan tapak yang strategik dan juga sesuai untuk dibangunkan dengan Projek PPR.

Namun begitu, penetapan lokasi pembinaan PPR tertakluk kepada Pekeliling Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Bil. 2/2009 iaitu garis panduan dan juga peraturan pemilihan tapak dan juga keperluan peralatan projek. Kerajaan negeri perlu membantu dari segi penyediaan maklumat permintaan bagi rumah PPR dan data setinggan untuk memastikan ia dapat memenuhi permintaan penduduk setempat yang berpendapatan RM3,000 ke bawah.

Jadi, kita ada peruntukan seperti yang diumumkan baru-baru ini, RM22 bilion peruntukan untuk perumahan untuk rakyat. Untuk rumah PPR sahaja tahun hadapan, kalau mengikut bajet yang telah diumumkan, kita diberikan amanah untuk membina 17,300 unit rumah PPR di seluruh negara.

Oleh itu, kita sedang mencari tapak yang sesuai untuk kita hendak melaksanakan rumah PPR ini. Dalam kita hendak melaksanakan rumah PPR ini, kita mestilah hendak meminta kerjasama daripada semua pihak kerajaan negeri, bukan sahaja soal tapak tetapi juga dalam segi proses memberikan kebenaran, merancang. Jadi, saya merayulah supaya diberikan satu *one-stop center* ataupun *green lane* supaya proses PPR ini, membina rumah PPR ini boleh kita percepatkan. Oleh kerana rumah PPR ini kita sedia maklum bahawa dibuat oleh kerajaan dan kita tidak mengambil apa-apa keuntungan pun. Ya, sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Di kawasan Sungai Petani ada satu kawasan penempatan PPR yang telah pun dibina hampir 15, 16 tahun dahulu oleh Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional zaman dahulu.

■1440

Apa yang berlaku ialah penduduk-penduduk yang tinggal di sekitar sungai telah dipindahkan ke flat-flat dan kerajaan negeri telah pun menyediakan tapak. Kerajaan negeri beri tanah tetapi Kementerian Perumahan berikan *allocation* untuk buat bangunan. Isu yang ada sekarang ini ialah *maintenance*. Jadi saya hendak tanya Menteri sekarang, dalam kes ini walaupun rumah itu telah pun dibina hampir 15 tahun ke 18 tahun dahulu, dalam kes ini, oleh kerana kerajaan negeri kata kami cuma bagi tanah, kementerian kata kami cuma bagi duit untuk buat rumah dan akhirnya *maintenance* tidak terurus.

Dalam kes ini, bolehkah pihak PBT memohon kepada kementerian untuk *maintenance* bukan sahaja bangunan tetapi juga persekitaran bagi menyelesaikan masalah? Kawasan ini namanya Paya Nahu.

Kalau orang Sungai Petani, orang Merbok cukup tahulah. Paya Nahu ini memang kalau dalam bahasa *Americannya* ialah *ghettos- 99 percent Malays, they are ghettos*. Macam-macam ada dekat situ. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, boleh saya sambung sikit? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah lama membawa cadangan bahawa PPRT ini khususnya lif dan sebagainya diambil alih oleh kerajaan daripada sudut pelarasan, penyelenggaraan dan sebagainya.

Baru-baru ini, tahun ini, Yang Berhormat Menteri telah ambil alih lif-lif untuk bina dan penyelarasan di Lembah Subang pada Mei tahun ini. Sebanyak 23 buah lif dibina di PPRT Lembah Subang. Itu adalah satu tanggungjawab yang baik. Akan tetapi, saya telah cadangkan PPRT ini secara keseluruhannya berperingkat-peringkat kerajaan ambil alih sebab kita ada masalah lif sebagai khususnya, tidak diselaraskan dan rakyat menghadapi masalah. Dia sampai 10 tingkat, 15 tingkat. Orang-orang tua hendak naik turun tangga ini memang membahayakan. Saya pun ada satu tempat.

Saya dapat ilham cadangan ini daripada kawasan saya sendiri iaitu di PPRT Seri Perantau di Parlimen Kapar. Bila saya tengok sendiri, lif memang masalah. So cadangan yang telah dilakukan oleh kementerian khususnya di Lembah Subang ini baik. Adakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan benda ini di tempat-tempat lain, di PPRT di kawasan-kawasan lain. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya menyokong pandangan daripada Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sungai Petani. Macam di Kuantan, ada Rancangan Rumah Murah Kampung Pak Mahat. Kalau Menteri boleh catat. Penduduknya memang ramai dan miskin dan masalah sosial, masalah kekotoran, masalah lif ini menjadi satu punca masalah. Saya sokonglah kalau dapat sekiranya kementerian memberi perhatian yang lebih kepada kawasan-kawasan seperti ini.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, yang mengenai PPRT baru di kawasan Jelutong. Saya ada bangkitkan perkara ini dalam ucapan saya semasa perbahasan. Saya hendak tanya, kawasan di Jelutong yang bernama Kota Giam yang berhampiran dengan loji IWK itu telah dicadangkan oleh kerajaan negeri supaya ia dimajukan sebagai tapak PPR yang baru untuk Pulau Pinang. Jadi kalau boleh, saya minta Menteri memberikan penjelasan yang terkini. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Kuala Selangor. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya pun ingin bersetuju supaya rumah PPR ini perlu dibanyakkan. Cuma di kawasan saya, Kuala Selangor, saya melihat ini antara satu kawasan juga yang memerlukan khususnya sokongan daripada Yang Berhormat Menteri melalui KPKT tentang bangunan PPR.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, saya lihat Yang Berhormat Menteri banyak bercakap tentang PPR tetapi kekhawatiran saya, sebagai contohnya di kawasan saya mahupun Negeri Selangor, saya lihat apa yang berlaku di Ladang Ampar Tenang, Dengkil, apabila projek penempatan semula penduduk di Taman Permata ini.

Walaupun Yang Berhormat Menteri memperjuangkan tentang rumah PPR tetapi ada kekangan terutama sekali apabila saya lihat wujudnya kekangan apabila Kerajaan Pusat terpaksa membayar premium tanah RM12 juta kepada kerajaan negeri walhal kalau kita lihat, sepatutnya perkara tersebut boleh kita hapuskan untuk memastikan rumah PPR ini dapat banyak dibina khususnya di kawasan-kawasan yang memerlukan.

Jadi saya nak tanyalah Yang Berhormat Menteri, apakah halangan khususnya di peringkat KPKT nak membanyakkan rumah PPR bagi membantu rakyat memiliki rumah bagi golongan B40 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu penyelenggaraan ataupun *maintenance* rumah PPR dan juga kos rendah ini. Sebelum saya hendak pergi ke isu penyelenggaraan, saya jawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong dulu. Memang ada dalam jawapan saya. Saya hendak jawab kemudian ke nak jawab sekarang? Saya jawab kemudian boleh? Ada dalam jawapan saya, nanti saya akan jawab ya, Yang Berhormat. Baik.

Penyelenggaraan ini memang kita lihat hari ini bahawa kerajaan dulu kita buat rumah, bila buat rumah, kemudian kita serahkan kepada penduduk, hari ini kita panggil JMB yang mana kita lihat bahawa rumah kos rendah dan rumah PPR ini memang kita tidak nafikan *maintenancenya* cukup menyedihkan.

Saya pun sama macam Yang Berhormat Kapar juga, bila kita turun padang ini, kita akan melihat betapa seksanya, betapa susahya mereka yang tinggal di dalam bandar. Kemiskinan bandar lain daripada kemiskinan di luar bandar dan perkara ini hanya boleh kita rasai kalau kita turun ke padang. Kalau setakat dengar laporan daripada pegawai, kita tidak dapat menjivai perasaan ini.

Kerana itulah Yang Berhormat mengatakan tadi mengenai Lembah Subang 1 sebagai contoh. Lembah Subang 1 ini Yang Berhormat, bila saya turun, dah ingat dekat enam kali ke tujuh kali saya turun dan saya turun Lembah Subang 1 ini sebelum saya jadi Menteri lagi. Saya turun dan saya cukup terkejut melihat keadaan Lembah Subang 1 di mana Lembah Subang 1 ini, tanah ini, tanah KPKT. Yang buat bangunan itu pun, lebih 10 blok ini pun, KPKT yang buat.

Akan tetapi oleh kerana kita serahkan pengurusannya kepada pihak kerajaan negeri dan cukai sewa RM124, diambil oleh kerajaan negeri dan dalam masa yang sama, 2012 kalau tidak silap saya, kita tambah lagi RM20 juta. Jadi akhirnya kita lihat pengurusannya tidak terurus.

Sebab itulah saya sebagai Menteri KPKT buat keputusan, bagilah, serah baliklah kepada KPKT. Akan tetapi sehingga hari ini, ia masih ada halangan daripada kerajaan negeri. Hendak suruh bayar pula RM60 juta, termasuk tunggakan sewa pun dia suruh KPKT bayar tetapi dalam bajet kerajaan negeri baru-baru ini, MB umum bahawa tunggakan bayaran sewa rumah PPR dikecualikan ataupun dihapuskan.

Jadi ini *double standard*. Dihapuskan kepada rakyat tetapi *diclaim* kepada KPKT untuk bayar bagi pihak rakyat. Jadi kerana itu KPKT dah buat keputusan, apa jadi pun kami tetap akan ambil alih pentadbiran Lembah Subang 1. Betul, kita dah baik. Saya belanja hampir dekat RM20 juta, dengan lif sahaja RM16 juta.

Jadi, masalahnya ialah masalah penyelenggaraan tetapi kita lihat bila sebut pasal penyelenggaraan ini, seperti mana cadangan daripada Yang Berhormat, sebenarnya kita dah memang akan mewujudkan satu perbadanan yang dinamakan Perbadanan Perumahan Awam Negara yang sekarang ini dalam proses untuk kita bawa ke Parlimen hendak jadikan akta supaya rumah-rumah kos rendah dan juga rumah PPR ini biar satu perbadanan yang menguruskan. Hari ini, kita serahkan kepada JMB. Memang kesian kita tengok. JMB nak dapat kutipan cukup susah. Kerajaan negeri ini Tuan Yang di-Pertua, ada juga projek dia. Projek yang dinamakan Projek Ceria.

Projek Ceria ini saya tengok, oh dia umum bukan main hebat oleh Kerajaan Negeri Selangor tetapi Yang Berhormat kena faham, Projek Ceria ini kalau kerajaan negeri hendak membaiki rumah kos rendah, dia minta 20 peratus daripada rakyat, daripada JMB. Kalau nak ganti lif katalah RM500,000, bermakna JMB kena bayar 20 peratus bermakna RM100,000. Ini kerajaan apa ini? Bagi saya, lif ini ialah seperti jalan. Lif inilah yang akan menghubungkan rumah ke rumah. Kalau kita buat jalan di luar bandar yang jalannya menghubungkan rumah ke rumah, kita tidak minta duit pun daripada rakyat tetapi kenapa Kerajaan Negeri Selangor bila nak *repair* lif, dia minta 20 peratus daripada JMB? Jadi ini *double standard* tetapi Kerajaan Barisan Nasional lebih prihatin.

■1450

Apabila perkara diajukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju kalau kita hendak ganti, hendak tolong orang miskin ini. Kos rendah dan juga PPR ini, kita bayar 100 *percent*. Tidak minta satu sen pun daripada JMB. Di Selangor sahaja hendak bagi tahu, saya sudah luluskan dekat RM160 juta.

Saya luluskan di Selangor, saya pergi dekat Ampang- Ampang ini kawasan Parlimen Menteri Besar. Yang Menteri Besar kata dia ada duit bilion-bilion sampai dia tidak reti apa hendak buat kerja, duit bilion-bilion ini, Tuan Yang di-Pertua. Dengar ucapan dia. "*Kerajaan Negeri Selangor ada bilion-bilion. Sampai saya tidak tahu apa hendak belanja bilion-bilion.*"

Eh, saya pergi Ampang, saya pergi Gombak, Parlimen Menteri Besar. Saya pergi, amat menyedihkan. Bumbung sudah terbang, kumbahan air najis sudah rosak. Saya terpaksa luluskan hampir RM11 juta di Parlimen Gombak sahaja dan dalam saya meluluskan kelulusan ini, bukan saja di dalam negeri Selangor.

Tadi Yang Berhormat dari Sungai Petani bangkitkan tadi iaitu PPR Paya Nahu, Sungai Petani. Saya sebenarnya hendak pergi Yang Berhormat hari itu tetapi tak *dan*. Walaupun saya tidak pergi Yang Berhormat, kita telah meluluskan RM2.6 juta, kita telah luluskan di kawasan Sungai Petani. Siapa kata kita pilih-pilih? Kalau kita hendak pilih, kita tidak tolonglah orang Sungai Petani sebab Sungai Petani ini PKR. Akan tetapi kita bantu demi rakyat dan juga kita tengok yang masalah, yang tempat Yang Berhormat katakan tadi ialah pendawaian elektrik dia dan ini duit telah pun kita turunkan dan *insya-Allah* kita akan laksanakan.

Begitu juga dengan di Kuantan tadi iaitu yang dikatakan rumah di Kampung Pak Mahat, Yang Berhormat Kuantan. Saya sendiri turun. Pada masa saya turun itu, saya masa itu kita luluskan, saya sudah lupa. Saya sudah luluskan kalau tidak silap saya RM3 juta hanya untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan asas, dinding, bumbung dan sebagainya.

Apabila saya turun, saya tengok bukan saja mesti diberikan bantuan mengenai kemudahan-kemudahan asas. Dia punya tangki air itu, Yang Berhormat. Tangki ini saya kata kalau kita tidak baiki, akan runtuh. Saya tambah lagi RM2.5 juta untuk tangki air sahaja. Saya bagi. Itu tangki air yang hendak runtuh. Kalau datang Selangor lagi teruk. Saya panjat satu tangki air. Tangki air ini sudah berkelodak sudah. Tidak ada siapa pun yang hendak memberikan pembelaan.

Jadi kerana itu Yang Berhormat Perdana Menteri amat prihatin mengenai memberikan pembelaan kepada penyelenggaraan yang harus dibuat kepada semua rumah PPR dan *insya-Allah* bila kita tubuhkan 3P nanti, ianya akan lebih tersusun. Ini menunjukkan bahawa kita amat prihatin mengenai masalah perumahan terutamanya yang kos rendah ini. Mengenai yang Yang Berhormat Kuala Selangor bangkitkan tadi, memang betul pada mulanya apabila kita hendak buat rumah PPR di Dengkil, premium tanah disuruh bayar RM12 juta.

Akan tetapi apabila kita buat rayuan- yang ini saya kena ucap terima kasih kepada kerajaan negeri. Makna dia telah setuju, dia bagi nominal dan hari ini rumah PPR ini pun sedang dibuat dan *insya-Allah* dalam tempoh dua tahun tidak silap saya, rumah PPR Dengkil ini akan menjadi kenyataan. Oleh sebab itu, kita harap kerajaan negeri dapat membantu untuk menyelesaikan ataupun meringankan masalah rumah-rumah PPR dan juga kos rendah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Pasir Gudang dan juga Yang Berhormat Tasik Gelugor yang berkaitan pelaksanaan inisiatif kerajaan dalam meningkatkan penawaran rumah mampu milik dan bantuan pembiayaan perumahan. Dua isu lah yang dia bangkit iaitu isu mengenai penawaran rumah mampu milik dan juga bantuan pembiayaan rumah.

Saya hendak nyatakan bahawa, dalam kita usaha menyediakan rumah- saya sebut KPKT sahaja dulu, sebab kita kena faham bahawa dalam masa ini kalau mampu milik ini kita telah agih-agihkan kerja kita bawah PR1MA. Mereka juga ada tanggungjawabnya. Syarikat Perumahan Negara, kemudian PPA1M untuk kakitangan kerajaan, kemudian PPR, FELDA, kemudian KKLW. Ini semua kita ada kuota kita untuk kita hendak mencapai satu juta.

Jadi yang saya hendak maklumkan, apa yang ada di bawah kementerian saya, di bawah kementerian KPKT untuk kita hendak memberikan bantuan untuk membantu rakyat dalam menyediakan perumahan. Yang pertama kita ada skim. Skim bantuan pembiayaan bagi membina rumah yang dipanggil Skim Pinjaman Perumahan (SPP).

SPP ini ialah syaratnya rakyat yang mohon mesti ada tanah. Dia ada tanah dan dulu kita hanya bagi pinjaman RM45,000 tetapi baru-baru ini Kabinet telah meluluskan supaya boleh bagi pinjaman RM60,000 dan bila kita bagi pinjaman RM60,000, ianya diminta membayar bulanan adalah jadual yang telah ditetapkan. Ini sedang berjalan.

Yang kedua ialah bantuan pembiayaan deposit ataupun subsidi membeli rumah. Kita ada dinamakan skim *MyHome* dan skim *MyDeposit*. Ini skim-skim macam ini saya ingat tidak ada kerajaan-kerajaan negeri yang lain buatlah di mana kita telah sedia maklum sebanyak dekat RM500 juta telah pun diumumkan untuk kita memberikan, hendak kata subsidi tidak seronok, geran. Geran ini ertinya ini kepada pembeli-pembeli M40- M40 maksudnya pendapatan daripada RM3,000 hingga ke RM10,000. Kita akan naikkan hingga ke RM10,000, apa yang kerajaan bantu.

Mereka boleh membeli rumah dan dalam kita membeli rumah ini, apabila mereka membeli rumah, syaratnya pembeli pertama. Dia boleh memohon kepada KPKT. Ada dua skim *MyHome* dan juga *MyDeposit*. Kerajaan bagi geran RM30,000 maksimum. Kita bagi RM30,000, ini bermakna mereka dapat *free*, dapat *free* RM30,000.

Jadi ini yang kadang-kadang yang orang tanya, ke mana pergi duit GST ini? Apa yang rakyat dapat? Ini memang GST ini hasil kerajaan M40 pun dapat dan hari ini bukannya cerita kosong. Kita ada bukti, bermakna bilangan permohonan yang kita terima 6,000 lebih. Yang kita sudah lulus hari ini 2,000 lebih dan keseluruhan dekat 4,000. Kita sudah keluarkan duit dekat RM39 juta. Kita sudah luluskan dan campur dengan lagi satu skim saya kata skim *MyHome* RM131 juta. Ini semuanya di dalam proses di mana kerajaan serius untuk menolong golongan muda terutamanya yang *first buyer* untuk memiliki rumah.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, boleh mencelah soalan sedikit.

Yang Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mendapatkan kalau-kalau ada penjelasan sedikit lagi daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *rent-to-own*. Kalau bagi kita di negeri Pulau Pinang, bagi pihak Kerajaan Persekutuan kita ada PERDA dan PERDA ini ada tanah.

Jadi bolehkah PERDA mendapatkan peruntukan tertentu ataupun peruntukan khas untuk kita membanyakkan lagi projek-projek *rent-to-own*? Hal ini kerana projek *rent-to-own* ini dia memerlukan modal yang besar terutama sekali daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Jadi sekarang tanah kita ada. Kalaupun katakan kita boleh laksanakan projek *rent-to-own* (RTO) ini, kita akan dapat membantu lebih banyak pembeli-pembeli rumah khususnya bagi yang peringkat B40. Jadi mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya di kesempatan ini dan penggulungan perbahasan Yang Berhormat Menteri saya hendak ucapkan setinggi-tinggi syabas dan penghargaan kepada kementerian KPKT yang saya melihat begitu laju, rajin untuk membantu rakyat. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan M40 ataupun B40 tadi ini dan juga apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Transformasi Nasional 50, pada orang muda. Hari ini isu rumah PPR dan sebagainya ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah tekankan dalam bajet baru-baru ini pun banyak insentif telah diberikan.

Jadi, masih ada lagi kekangan. Soalan saya adakah tindakan yang tegas dan cepat, pantas daripada kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri berkaitan dengan bayaran balik? Contohnya, macam Yang Berhormat sebut, ada geran. Akan tetapi walaupun ada geran, masih lagi anak muda ini kena pinjam duit dengan pihak bank.

■1500

Jadi bila mereka minta pinjaman di pihak bank, dulu mereka pernah waktu muda-muda- sekarang ini umur dia 35 tahun. Waktu umur 22, 23 tahun yang bekerja di kilang, orang muda ini, dia tidak ada duit. Dia hendak beli perabot di rumah malah beli televisyen ataupun peti ais, mereka pergi ke *Singer*, *Courts Mammoth*, macam-macam ini, yang ada wujud ini, mereka buat pinjaman dan akhirnya mereka tidak bayar. Contohnya RM1,000, RM1,200, RM800. Bila mereka hendak buat pinjaman rumah PPR kali pertama, mereka *declined*. Pihak bank akan menolak sebab mereka masih ada lagi dalam CTOS, CCRIS dan sebagainya.

Jadi adakah tindakan N-BOS Kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri dengan yang lain-lain seperti JPM, Kementerian Kewangan?

Ini kerana kadang-kadang tidak adil bagi saya, kalau dia hanya penjamin. Hutang RM1,400 tapi dia hendak beli rumah pinjaman kali pertama, rumah pertama yang hendak dimiliki tidak dapat. Jadi, kecewa anak-anak muda ini, yang mana pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sedang fokuskan berkaitan TN50. Jadi ini di antara peluang yang harus kita lihat dan teliti.

Jadi persoalan saya, adakah N-BOS berkaitan dengan kewangan ini, bagaimana dengan pihak bank ini- bank melaksanakan tugas mereka. Bila mereka melihat di dalam sistem, nama dia *declined* sebab dia masih terutang. Dia tidak tahu banyak mana. Bila *check*, hanya RM800 tapi kerana RM800 tertunggak tidak bayar dengan *Courts Mammoth* atau *Singer* dan sebagainya, anak muda ini tadi tidak dapat mencapai impiannya untuk mendapatkan rumah kali pertama yang mana pada hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ingin membantu seluruh generasi orang muda dalam negara tercinta ini. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor dan juga Yang Berhormat Baling. Sebelum saya hendak jawab kedua-dua soalan tadi, saya hendak sentuh sikit lagi mengenai dengan *MyHome* dan *MyDeposit*. Ini kita kena faham bahawa dalam hendak tolong rakyat ini, kita ada dua. Satu, yang M40. Satu lagi yang B40. Yang M40 yang saya kata tadi, kita bagi geran sebanyak RM30,000. Saya tengok Kerajaan Negeri Selangor pun cuba hendak tiru tapi dia hanya bagi *advance* 10 peratus. *Advance* kena bayar balik. Kita bagi terus. Ini beza kerajaan federal dengan kerajaan negeri yang hendak tiru sistem kita.

Saya hendak pergi Yang Berhormat Baling punya cadangan tadi kerana Yang Berhormat Baling punya cadangan tadi dia akan melibatkan dua-dua *group*- M40 dan juga B40. Macam ada juga yang kita tengok yang memohon *MyDeposit* dan *MyHome* ini, bila kita tengok mereka ini nak beli rumah dah layak tetapi bila hendak buat pinjaman bank, dia sangkut.

Oleh itu, saya amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan lah- saya pun hendak cadang kepada Menteri Kewangan di sebelah saya ini sebab Bank Negara di bawah Kementerian Kewangan. Kita nak kena tengoklah. Kalau dia pinjam RM3,000 ke bawah, kita tengok dalam CTOS kah, *whatever* CCRIS kah, kalau dia pinjam, hutang dia bukan banyak pun, boleh jadi RM2,000, RM3,000, kalau boleh RM3,000 ke bawah ini, kemudian niat kita, bagilah kelulusan untuk dia buat pinjaman.

Begitu juga yang kadang-kadang yang jadi peminjam yang Yang Berhormat Baling kata tadi. Kadang-kadang dia ini bukan peminjam. Dia penjamin saja. Dia jamin orang. Orang tidak bayar, dia yang kena. Jadi ini ucapan Yang Berhormat Baling itu jadi sebahagian daripada jawapan saya untuk Kementerian Kewangan kaji cadangan daripada Yang Berhormat Baling ini.

Mengenai cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor, R2O. Saya ambil contoh. Sementara cadangan Yang Berhormat Baling itu mungkin boleh dilaksanakan, kita perkenalkan R2O. Saya ambil contoh. Betul yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor. Tahun lepas kita tengok ada dekat 8,000 rumah PPR-PPR ini untuk B40. Kita buat rumah PPR ini nilai dia paling murah RM150,000. Itu kita buat. Kalau ikut harga pasaran, ada sampai RM200,000. Akan tetapi kerajaan hanya jual kepada rakyat RM35,000. Bermakna, siapa yang dapat rumah PPR ini, dia dapat subsidi dekat RM100,000 lebih. Tidak ada kerajaan yang baik hati macam Kerajaan Barisan Nasional. Kita hendak tolong rakyat mendapat rumah.

Namun demikian, bila kita lihat ramai yang layak dapat rumah tetapi mereka ini tidak dapat kelulusan bank, maka sekali lagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan idea. Dia kata kalau nak tolong, tolong betul-betul. Jadi kerana itulah kita kenalkan sistem R2O. R2O ertinya siapa yang dapat rumah ini yang layak, mereka tidak perlu pinjam bank. Dia terus masuk, dia bayar sewa bulan-bulan dan kita bagi tempoh dalam dua tahun di mana kalau dalam tempoh dua tahun dia boleh memenuhi segala syarat-syaratnya, maka kita akan sambung dengan R2O dan dua tahun yang dia bayar sebagai sewa tersebut akan diambil kira sebagai *part of payment* untuk dia orang memiliki rumah setelah sampai tempoh masanya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Tasik Gelugor, kalau rumah yang di Perda ni untuk dijual, kita memang akan bersetuju untuk kita laksanakan untuk buat R2O di Tasek Gelugor. Dan PPR ini, tahniahlah, saya tengok Baling ada dalam senarai untuk dilaksanakan 500 rumah PPR di Baling.

Seterusnya, selain daripada rumah PPR yang saya kata R2O, di bawah KPKT juga, kita ada program penyewaan rumah. Oleh kerana kita dapati ada anak-anak muda yang mungkin tidak mampu nak beli rumah, maka kita sediakan program Rumah Transit 1Malaysia- kita dah pun mula projek ini, di mana mereka yang duduk di rumah ini kita benarkan dalam tempoh lima tahun dan selepas itu dia kena keluar. Sebab itu kita panggil rumah transit. Kita tidak panggil rumah sewa. Kalau rumah sewa, nanti dia ingat dia boleh sewa *forever*- Rumah Transit 1Malaysia.

Dan kita juga akan melaksanakan Rumah Transit Belia yang dipanggil *MyTransit*, di mana skim rumah yang kita buat ini tidak lagi macam rumah untuk PPR tapi berbentuk studio- satu bilik, dua bilik. Yang ini kita akan kenalkan skim yang baru di mana kita kata skim menyewa sambil menabung. Ertinya, kalau disewa studio ini katalah disewa RM500 sebulan, RM250 dia bayar sewa, RM250 kita akan tolong simpan duit dia. Jadi, *by the end* lima tahun bila dia kena keluar daripada rumah transit ini, *at least* dia ada simpanan RM15,000 dan bolehlah dia memulakan untuk dia sewa rumah lain ataupun dia memulakan untuk membayar deposit membeli rumah yang lain.

Yang ketiga, rumah PPR ini selain daripada kita jual terus kepada rakyat, ada juga rumah yang kita lihat tidak boleh dijual, hanya boleh disewa. Yang ini kita panggil Program Perumahan Rakyat Untuk Disewa.

Jadi dengan beberapa peruntukan projek yang telah pun kita perkenalkan ini, maka usaha kerajaan untuk kita hendak memastikan golongan muda terutamanya memperoleh rumah akan dapat kita capai.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan dengan segala bentuk bantuan yang telah diberikan berkaitan dengan perumahan ini yang saya kira sememangnya menjadi tumpuan kepada orang muda seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Baling tadi.

Berkenaan dengan Rumah Transit 1Malaysia ini, kita tahu ramai rakan-rakan terutamanya golongan muda ini berminat dengan Rumah Transit 1Malaysia ini. Adakah pihak kementerian bercadang mana-mana mereka yang telah mendapat penyewaan rumah melalui Rumah Transit 1Malaysia ini diberikan peluang, mungkin selepas dua atau tiga tahun, untuk mendapatkan pinjaman melalui geran RM30,000 di bawah Kementerian KPKT ini dan juga konsep RTO yang telah diperkenalkan oleh pihak kementerian? Dan adakah mereka-mereka ini nanti setelah diberi peluang untuk mendapatkan bantuan di bawah geran RM30,000 dan juga skim di bawah RTO ini nanti, mereka juga boleh diberikan peluang untuk mendapat rumah di bawah PPR tadi? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Memang dalam perancangan kita, seperti yang saya nyatakan tadi, bahawa kalau mereka ini duduk di Rumah Transit dan kalau misal kata kita menyewa sambil menabung ini, jadi akhirnya nanti bila sampai tempoh lima tahun, dia boleh untuk membeli rumah.

Dan yang kedua, dia menyewa, kita kena tengok sama ada dia ini golongan B40 atau pun M40.

■1510

Kalau dia B40, bermakna kalau ada rumah-rumah PPR untuk dijual, maka dia boleh memohon dan kita akan berikan keutamaan kerana dia duduk menyewa dan kita hendak bagi jual rumah PPRT dengan konsep RTO.

Kalau kata dia hanya menyewa, dia pula golongan M40 dan dia hendak beli mana-mana rumah di bawah harga RM300,000 maka yang ini kita akan berikan juga keutamaan kerana mereka ini merupakan penyewa kita dan kalau dia beli rumah, maka dia mudah dan lebih cepat dia kosongkan rumah, dia beli rumah yang baru dan memberi peluang kepada penyewa-penyewa baru. Cadangan Yang Berhormat ini memang di dalam perancangan kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Satu isu terakhir, boleh?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Boleh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kita bicara tentang rumah yang akan dibina untuk golongan miskin. Itu adalah tindakan yang baik tetapi kita juga perlu meneliti satu lagi isu khusus iaitu risiko perampasan rumah ataupun rumah-rumah yang dilelong kerana individu ini membeli rumah PPRT dan rumah mampu milik tetapi tidak boleh bayar bank dan ada isu-isu yang rumah kena lelong khususnya macam di kawasan saya di Sri Perantau. Rumah PPRT tetapi mereka tidak boleh bayar ansuran. Rumah itu kena lelong. Ini disebabkan oleh satu gejala yang dipanggil sebagai *income shocks, shocking in the monthly income*. Maksudnya mungkin dia diberhentikan kerja atau mereka kena tanggung malapetaka atau benda-benda lain dan bayaran digunakan untuk isu-isu lain. Oleh sebab itu bayaran bulanan tidak boleh dibayar.

Bila mereka tidak boleh bayar untuk enam bulan dan sebagainya, perampasan rumah dilakukan oleh pihak bank dan sebagainya. Golongan ini adalah golongan miskin yang menetap di PPRT dan sebagainya tetapi kita nampak rumah itu dilelong dan sebagainya. Saya sudah bangkitkan isu ini beberapa kali. Kena ada satu komitmen daripada pihak kerajaan untuk membantu golongan ini sebab kita mengikut kemampuan mereka, mereka tinggal di PPRT dan memang mereka adalah golongan miskin. Bila mereka tidak ada kemampuan untuk membayar dan sebagainya, rumah dirampas. Daripada memiliki satu rumah, sekarang mereka tidak ada rumah dan kena cari rumah sewa dan sebagainya. Contoh yang klasik adalah di Sri Perantau. Kita dapati pada awalnya pemilik-pemilik sekarang ramai yang telah hilang rumah itu kerana rumah itu telah dilelong.

Jadi saya minta komitmen daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah cadangan yang dibawa oleh kerajaan untuk membantu golongan ini? Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cukup bersetuju dengan Yang Berhormat. Mana-mana pihak yang menindas, yang orang tidak boleh bayar rumah kos rendah, hendak dilelong, ini satu tindakan yang zalim. Saya amat bersetuju tetapi Yang Berhormat kena tengok rumah Sri Perantau ini. Saya sudah pergi tengok. Rumah Sri Perantau ini dulu lifnya *problem*. Saya pergi, saya luluskan kalau tidak silap saya RM6 juta atau RM7 juta untuk baiki lif di Sri Perantau ini.

Akan tetapi bila saya luluskan peruntukan baiki lif, PKNS pula kacau. PKNS kata tidak usah terima. PKNS pula hendak buat sendiri. Jadi peruntukan yang saya sudah luluskan saya kena buat tidak silap saya, saya kena buat longkang di kawasan itu. Rumah yang Yang Berhormat cakap ini dia punya *landlord* nya ialah PKNS. PKNS lah yang patut dikenakan tindakan tetapi kalau rumah ini di bawah KPKT, saya bagi jaminan kita tidak akan lelong macam mana rumah Lembah Subang Satu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, boleh? Tambah sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak mahu masuk dalam jawapan permainan politik. Saya sebagai penggubal dasar, saya minta jasa baik Yang Berhormat, bawa satu undang-undang, bawa satu peraturan ataupun *legislation of the law*, dengan izin, macam dekat Singapura. Benda itu telah dimartabatkan sebagai satu undang-undang. Kita tidak mahu Kerajaan Persekutuan kah, kerajaan negeri kah sebab saya rasa benda ini kena melebihi dasar kerajaan permainan politik ini. Dia kena gubal sebagai satu undang-undang yang perlu diikuti oleh mana-mana agensi termasuk *developer*, bank supaya rakyat tidak tertindas.

So saya nampak macam di Singapura memang sudah ada satu undang-undang untuk khas kepada golongan-golongan yang miskin ini supaya tidak ditindas dan sebagainya. Saya minta jasa baik Yang Berhormat sebagai seorang Menteri yang duduk di sebelah sana bukan untuk kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan tetapi untuk satu undang-undang yang boleh menjaga hak pemilik-pemilik rumah-rumah miskin dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya sambung sikit soalan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kapar. Cuma hendak tanya pandangan Yang Berhormat Menteri. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kita ada dasar, sekiranya rumah-rumah yang dibeli dari kategori kementerian yang diluluskan oleh kementerian. Maknanya rumah PPRT kah, rumah apa juga, apa-apa juga tindakan contohnya kalau rumah bank hendak lelong, bank kena serahkan balik rumah itu kepada kementerian.

Maknanya siapa-siapa juga *buyer* yang hendak beli, mungkin kawan itu memang tidak boleh selamatlah. Rumah itu dia kena lelong. Mungkin apa juga *financial problem* dia ada, cerita lain tetapi maknanya rumah ini dikembalikan kepada kementerian dan kementerian tentulah akan *offer* kepada orang yang layak dalam *list* yang kementerian ada. Daripada kita *open up*, bank lelong, mana-mana entah orang yang datang, kita tidak tahu. Jadi adakah kementerian ada polisi itu sekarang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Apa yang Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sungai Petani cakap itulah yang kita hendak buat. Atas sebab itu tadi saya kata kita sedang gubal Akta Perbadanan Perumahan Awam Negara. Sebelum saya hendak ulas lebih, saya hendak pergi kepada *Singapore*. Yang Berhormat pun sama salah seorang peguam. Di *Singapore*, dia lain. Dia hanya ada *Housing Development Board*. Satu sahaja. Dia boleh *control* satu *Singapore*.

Akan tetapi kita di Malaysia, ada dua kuasa. Ini saya bukan hendak main politik. Yang Berhormat kena ingat. Ini tidak ada politik. Saya cerita benda betul yang berasaskan Perlembagaan dan juga peraturan. Bila kita buat rumah ini, di Malaysia, ada rumah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan ada rumah yang dibuat oleh kerajaan negeri dan juga agensi-agensinya kerajaan negeri. Mana-mana rumah yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya PPR, ia akan termaktub di bawah akta yang kita akan buat nanti. Akan tetapi masalah kita ialah apabila rumah itu dibuat oleh kerajaan negeri.

Saya ambil contoh di Selangor- Kota Damansara, HICOM. Tanah, tanah kerajaan negeri tetapi rumah itu KPKT buat. Apabila kita hendak ambil alih, kita hendak urus, memang dari segi undang-undang kita tidak boleh hendak masuk sebab tuan tanah itu ialah kerajaan negeri. Akan tetapi macam Lembah Subang Satu, tanah, tanah kita, rumah-rumah kita. Kita hendak ambil alih pengurusan. Itu pun mendapat tentangan hebat daripada kerajaan negeri. Sama dengan rumah yang Yang Berhormat kata tadi. Rumah itu ialah rumah yang dibuat oleh PKNS.

Jadi bermakna kita tidak ada kuasa untuk kita hendak memaksa agensi-agensi kerajaan ini. Akan tetapi saya beri jaminan mana-mana rumah di bawah PPR bahawa rumah ini kita tidak akan benarkan lelong. Sebab itu kita gunakan RTO dan saya hendak menyeru kerajaan negeri seluruh negara. Mengapa tidak mengikut konsep RTO ini kalau betul-betul kita hendak memberikan pertolongan kepada rakyat yang memerlukan rumah.

Macam saya kata rumah PPR RM35 ribu. Nilai pasaran rumah RM200 ribu. Itu pun tidak dapat pinjaman bank. Jadi cadangan Yang Berhormat ini boleh kita buat tetapi saya beri jaminan kepada Yang Berhormat. Kalau Barisan Nasional menang balik Selangor, kita akan tidak benarkan rumah di negeri Selangor ini untuk dilelong. Ini jaminan kita kalau Barisan Nasional menang. Ini kuasa kerajaan negeri. Yang Berhormat Seputeh janganlah marah. Ini kerana Kerajaan Negeri Selangor hendak ikut kita tetapi dia tidak upaya hendak ikut. Bila kita buat bajet, dia kata kita ikut dia. Bila dia buat bajet, dia ikut kita tetapi dia tidak mampu buat macam mana yang kita buat. Ini jaminan. Janji kita. Kita akan bagilah. Kita akan pastikan. Rumah-rumah PPR semua kita akan buat RTO semua.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Hendak beri kesenangan kepada rakyat negeri.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri. Saya, Yang Berhormat Kuala Kangsar sini.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri menyatakan usaha-usaha Kementerian mengenai skim insurans untuk penghuni PPR untuk dibantu selepas dilanda apa-apa masalah dan musibah dan juga bantuan-bantuan setelah kehilangan mana-mana ahli keluarga. Terima kasih.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Pandangan yang baik tetapi buat setakat ini kita belum ada skim insurans lagi. Kita baru-baru ini kita hanya cuba ada satu syarikat. Ini kerana bila kata insurans, kita tidak boleh hendak paksa mereka beli. Akan tetapi walau bagaimanapun, memang saya setuju bahawa mereka ini mungkin kita kena rancang untuk belikan mereka insurans secara berkelompok *if anything happen* kepada mereka yang sedang susah ini. Mungkin dapatlah diberikan bantuan ataupun dapat ganti rugi melalui insurans.

■1520

Saya hendak bagi tahu bahawa di Lembah Subang 2 kita sudah mula ada *company* telah pun menawarkan sistem insurans ini tetapi *coverage* insurans ini hanya melibatkan kematian, badal haji untuk si mati dan diskaun klinik, yang ini kita galakkanlah. Akan tetapi walau bagaimanapun secara komprehensifnya kita mungkin kena merancang bagaimana kita hendak dapat berikan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Krai, Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Sandakan berkaitan status terkini pelaksanaan rumah mampu milik dan menyatakan apakah kekangan-kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan rumah mampu milik serta kawalan kenaikan harga rumah. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebenarnya telah pun menjawab isu ini pada sesi soal jawab lisan bertarikh 2 November 2017, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh rujuk kepada jawapan yang telah pun saya berikan pada 2 hari bulan yang lepas.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tanya?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Di Kuala Lumpur sekarang DBKL ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan buat banyak RUMAWIP. Jadi tadi Yang Berhormat Menteri cakap banyak tentang PPRT dan masalahnya, jadi adakah RUMAWIP ini juga di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Sekiranya RUMAWIP pada masa akan datang menghadapi banyak masalah seperti apa yang berlaku di PPRT sekarang, jadi apakah Kementerian boleh campur tangan dan menyelamatkan RUMAWIP sekiranya ada masalah?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih. RUMAWIP ini bukan bawah Kementerian saya, ia di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Malah hari ini kalau Yang Berhormat pergi *round* dekat Wilayah Persekutuan rumah di cat baru, banyak rumah kita cat, yang itu pun tidak pakai peruntukan Kementerian. Itu memang Kementerian Wilayah Persekutuan menggunakan peruntukan daripada DBKL. Jadi itu kuasa dia. Ada rumah yang kita buat macam di Kepong baru-baru ini dekat Kepong, kita buat rumah tersebut tetapi kita serahkan pengurusannya kepada pihak DBKL.

Jadi itu saya kata, dia bukan sahaja Wilayah dan negeri-negeri lain mereka juga ada projek-projek perumahan mereka sendiri. Macam Selangor dia ada juga projek-projek Selangorku tetapi Rumah Selangorku kerajaan negeri mana ada keluar duit, dia suruh buat-buat macam itu sahaja. Jadi kita tidak ada, kita kata hendak tolong kita keluar duit. Kita bagi peruntukan berjuta. Kalau setakat guna lidah dan air liur semua orang boleh buat. Jadi sebab itu berbeza antara BN dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *[Ketawa]* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil ada? Yang Berhormat Bukit Katil tidak ada, bagi jawapan bertulislah.

Kemudian saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Jelutong tadi yang bangkit. Untuk makluman Yang Berhormat Jelutong, saya tidak bersetuju dengan dakwaan Yang Berhormat menyatakan kerajaan melepaskan tanggungjawab membina Projek Perumahan Rakyat di Pulau Pinang. Ada dua tiga projek kita telah ada buat rumah PPR di Pulau Pinang ini.

Akan tetapi khusus untuk projek-projek PPR yang dicadangkan di kawasan Jelutong, kementerian telah pun mempertimbangkan cadangan kerajaan negeri bagi pembinaan PPR di tapak Lot 10042 PT36 dan Lot 10045 PT37, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Pulau Pinang berdasarkan surat daripada kerajaan negeri bertarikh 17 Mac 2017, saya sendiri dapat surat itu daripada pihak kerajaan negeri. Kementerian juga telah menerima permohonan pertimbangan bagi cadangan tapak baru. Dia ada cadang lagi tapak baru. Iaitu berdasarkan surat bertarikh 26 April 2017 daripada pihak kerajaan negeri yang telah pun mengenal pasti satu plot yang lebih besar iaitu petak A di antara Lot PT36 dan juga Lot PT37 yang merupakan tanah milik Indah Water Konsortium (IWK). Dia hendak pakai- hendak ambil tanah Indah Water Konsortium (IWK) punya tanah.

Kita kata pakailah tanah kerajaan negeri tetapi dia hendak pakai IWK. Sehubungan dengan itu kerajaan negeri perlu menetapkan pendirian perkara berikut. Pertama, kita bagi tahu pada kerajaan negeri lokasi tapak yang benar-benar hendak dibangunkan PPR bagi membolehkan pihak kementerian dapat menjalankan lawatan teknikal di lokasi yang telah dipersetujui.

Kedua, kerajaan negeri perlu bersetuju untuk menukar status hak milik tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebelum pembinaan PPR tersebut dapat dibangunkan kerana tanah bagi setiap projek yang dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan hendaklah diletakkan di bawah pemilikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ini selaras dengan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Bil.2, Tahun 2009.

Ertinya kita boleh buat, saya ada jawab soalan ini. Boleh, bukan sahaja di Pulau Pinang, jangan kata di Pulau Pinang, di tempat-tempat lain pun kita kata boleh, serah tanah itu kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan kita serah dan rumah kita buat. Jadi apabila kita buat cadangan tersebut itu yang kali kedua dia cadang suruh kita ambil tapak IWK. Jadi ini tengah tunggu keputusan muktamad daripada kerajaan negeri dan saya akui memang saya sendiri mendapat surat ini dan saya pun respons terus kepada permohonan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya daripada maklumat yang saya kutip daripada pihak kerajaan negeri sememangnya satu lawatan tapak untuk menyelidik kawasan itu secara teknikal itu telah pun diatur tetapi tiga hari sebelum lawatan yang telah dijanjikan ia telah dibatalkan. Jadi saya hendak tanyalah apakah perkara yang membantutkan koordinasi di antara pihak kerajaan negeri dengan pihak Kerajaan Persekutuan yang telah berjalan begitu lancar sedemikian masa tetapi sampai ke saat dan ketika yang penting itu dia tergendala. Saya hendak tanya sahaja.

Mula daripada titik situ kita hendak tanya juga sama ada apa lagi halangan yang pihak-pihak berkenaan Persekutuan dengan negeri. Sebab saya rasa bacaan pihak penasihat undang-undang dari kerajaan negeri agak bercanggah sedikit apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang mengatakan petak yang telah disediakan, petak yang telah dikenal pasti itu harus diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan terlebih dahulu. Adakah itu bercanggah dengan bacaan Kanun Tanah Negara atau *the National Land Code*. Itu saya rasa saya akan bawa balik kepada pihak negeri dan saya bincang.

Akan tetapi apa yang saya minta daripada pihak kementerian ialah supaya demi kepentingan mereka daripada golongan B40 kerana PPR memang disasarkan kepada mereka yang datang daripada B40. Kita harus bersepakat supaya perkara dari segi bacaan, interpretasi undang-undang dan sebagainya itu dapat dibereskan di antara dua pihak dan janganlah apa yang telah diatur sebagai satu lawatan teknikal yang boleh membantu kita maju ke depan itu menjadi terkandas. Itu sahaja permintaan saya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya dapat nota ini. Dia kata batal sebab kerajaan negeri enggan tukar status hak milik tanah. Itulah yang saya sebut tadi. Bila kita hendak buat tadi Yang Berhormat Kapar pun ada cadang, Yang Berhormat Sungai Petani pun ada cadang, kalau hendak serah kepada kita buat biar serah tanah itu kita serah tidak mahu berlaku macam sekarang, saya kata tadi. Ambil contoh macam dekat Selangor Kota Damansara, HICOM, bila kerajaan negeri tidak boleh mengurus maka kita tidak boleh hendak campur tangan.

Jadi kalau esok tanah ini serah kepada Kerajaan Persekutuan kita buat rumah jadi dia nanti bila kita tubuh Akta 3P nanti ia akan tertakluk di bawah 3P dan kita boleh uruskan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapar tadi.

Biar kita ambil alih, uruskan rumah ini. Akan tetapi kalau tanahnya tanah kerajaan negeri, rumah kita buat ini masalah kita, kita hendak masuk tidak boleh sebab tanah kerajaan negeri, rumah kita buat. Jadi berdasarkan kepada pengalaman-pengalaman yang lepas terutamanya yang berlaku di negeri Selangor maka kita kata *now* kalau hendak serah, serah betul-betul, hendak tolong rakyat. Kerajaan negeri pun hendak tolong rakyat, *Federal* pun hendak tolong rakyat. Jadi kita tolong. Tambah pula Pulau Pinang, Pulau Pinang kita tolong. Baru-baru ini banjir, saya suruh SW Corp. tolong bersih, hantar barang-barang selesaikan, tolong masalah banjir walaupun Pulau Pinang tidak *sign* Akta 576, kita tidak apa.

■1530

Tidak mahu *sign* Akta 576 pun tidak apa tetapi kita tetap bagikan bantuan daripada segi kemanusiaan, ini pun sama. Jadi kalau kerajaan negeri tidak mahu serah tanah jadi macam mana kita hendak buat? Jadi itu yang saya ingat Yang Berhormat kena jelas kerana kita dalam proses saya kata dalam kenaikan akta untuk kita hendak mengurus lebih baik rumah PPR ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Langkawi atas penghargaan kepada kementerian berkenaan isu penipuan pembelian rumah mampu milik yang telah pun saya nyatakan juga dalam Dewan ini. Tindakan oleh pihak polis telah pun diambil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penipuan pembelian rumah ini selain daripada pihak polis sedang mengambil tindakan, kita juga akan berjumpa dengan mangsa-mangsa ini untuk kita memberikan dua tawaran. Mana-mana mangsa yang kena tipu ini dia ada tanah kita akan *offer* untuk SPP, kemudian yang mana-mana mangsa ini yang memerlukan rumah PPR dan kita akan tawar kepada mereka rumah PPR secara RTO untuk kita memberikan pembelaan kepada mangsa-mangsa yang tertipu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang ingin saya jawab...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan tentang tempat pelupusan sampah di Teluk Mengkudu, Manjung, Perak di mana sudah sejak 2015 pihak kerajaan tempatan telah menggunakannya sebagai tempat pelupusan sampah tetapi infrastruktur untuk kawasan itu tidak dibuat kerana dikatakan tidak ada peruntukan dan Jabatan Alam Sekitar sebenarnya tidak meluluskan kawasan tersebut kalau infrastrukturnya tidak dibina dan sudah berlaku beberapa kali di mana kerana hujan lebat air *toxic* atau barangan sampah di sana mengalir ke sungai dan ke laut. Kalau boleh dapat satu jawapan bilakah peruntukan akan diberikan supaya kerajaan tempatan tidak melanggar undang-undang sendiri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Masa NRE jawab ini Yang Berhormat ada dalam Dewan tidak? Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan lah itu yang susah itu. Bila Yang Berhormat ponteng Dewan jadi jawapan ini Yang Berhormat...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Ini di bawah jabatan kementerian Yang Berhormat bukan?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak, tidak. Yang Berhormat pun tadi sebut NRE-NRE semua tadi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telah pun diberi, telah pun dijawab oleh NRE ini dia jawabannya. Saya ada dekat saya, sudah ada. Jadi oleh kerana Yang Berhormat ponteng Parlimen jadi Yang Berhormat tidak tahulah jawabannya... [Dewan riuh]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya datang untuk kementerian yang betul.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri pun bukan sini setiap masa. Hendak kata orang ponteng pula.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya tidak tahu dijawab oleh Menteri yang lain, saya sangka Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk memberi jawapan ini saya datanglah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak payahlah Selangor jer Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang duduklah, makan ubat, makan ubat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab. Kalau dia datang ataupun dia tidak datang pun tidak apa. Dia kena tahu jawapan telah diberi oleh NRE. Itu sahaja jawapan saya.

Ini yang macam Yang Berhormat Shah Alam, kata saya tidak datang, Saya tidak datang Parlimen pun *still* okey, Yang Berhormat Shah Alam. Jangan jadi Menteri Besar Selangor dia janji Program Gerakan Subuh, hari Sabtu 5 pagi dia tidak datang... [Dewan riuh]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, dia ini mengidam hendak jadi Menteri Besar Selangor, Tuan Yang di-Pertua. Hantar dia hospitallah, Tuan Yang di-Pertua... [Dewan ketawa]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tidak apalah, Yang Berhormat Shah Alam ini memang macam itu. Dulu bila saya cakap dekat *backbencher* punya banyak, dia hina saya. Oleh sebab tidak standard tidak jadi Menteri, sekarang saya sudah jadi Menteri, Yang Berhormat lagi teruk ini Ahli- Wakil Rakyat yang tidak ada amanah. Daripada PAS lari masuk PAN selepas itu dia cakap banyak... [Dewan riuh] Sudahlah duduk, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: *Settle?* [Ketawa]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa kena ini terus duduk ya [Ketawa]

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Itu sebab Yang Berhormat Shah Alam ini dia tidak dengar, dia khayal selepas itu dia hendak mencelah. Saya sudah kata tadi saya sudah habis jawab, Yang Berhormat yang mengacau. Khayal ini Yang Berhormat ini... [Dewan riuh] Dia selalu di awang-awangan, dia *partner* dengan Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang pun sama juga tu... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini Wakil Rakyat pening, negara pening, punahlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri Kewangan, sila.

3.35 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2018 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dalam beberapa perkara yang telah dibangkitkan berkaitan Kementerian Kewangan amatlah dihargai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 50 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang telah dibentangkan. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab mengikut pengkhususan *subject matter* supaya kita jangan berulang-ulang balik kepada satu *subject matter*, jadi kalau mana-mana yang saya sudah jawab kemudian dia masuk kemudian, katakan GST sudah habis dia masuk kemudian nanti saya akan bagi *in writing*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, tidak ada. Jadi kalau tidak ada saya akan tulis *in writing* kepada Yang Berhormat Permatang Pauh.

Nombor dua, saya juga soalan nombor dua juga daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, tidak ada... [*Dewan riu*] Akan tetapi yang ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab sebab ia melibatkan isu GST jadi selepas ini banyak lagi soalan GST yang keluar jadi saya akan jawab.

Dengan penghapusan GST bagi tujuh barangan, sepatutnya kutipan hasil GST akan menurun tetapi dalam buku anggaran hasil merekodkan kenaikan kutipan GST sebanyak RM2.3 bilion ianya mengelirukan rakyat kerana tidak serupa dengan buku anggaran hasil Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengira GST ini dia ada beberapa faktor yang kita selalunya mengambil kira. Bagi beberapa pelepasan GST yang kita bagi dalam bajet kali ini iaitu *Big Ticket Item* ianya sebenarnya adalah merupakan strategi yang kita buat untuk memastikan pelaburan berterusan dalam sektor-sektor tertentu.

Pelepasan yang kita beri ini selalunya kepada yang ini adalah kerana selepas kita *implement* GST ini kita dapat lihat terdapat isu-isu yang berbangkit yang melibatkan pelaburan jangka masa panjang sebagai contoh *big ticket item*. Kalau sesebuah syarikat yang melabur dalam *oil and gas* dia ingin membina atau membeli *vessel* atau *service vessel* untuk *oil and gas*, harganya mencecah sampai USD200 *million*. Kemudian *oil and gas industry* yang ada *drilling rig* ataupun *land and fix and offshore installation* yang mencecah sehingga USD650 *million*.

Jadi operasi ini, *investment* yang dibawa ke negara kita ini dia kalau kita masuk kita caj dia enam persen bermakna ia akan menyebabkan dia punya *return on investment* dalam masa yang begitu pendek tidak tercapai. Oleh sebab itu apa yang kita buat bukan kita *exempt* dia begitu tetapi kita bagi dia peluang supaya *at the time* dia *invest itu six percent is not applicable* tetapi bila *production* sudah keluar kita akan caj dia punya GST. Begitu juga dalam pembelian kapal terbang contohnya. Sebiji kapal terbang kos USD300 *million* kalau kita letak *six percent income* belum datang dia sudah kena *six percent*. *Big ticket item* ini kita hendak jaga supaya dia jangan menyebabkan pelaburan dalam negara kita tidak *competitive*.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kenaikan...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang *big ticket item* ini tujuh perkara. Sekarang pada tahun 2017 dan 2016 adakah kena GST, kalau kena bolehkah beri anggaran berapa yang GST kita *collect* 2016, 2017, dan apakah anggaran pelepasan daripada GST 2018, *how much savings or how much discounts are you giving?* Terima kasih.

■1540

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Saya bacakan di sini ya, pelepasan GST. Bayaran GST ke atas perkhidmatan pembinaan oleh sekolah-sekolah dan rumah ibadat- RM7.8 juta.

Kemudian majalah, komik, jurnal, *periodical*, dikenakan GST kosong, makna kita kekurangan RM18 juta. Akan tetapi secara keseluruhannya, yang *big ticket items* ini kalau kita tengok macam pembelian-pembelian kapal terbang yang besar-besar ini dan juga *oil rigs* ini *for the last two years* masa kita *implement* ini, *not big ticket items* yang datang. Ia tidak sampai *figures* yang saya sebut.

Akan tetapi hari ini saya nampak pelaburan sejak mula mereka datang ke MOF, minta *exemption on six percent upfront* dan mereka setuju untuk bayar tetapi nak bayar waktu pengeluaran, *now*, apa implikasinya? Implikasinya begini. Kalau kita tetapkan juga kena bayar *six percent*, hari pertama ia keluar *production*, maka ia minta balik RM75 bilion. So, ia akan menjadikan bahawa *income* dan *refund* tidak *balance* kerana amaun itu terlampau besar.

Saya ambil contoh, kalau kita beli sebuah kapal terbang USD300 *million*, GST nya RM75 *million*. Kalau kita beli kapal USD200 *million*, GST nya RM50 *million* dan kalau kita beli *floating production storage USD700 million*, GST nya RM176 *million*. Jadi, *figures* ini menyebabkan banyak *investment* tidak datang ke kawasan kita kerana merasakan bahawa sebahagian daripada negara di Thailand dan sebagainya bagi *exemption upfront*. Akan tetapi kita akan *charge* balik apabila *production* mula, *and* ia tidak boleh *claim input tax* kerana ia tidak bayar *upfront*, *the tax at the onset of investment*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan Menteri, boleh?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Jadi, kalau kita beli katakan kita nak beli 10 kapal terbang, bukan 20 lebih yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Pekan cakap itu. Kalau kata 10 saja, satu *aeroplane* RM7 *million*, RM10 *million*, RM9 *million exemption*, betul? Jadi maknanya, kita akan rugi RM790 juta untuk tahun depan.

Soalan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh sebenarnya berdasarkan, kenapakah kalau kita bagi *exemption* 10 kapal terbang saja, tidak termasuk RM176 juta untuk *floating barge or whatever production plant*. Kalau semua ini kita bagi *exemption*, saya rasa kurang-kurang ia akan bertambah sebanyak RM1 bilion lebihlah, kalau tidak sampai RM2 bilion, untuk tahun depan. Jadi, soalan yang kita tidak faham ini, kenapakah dengan tujuh *exemption* ini, *collection* GST meningkat RM2 bilion lebih?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau kita tengok daripada *figures* Yang Berhormat, Yang Berhormat bandingkan apa yang kita Bajet 2018 dengan tahun 2017. Tahun 2017, tahun 2016, kita tidak mempunyai transaksi sebegitu besar. Akan tetapi kalau kita bandingkan apa yang kita nak tengok perkembangan ini, perkembangan ini berlaku pada tiga. Pertama, GST nya *consumption tax*.

Jadi, selagi ekonomi kita ini berkembang, kita berkembang 5 peratus, 5.2 peratus, 5.7 peratus, ekonomi aktiviti itu akan menyebabkan perbelanjaan terhadap *consumption*. Maka, kita dapat *tax* GST, selagi ekonomi kita berkembang, selagi itu perkembangan dari segi *collection* GST itu akan bertambah, sentiasa bertambah.

Kedua, kalau kita tengok dari segi apabila ekonomi *grow*, penggunaan akan bertambah dan akhir sekali ialah penguatkuasaan. Mula-mula dulu kita *implement* GST ini kita fleksibel sikit sebab kita nak *people* atau rakyat faham dari segi sistem GST ini. Akan tetapi kita sudah laksanakan hampir dua setengah tahun, jadi kita melakukan penguatkuasaan yang begitu teliti dan kita *compare* banyak *historical figures* sebelum SST dan GST.

Kita akan buat penyiasatan untuk pastikan bahawa *compliance* setiap syarikat mesti ada ke tahap yang maksimum. Oleh sebab itu hari ini kalau kita tengok, kita telah meningkatkan kita punya *compliance* hampir 92 peratus. Masih ada lagi syarikat-syarikat yang mengambil kesempatan dari segi memanipulasi *input tax*. Banyak, jadi banyak isu-isu ini masih kita buat penyiasatan dan kita akan pastikan bahawa tindakan yang sewajarnya akan diambil. Dengan adanya *compliance* yang tinggi, saya percaya bahawa *every one* of syarikat yang beroperasi dalam Malaysia ini *will be put in the same level playing field*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, Menteri, Yang Berhormat Rompin.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya nak tanya sedikit Menteri. Kalau mengikut logik Menteri, syarikat koperasi yang besar, mereka terpaksa membayar cukai GST yang begitu tinggi, maka mereka tidak melabur atau tidak membeli *machinery* yang besar. *Same logic applies* kalau kepada SME yang banyak yang ingin meningkatkan teknologi mereka, mereka terpaksa beli *machinery* yang lebih canggih.

Mereka terpaksa *borrow money*- meminjam untuk membeli mesin-mesin besar. Mereka pun rasa terpaksalah mereka *give up*, mereka tidak mahu bayar GST yang begitu besar kerana tanggungan yang begitu tinggi kepada *small and medium industries*. Jadi, adakah Menteri, *policy* kerajaan ini *applies to SMEs or not?* Bolehkah mereka minta supaya dapatkan *exemption* seperti membeli kapal terbang, ya? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk syarikat-syarikat besar ini, kita *choose only strategic industries, oil and gas, vessels, aeroplanes* punya *purchase, these are very significant investments*. *Aeroplanes* kita tahu ia akan beri kemudahan kepada kita, membawa banyak *passengers* yang naik *other airlines, will choose our airlines, then* kita bawa *foreign exchange* dalam negara kita. *Oil and gas, kita need a lot of investments* dalam *oil and gas, so that more explorations can been done* dekat kita punya negara. Ia kena *go strategic, vessels to support* kita punya *oil and gas industries*, bukan semua kita bagi.

Akan tetapi syarikat-syarikat yang keluar modal biasa ini, yang kecil-kecil ini, RM10 million, RM20 million, RM30 million dan RM40 million, ia *entitled to claim input tax anytime*. Contoh, kalau *you* ada *investments* katakan RM50 million, bayar *six percent of RM50 million, so you* ada GST RM3 million. *The first day, you* operasi, *you* boleh *claim* balik RM3 million, *anytime*.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin. Yang Berhormat Menteri, kalau kita melihat perbandingan di antara SST dengan GST ini, satu pendapatan yang tinggi bila kerajaan melaksanakan GST. Adakah sebab cukainya naik disebabkan oleh sistem itu menyebabkan pembayar cukai tidak boleh menipu, dalam bahasa mudah, umpama dalam bahasa mudahnya, tidak boleh ada dua buku. Ada satu *tax*, jadi bila dilaksanakan sistem ini, kebanyakan peniaga-peniaga tidak boleh lari daripada mengutip cukai. Apa pandangan Menteri?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, memang benar. Salah satu daripada ciri GST ini ialah ia memberi satu *efficiency* kepada negara dari segi mengutip cukai. Oleh kerana 174 negara yang buat GST ini, ia tidak pernah patah balik kepada SST, *not even one, 174*. *Some of them, they lose government* tetapi kerajaan lain ambil alih, ia tidak pernah *reverse*. *Because, 174 countries* yang sudah buat dan kita ini- kalau dalam *ASEAN region* ini, kita yang akhir sekalilah. Myanmar tidak buat lagi, Brunei tidak buat lagi, yang lain dalam ASEAN semua buat. *Now, GST* ini Yang Berhormat, ia memberi kemudahan untuk kerajaan *check, cross the check* di antara satu perniagaan dengan satu perniagaan.

Kalau Yang Berhormat buat berniaga jual X produk, nak dapat *raw material A, B, C, D, E*. Jadi, A, B, C, D, E ini Yang Berhormat boleh *claim* GST. Jadi, bila Yang Berhormat jual produk, kita *claim*, bila Yang Berhormat *claim*, ia akan *trigger* kepada pihak Kastam, baru Yang Berhormat ada *claim* banyak ini.

Jadi, bila *claim* banyak ini, bermakna *someone* sudah *received* Yang Berhormat punya GST. Kemudian kita akan *check* syarikat ini, kalau syarikat ini tidak bayar, jadi kita tahu bahawa ia sudah ambil duit syarikat Yang Berhormat tapi ia tidak bayar kepada *income tax*, maka benda ini berangkai. Akhirnya, orang tidak boleh lari daripada pembayaran GST. *Initially yes* tetapi lama-lama kita akan dapat juga. Apabila dapat, dia akan dikenakan penalti yang begitu tinggi dan kemungkinan besar akan didakwa.

■1550

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri, boleh tidak? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak balik kepada *subject matter big ticket item* ya.

Saya faham tentang isu *investment*, kita hendak tarik daya *investor* untuk *big ticket item*. Saya cuma hendak satu *clarification* sahaja iaitu kalau kita beli kapal terbang *private, private jet, Gulfstream* apa itu, adakah *exempt* daripada GST?

Kedua, kapal itu. Kalau kita beli kapal macam Jho Low beli kapal besar itu, *private usage, is this also exempted from GST?* Kalau *exempted*, saya rasa kita tidak boleh terima langsung. Kalau *not exempted* kita boleh kira isunya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya jawab Yang Berhormat Kelana Jaya sekejap. Yang Berhormat, untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam kerajaan menyusun kita punya strategi pelaburan ini, kita mementingkan kesan ekonomi. Akan tetapi kalau orang beli *private jet*, orang beli *private yacht* dia kena bayar GST. Ia bukan *consider has* kesan implikasi kepada ekonomi dan juga *investment* pelaburan. Itu kita akan caj, tidak ada masalah.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, *just clarification*. Memang *not exempted*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Not exempted*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih banyak.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, pembangkang kata dia hendak patah balik kepada SST. SST kita tahu adalah satu percukaian yang banyak ketirisan. Jadi kita lihat negara-negara yang buat GST banyak tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri kata tidak ada yang berpatah balik kepada SST.

Jadi agak-agaknya siapa yang untung sebenarnya SST ini? Rakyat ataupun orang-orang kaya ataupun peniaga-peniaga yang menipu umpamanya? Jadi siapakah yang agak melobi supaya patah balik kepada SST ini? Siapa dapat untung sebenarnya? Ini satu soalan.

Keduanya, saya hendak tanya sedikit. Saya dengar berita baru-baru ini, kerajaan telah mendapati ada pemalsuan tuntutan GST dilakukan. Jadi di mana pula lubang-lubang ini, di mana pula *loopholes* yang boleh dapat hingga ada juga penipuan dalam GST ini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa sahaja yang kita *collect* daripada GST ini, ia akan dimasukkan dalam Akaun Yang Disatukan. Akaun Disatukan ini adalah akaun yang dimiliki oleh kerajaan dan akhirnya ia dimiliki oleh rakyat. Apa sahaja kita belanja, kita kena bawa ke Parlimen, tunjuk di Parlimen, *what we spend*.

Kedua, saya hendak jawab Yang Berhormat punya soalan iaitu ada baru-baru ini *front page* orang menipu dari segi *declaration of GST*. Kita memang dapat kenal pasti ini adalah hasil daripada audit yang dijalankan oleh pihak Kastam. Ini kerana apabila barang masuk, dia kena GST. Kemudian dia *declare* borang itu *at a different values to the client*.

Apabila dia *declare* kepada Kastam, *different values*. Jadi *customer* bayar tetapi apabila bayar kepada Kastam, lain. Dia ada dua borang. Satu dia *duplicate, forge*, satu yang dia tunjuk dengan *client* lain bayaran. Akhirnya pelanggan pun rugi, kerajaan pun rugi. Ejen-ejen ini yang sebenarnya untung.

Jadi ini kita akan ambil tindakan. Kita sudah kenal pasti mereka ini. Kita ada lebih kurang 3000 orang ejen yang mengendalikan barang keluar masuk ini dan kita sudah beritahu bahawa mana-mana ejen yang dapat ditangkap kerana melakukan penipuan ini, pertama automatik lesen kena tarik, satu. Nombor dua akan didakwa di mahkamah dan nombor tiga terpulang kepada mahkamah masuk penjara atau tidak atau kena sebat atau tidak.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya faham bahawa kita sekarang berdebat bajet kerajaan, bukan bajet alternatif.

Akan tetapi kawan baik saya Yang Berhormat Bagan Serai *supporter* GST yang terkemuka di Malaysia. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri punya pendapat. Senang sahaja isu, matematik.

Yang Berhormat Menteri dahulu *big corporate figure* mesti pandai dan boleh kira matematik ini. SST lebih kurang RM16.5 bilion. GST RM42 bilion. Jadi perubahannya *the difference is RM25 billion plus*. Bukankah kalau kita balik seumpama SST bukan semestinya SST tetapi balik kepada satu *consumption tax* yang *much lower, fairer*, penjimatan RM25 bilion akan dinikmati oleh rakyat. Setuju atau tidak Yang Berhormat Menteri?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau hendak cerita saya punya *personal opinion*, saya suka GST sebab GST ini kalau kita mengendalikan perniagaan secara *legitimate, legitimate* punya perniagaan makna kita *fight* dengan *competitor* yang juga bayar *tax, then we are in a better position*.

Akan tetapi kalau dalam sistem SST, kita tidak boleh *check* ini. Jadi akhirnya ada syarikat-syarikat yang mengajikan pekerja yang begitu sempurna, bayar *tax*, bayar *corporate tax* tetapi kena lawan dengan syarikat yang *backyard*, tidak mahu bayar GST, tidak mahu bayar SST. Jadi tidak adil. Jadi dengan adanya sistem GST ini, secara tidak langsung dia boleh buat *cross reference* dengan *all the list of suppliers* yang kita ada dan kita boleh dapat tahu bahawa sesiapa *competitor* kita yang tidak bayar SST atau GST, dia akan dapat dikenal pasti. Akan tetapi dalam sistem SST, kita tidak boleh kerana sistem ini terlampau terbuka dan kita tidak boleh *cross reference*...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Titiwangsa.

Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya beritahu bahawa ada perbezaan antara GST RM41 bilion dengan SST RM16 bilion, *about RM25 bilion*. *Can I safely say that the collection of RM25 billion ini because of the efficiency in collecting the tax*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Setiawangsa saya bersetuju. Ini kerana sebahagian besar apa yang kita tengok hari ini, syarikat-syarikat yang sama beroperasi sama 18 tahun, 20 tahun dalam Malaysia bayar *SST at 10 percent*, bayar *X amaun*. Apabila kita *implement* GST, *at 6 percent* dia bayar *triple*. *Why? Because volume* tidak boleh sorok. Walaupun dia bukan *public listed companies, they are just family-owned companies, they can be detected because the supplier* ataupun *the buyer of all their products is being bought by company* yang besar-besar.

Jadi dia minta GST punya *registration*. *So, they have to give*. *So*, ada syarikat-syarikat *what they do*, dia tutup *company* yang lama ini sebab dia takut ada *track record, transfer* aset-aset kepada syarikat baru *and then start new system* GST supaya tidak ada *trace- kuantiti*...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri ...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya hendak tanya hampir yang sama tadi. Adakah kementerian kenal pasti syarikat-syarikat yang tutup syarikat itu disebabkan oleh dasar SST kepada GST? Ditutup syarikat-syarikatnya kerana pelaksanaan GST. Ada tidak *figure*?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada Yang Berhormat, ada. Jadi ini soal *investigation* ini saya tidak boleh *reveal* tetapi banyak alasan yang diberikan. Dia cakap sudah tua, sudah tidak mahu berniaga, hendak bagi kepada orang lain, *set-up company* baru. *So, all these are going to be a very legalistic issues*. *So*, jadi apa yang kita buat ialah okey kalau *you* hendak berhenti, *fine*. Kita buat *investigation* yang sebelum itu *under* SST.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Soalan sedikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Soalan, soalan.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua, sini Stampin. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, hendak minta pengesahan bagi kapal terbang baru-baru ini yang *Malaysia Airlines* hendak beli, adakah mereka dapatkan pengecualian daripada GST? Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri, saya tambah sedikit. Yang Berhormat Menteri, tadi Yang Berhormat Kelana Jaya ada kata bahawa RM16.5 bilion sekiranya kita buat SST dan kita mendapat RM40 bilion lebih kerana kita buat GST. Yang Berhormat Kelana Jaya berkata bahawa perbezaan ini adalah sebenarnya adalah baik untuk rakyat.

Akan tetapi seperti mana Yang Berhormat kata tadi, perbezaan ini adalah disebabkan ketirisan kerana penipuan dan juga *avoidance of tax* dan sebagainya. Jadi adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa sebenarnya RM25 bilion beza itu bukanlah untuk rakyat tetapi untuk tauke-tauke itu? Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit lagi Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi sambung. Saya hendak sambung hujah Yang Berhormat Kelana Jaya tadi. Kalau asal SST kita dapat RM16 bilion, kemudian GST RM42 bilion. Lebihan itu datang daripada mana? Adakah daripada syarikat atau daripada poket rakyat?

Saya pasti daripada poket rakyat. Seorang yang beli kereta, tukar tayar kereta bayar RM200, sekarang bayar RM212, poket rakyat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju sebenarnya perbezaan daripada duit itu adalah sebenarnya rakyat tidak dapat tetapi dapat kepada tauke itu?

■1600

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dia, saya hendak beritahu macam inilah...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi Yang Berhormat Menteri, boleh tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti sekejap. Saya hendak jawab yang ini sekejap.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Soalan yang sama. Soalan yang sama.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti, nanti sekejap. Saya hendak jawab yang ini sebelum saya lupa. Pertama, saya hendak jawab tadi Yang Berhormat...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Stampin.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Stampin. Kita tidak dapat apa-apa permohonan daripada mana-mana syarikat untuk membeli kapal terbang MAS ini, *yet*, belum. Kalau ada, nanti dia tulis, nanti kita beritahu.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta pengesahan Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan bahawa ada tempahan 32 kapal terbang daripada USA, adakah itu tidak benar?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dia tidak sampai lagi minta *exemption* sebab kapal tidak sampai lagi. Dia selalunya bila hendak sampai, baru dia minta.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Jadi minta pengesahan, jika dia sampai, adakah dia dapat pengecualian?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau dia sampai, kalau kapal itu adalah untuk kita punya *MAS Airlines* untuk tarik *tourist* dan *passengers*, dia dapat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dia dapat. Jadi saya hendak minta pengesahan lagi, kalau syarikat *Malindo* dengan *AirAsia*, mereka juga ada buat penambahan, adakah mereka dapat pengecualian juga?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Mereka dapat.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Mereka juga dapat?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yes.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, GST.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti sekejap, I hendak jawab Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus, saya beritahu tadi bahawa semasa SST kita *collect* RM18 bilion, kemudian bila kita *implement* GST, kita *collect* RM39 bilion. Saya hendak beritahu daripada RM18 bilion ke RM39 bilion, *the difference* ini sebenarnya Yang Berhormat, rakyat kita ramai yang membayar SST dahulu ini, tetapi SST tidak sampai kepada kerajaan. Dia bayar, kita tidak sampai. Rakyat kita saya hendak beritahu... [*Dewan riuh*] Nanti sekejap.

Rakyat bayar SST tetapi fasal SST itu masuk dalam produk, jadi kita beli susu, kita beli apa semua ini, kita nampak dalam itu sudah ada siap-siap. Dia sudah ada siap-siap barang-barang ini bila kita nampak kita beli satu harga. *Problem with* GST ini yang orang jadi marah fasal dia *split the tax* supaya orang tahu berapa banyak kita bayar *tax*. Bila kita *split the tax* ini, kemudian kita boleh *check* sebab apa, *tax* yang di-*split* ini dia boleh input. Bila input, makna syarikat boleh *claim*. Bila *claim*, jadi kita hendak tengok siapa yang dapat ini. Jadi, isu dia ialah GST ini satu sistem percukaian yang efisien.

Akan tetapi saya percaya, saya faham bila kita mula-mula *implement* dia, orang sudah biasa untung, dapat *10 percent*, *declare* cuma setengah sahaja. Jadi, yang setengah yang dia tidak *declare* itu jadi dia punya untung. Jadi sudah berpuluh-puluh tahun untung banyak itu, jadi bila kita *implement* GST, dia sudah tidak boleh dapat untung banyak itu, dia tambahlah atas itu *6 percent*. Ini yang menyebabkan ada *spike* apabila mula-mula kita *implement*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sedikit lagi soalan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Jadi isunya sekarang ini *especially* barang-barang yang menyebabkan bahawa barang-barang yang *monopolistic* dalam negara yang ada dua, tiga sahaja *supplier* ataupun pembuat, yang itu jadi masalah. Jadi kalau hendak jawab Yang Berhormat punya persoalan sama ada rakyat bayar, rakyat memang sudah bayar SST sudah. Dia sudah bayar tetapi kita tidak nampak, duit itu tidak sampai ke kerajaan, sampai ke peniaga-peniaga yang simpan duit...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya soalan macam ini. GST bukan hanya barang, tetapi juga perkhidmatan. Kalau dahulu kita pakai kad ambil duit hanya dicaj RM1 kalau pakai ATM berbeza, tetapi sekarang tambah 6 sen. Erti, pada perkhidmatan juga kerajaan ambil GST daripada rakyat. Itu yang dikatakan poket rakyat tadi itu, bukan hanya barang-barang. Kalau kita ada rekod sebagai contoh, kita ambil rekod. Kita tukar tayar kereta, kita pergi kedai kita ada rekod kita, beza harga antara tahun 2015 dengan tahun 2017, sangat jauh beza kerana GST tadi.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Semasa SST, dia *service tax* ada juga. Bukan tidak ada, ada. Ada *service tax*. Dia bukan sahaja barang, ada juga. Tinggal lagi kita tidak nampak semua ini. Jadi dengan adanya GST ini, jadi semua orang sudah jadi pandai *tax*. Dia sudah tahu berapa yang ada, barang yang mana ada, tidak ada barang.

Jadi untuk pengetahuan 'tuan-tuan' dan 'puan-puan'- Ahli-ahli Yang Berhormat, macam bersyarah pula. Yang Berhormat, sebab itu kerajaan apabila di-*implement* GST ini, apa dia buat? Kita pastikan bahawa barang-barang asas untuk keperluan pengguna, kita tidak caj GST. Beras, gula, minyak, tepung, ikan, sayur, udang, daging, buah-buahan, lepas itu *services* apa, *transportation*, *education*, mana-mana *basic* yang rakyat pakai, kita *exempt* GST...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, sebenarnya sefaham saya, SST ini lagi mahal. Dua iaitu *sales and services*- perkhidmatan dan jualan.

Akan tetapi GST ini satu sahaja, enam peratus, jauh lebih murah. Dahulu sebenarnya sudah masuk dalam, sekarang ini GST ini diuar-uarkan- tidak sepatutnya bising. Dahulu lagi mahal, sekarang lagi murah. Dahulu kutipan sedikit, sekarang kutipan banyak. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sebenarnya *straightforward* tetapi kenapa yang GST ini menjadi isu yang besar sangat ini Yang Berhormat Menteri? Saya hendak tanya.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, kita semua tahu RM42 bilion lebih besar, jauh lebih besar daripada RM16 bilion. Perbezaannya RM26 bilion ya. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri kata daripada *suggestion* Yang Berhormat Langkawi kata *differential* RM26 bilion ini kebanyakannya oleh sebab ketirisan ataupun tauke-tauke tipulah, *under declare*.

Saya rasa ini bukan- memang Yang Berhormat Menteri mesti tahu ini tidak betul. Paling banyak kena tipu pun ataupun lari daripada SST sebanyaknya perkiraan saya RM2 bilion sampai RM5 bilion. Jadi maknanya, RM25 bilion kalau kita tolak *on the high-end* RM5 bilion, RM20 bilion itu keluar daripada darah rakyat ini.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh saya tambah?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kelana Jaya, saya hendak betulkan persepsi Yang Berhormat. Kalau itulah Yang Berhormat punya *argument*, mula-mula kita *implement* GST itu hari, patutnya *consumption* tiada *growth*. *The growth of consumption for the last two three years ini, consistently above six over percent. That shows that rakyat kita memang sudah bayar SST ini. Memang sudah bayar SST ini. Kalaulah rakyat kita tidak bayar, suddenly you lost RM25 billion. I can tell you immediately your consumption will be negative.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *The consumption* Yang Berhormat Menteri, *my honest opinion*, kalau kita pergi mana-mana *supermarket* Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Kalau kita pergi mana-mana *supermarket*, *you* buat *survey* pun, semua orang tahu *the consumption has dropped dramatically between 20 to 30 percent year on year since GST.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah satu soalan, dua soalan? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau apa yang Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa cukai SST, ramai yang mengelak daripada membayar cukai itu betul, ini bermaksud bahawa ada pengusaha atau syarikat atau kilang yang lari cukai SST, rakyat biasa jadi mangsa. Kalau jawapan tadi itu betul, maksudnya kalau kita mengadakan penguatkuasaan yang cekap, maksudnya kita boleh tambah kutipan SST. Kalau itu betul, rakyat tidak jadi mangsa, barang tidak naik seperti yang mendadak baru-baru berlaku setengah tahun ini. Itu satu penjelasan yang saya perlukan.

Kedua, daripada jawapan kerajaan kepada saya, sebenarnya ekonomi menyusut sejak tahun 2013 ke tahun 2016. Ini kerana mengikut jumlah GDP yang dinyatakan oleh kerajaan dalam USD, sejak tahun 2013 ke sekarang, ekonomi menyusut 11.84 peratus iaitu dari USD303.1 bilion dalam tahun 2013 ke USD267.6 bilion dalam tahun 2016. Ini bermaksud ekonomi menyusut sebanyak 3.95 peratus setiap tahun.

Jadi sebenarnya *consumption* ini menurun tetapi kerana wang ringgit telah dalam empat tahun ini, menyusut sebanyak 49 peratus dalam empat tahun ini. Akan tetapi dalam Ringgit Malaysia, nampaknya ekonomi melonjak daripada RM955.1 bilion ke RM1.1 trilion. Jadi sebenarnya ekonomi menyusut, tetapi dalam nilai ringgit, dia nampak mengembang.

■1610

Jadi *actual services, actual consumption* turun mendadak. Inilah jawapan yang diberikan oleh kerajaan. Jadi adalah gambaran tidak betul bahawa *our economy is expanding, consumption is increasing. It is not right.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Consumption drop but in Ringgit form, harga semua tinggi-tinggi belaka.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Okay, now. Yang Berhormat, let me explain to you. Now, kita kena faham. You jangan campur GST dengan apa yang you cerita ini. Apa yang you cerita ini fasal global economy impact.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *No, I'm talking about GDP.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, no, listen. Tidak apa, you duduk dulu.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Consumption decrease, not increase.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *You duduk dulu. Kalau consumption decrease, let me read for you okay. Tahun 2010, kita punya GDP RM821 bilion. Tahun 2017, kita forecast RM1.3 trilion. Macam mana you cerita katakan semuanya negatif lepas itu GDP grow? Jadi you kena faham consumption...*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, no, no. I think- Yang Berhormat, you can debate with me about economy. I am not talking about the GST. Enough. I think I already replied. Banyak isu lain yang...*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *Actual goods and services decline but in ringgit form, it is more expensive, so the goods and services look like more. But actually in fact, the goods sold is lesser.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, Yang Berhormat. You want to talk about economy. Bila you cerita soal harga barang naik, barang naik is all supply and demand. You have to allow supply and demand work by itself. Kalau you try to stop supply or to control demand, it doesn't work long term. Supply and demand, you have to allow that. That is economy.*

Number two, you must also understand you cannot compare foreign currency kita yang dah jatuh daripada RM3 something now jadi RM4.19, of course there is impact especially product yang kita import. Jadi you kena tengok isu ini bukan dari segi konsep GST.

Jadi kalau you hendak banding produk sama produk ini, you have to look at the component. Kalau komponen dia itu strictly dalam negara, tidak ada import dan tidak ada kesan daripada kesan Ringgit kita jatuh, dia tidak ada impact. Akan tetapi kalau ada barang-barang yang menyebabkan datang daripada import raw material, definitely there is an impact.

Jadi bila you tanya saya kenapa pula currency kita down, sekarang jatuh, I give you the reason. Because kalau kita tengok dulu waktu kita punya oil price trading at USD115 per barrel, as high as USD140, you tengok kita punya currency berapa? RM2.90, RM3.08. Bila dia jatuh sampai USD30, we lost RM36 bilion. Currency kita jadi RM4.50. Lepas itu bila oil price improve balik semula, that is why you nampak dia menyusut.

Kedua, bila Amerika naikkan interest rate, pelabur-pelabur kita di pasaran saham dan juga the board market, dia bawa keluar duit kita. Bila dia bawa keluar bulan November last year RM40 bilion, dia menjadi tekanan kepada ringgit kita sebab bila duit keluar RM40 bilion, dia will convert Ringgit to USD. So, the demand of US tinggi, Ringgit rendah. Oleh sebab itu kita punya international reserves jatuh daripada USD136 hingga sampai USD90. So, you kena faham.

Jadi kalau hendak cerita benda ini, saya boleh cerita the big picture of economy tetapi saya bincang tadi ini soal GST. Saya hendak beritahu GST secara besar, secara global dan secara konsep. Jadi kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa SST itu bagus, tidak apalah. Akan tetapi, Kerajaan Barisan Nasional hari ini tengok SST ini kita compare dengan 174 negara yang implement GST ini, dia tidak pernah tukar. Kita sekarang realize it is true, it's true... [Tepuk]

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. GST...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya hendak...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *A short one please. Thank you.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin sedikit penjelasan mengenai dakwaan-dakwaan peniaga-peniaga yang terpaksa tutup kedai atau tutup perniagaan mereka kerana GST. Alasan mereka, dengan adanya GST- baru ini saya ingat dalam media sosial mengenai satu pengusaha busana Muslim, HIJABI kalau tidak silap saya nama *brand tradename* dia itu.

Jadi, apa yang dialaminya ialah apabila dikenakan GST, kita tahu bahawa dia kena bayar semua *input tax and all those things* ya. Akan tetapi, pada masa yang sama, dia tidak boleh menaikkan harganya disebabkan harga barang dia itu tidak boleh berlawanan dengan peruncit-peruncit lain yang tidak mengenakan GST. Mereka ini terutamanya- sebab industri dia industri tudung dan pakaian, dibawa masuk oleh mereka peniaga daripada Pakistan, Bangladesh dan sebagainya. Harga yang mereka jual adalah lebih murah daripada apa yang dia jual kerana mereka tidak kena GST input semua tetapi dia kena. Akhirnya dia telah menutup hampir lebih daripada lima cawangan-cawangannya kerana kata dia, *"Kalau tidak, I'll just be paying GST and I have to dig into my savings just to make the business survive"*. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, ini cerita fasal syarikat tutup kerana ada GST ini saya rasa kita kena tengok dia punya *detail* lah. Banyak juga syarikat-syarikat yang datang berjumpa saya di pusat khidmat saya cakap dia kena tutup berniaga. Saya cakap fasal apa? Dia cakap *competition*.

Jadi *competition* kita tengoklah. Kalau macam Yang Berhormat sebut tadi kalau dia jual tudung, dia buat dekat Malaysia, datang daripada Pakistan dua, tiga kontena, kalau dia tidak bayar GST, kena bayar GST. Kalau dia tidak bayar GST, beritahu saya nama dia, saya hendak *check*. Mana pula mereka boleh berniaga tidak bayar GST ini. Mesti kena bayar. Itu satu.

Nombor dua, Yang Berhormat, *labor* kadar upah untuk menjahit tudung-tudung ini di Indonesia dan juga Pakistan ini sangat rendah kalau dibandingkan dengan Malaysia. Oleh sebab itu, banyak pengusaha kita buat tudung ini dia pergi hantar pergi jahit ke Indonesia ataupun kalau dia dapat pekerja bawa balik *foreign worker*, dia bawa datang sini untuk jahit. Sebab, kadar upah dia begitu sangat berbeza kalau dibandingkan dengan di negara yang Yang Berhormat sebut tadi.

Kedua, jadi soal sama ada dia *competitive* atau tidak dalam perniagaan ini, dia bergantung kepada *volume business* yang *you* dibuat. Kalau *you* import tiga empat kontena *as compared to you* buat cuma *half of the* kontena, sudah tentu kos akan berbeza. Akan tetapi kalau hendak bagi alasan syarikat tutup, kedai tutup kerana ada GST, saya rasa tidak betul. *It is not right*. Jadi saya hendak *move next one* lah...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, cuma hendak *confirmation* sahaja satu perkara.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Adakah ini bermakna bahawa dengan adanya GST, peniaga-peniaga kecil maknanya dia tidak akan mampu bersaing dengan peniaga-peniaga besar? Makna *it is not favorable for local business people* yang kecil. *Is that right or not?... [Dewan riu]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, peniaga-peniaga kecil kalau dia punya jualan RM500,000 ke bawah, dia tidak payah bayar GST. RM500,000 tidak payah bayar. Akan tetapi, *anything more than that*, dia kena bayarlah sebab dia kena bersaing sebab *we have to put everybody at the same level playing field*. Kalau kita tidak *put same level of playing field*, macam mana kita hendak *grow* kita punya *economy*? Ini saya...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya hendak bacakan fasal...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, soalan pendek Menteri. Sedikit sahaja. Pendek sahaja. Betul atau tidak- saya hendak pastikan- bahawa masa SST, pendaftaran syarikat-syarikat saya difahamkan dah 80,000 atau 90,000 tidak sampai 100,000 tetapi selepas GST, saya difahamkan pendaftaran syarikat sampai 400,000? Betul atau tidak betul ini? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Betul. Sebab, mereka kena daftar. Kalau dia tidak daftar, kalau dia *supply* kepada syarikat-syarikat besar, *small and medium enterprise* (SME), syarikat itu dia hendak *claim* dia punya *input tax*. Jadi kalau kita *supply*, kita tidak daftar, dia tidak akan beli daripada kita sebab kita kena ada GST yang kita bagi dekat dia. Dia hendak *use* kita punya GST itu untuk dia punya *input*. Begitu juga semua syarikat *until all levels*, dia kena ada input GST.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: So, lebih banyak syarikat berniaga masa GST dibandingkan sebelum GST?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak. Dia sebelum itu pun banyak juga syarikat tetapi kurang syarikat bayar *tax*. Itu sahaja.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, Pandan, Menteri. Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya Menteri, adakah Menteri bersetuju bahawa dalam menjawab dua soalan yang berturut-turut daripada Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Kota Tinggi tadi, sebenarnya Menteri mengiakan bahawa GST ini buruk kepada rakyat... [*Dewan riuh*] Dengar dulu ya. Sebab pada masa yang sama, ketika Yang Berhormat Kota Raja menanyakan Menteri bahawa adakah benar bahawa GST ini buruk kepada- Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dia kurang tahu fasal GST. Soalan saya fasal geran dia tidak jawab lagi, dua tahun. Yang Berhormat Tangga Batu lebih baik diam.

■1620

Baik Yang Berhormat Menteri ya. Yang Berhormat Kota Raja tanya soalan yang mudah. Adakah GST ini menyebabkan syarikat-syarikat kecil tidak boleh bersaing dan gulung tikar? Yang Berhormat Menteri jawab, "*Tidak sebenarnya kerana kalau mereka syarikat kecil yang di bawah RM500 ribu ke bawah maka mereka tidak perlu dikenakan GST dan tidak perlu berdaftar*". Kemudian bangun Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Kota Tinggi tanya, "*Apakah benar selepas diadakan GST pendaftaran syarikat dengan Kastam dan lain-lain bertambah?*" Yang Berhormat Menteri bangun kata, "*Ya, sebab apa? Sebab kalau tidak mendaftar orang tidak membeli dengan dia!*"... [*Dewan riuh*]

Jadi maksudnya sama ada syarikat kecil atau besar di bawah GST perlu didaftarkan. Jadi sebab itu lah maka dia tidak timbul soal RM500 ribu ke bawah atau tidak, kalau ada GST, syarikat kena daftar dan bila ada pendaftaran syarikat maka kena kutip enam peratus, kecil, tua, muda, miskin, syarikat besar, kecil semua kena... [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Pembelit, pembelit, pembelit.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi duduk, duduk. Ahli Yang Berhormat, selepas respons kepada persoalan GST daripada Satok, Yang Berhormat berhenti di situ teruskan dengan hal lain. Sudah cukup lama GST ini.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Pasal GST ini Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Banyak soalan GST ini saya sudah jawab tetapi saya hendak bagi tahu lah, kalau setakat Yang Berhormat Pandan punya teori GST ini memang tidak boleh pakai... [*Dewan riuh*]

Saya pun pelik lah, satu orang kata dia pakar ekonomi, cakap macam budak sekolah punya ekonomi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia perasan sahaja, perasan sahaja. Mengaji tidak habis.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Perasan, mengaji tidak habis.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri tidak tahu jawab, Yang Berhormat Menteri senda dekat orang lain pula. Apa standard semua ini? Yang Berhormat Menteri kalau hendak kata... [*Dewan riuh*]

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Pun tak faham. Cakap budak sekolah punya standard. Hei, budak sekolah punya standard... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, biar budak sekolah jawab Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada fakta bahawa selepas GST diperkenalkan inflasi dan kadar kenaikan harga di negara ini adalah tertinggi selama dua tahun berturut-turut. Sepuluh tahun tidak macam ini.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya *proceed* boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya *proceed* sebab mereka ini banyak dia tidak faham. Syarikat mikro dengan syarikat *medium enterprise* dia tidak faham. Dia fikir kalau syarikat itu kalau *medium enterprise* itu mikro- RM500 ribu kita panggil mikro. Mikro kita tidak caj. Dia tidak reti. Jadi bila tidak reti sebab itu kadang-kadang bila dia buat bajet dia main tolak sahaja keluar, masuk. Mana boleh cerita macam itu.

Jadi saya cerita pendek lah. Saya cakap kalau lah kita semua tidak reti bermakna 174 negara dekat luar itu pun tidak reti. Saya hendak bagi tahu lah Yang Berhormat Pandan, tolong dapatkan saya daripada pegawai-pegawai *World Bank*, IMF dengan semua rating agensi dengan mengatakan bahawa GST ini salah bagi tahu pada saya. Tidak ada. Jadi tidak usah cerita banyak. Baik kita pergi lah tempat lain. Okey. Berapa banyak dalam perincian? Ini semua kita sudah jawab.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey. Saya akan teruskan...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Menteri, saya ada soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat soal fasal apa?

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya ada soalan tentang pendaftaran GST.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Saya boleh minta jawapan bertulis kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah saya buat keputusan tadi bahawa saya kata terlampau lama saya mahu sudah mendengar mengenai GST ini. Biar Ahli Yang Berhormat jawab soalan-soalan lain.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Ya boleh saya minta jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat Stampin. Penggunaan sistem peranti EIS yang menghubungkan peniaga dengan kastam secara *online* adakah masih di peringkat percubaan? Adakah ia peranti yang wajib ada bagi pengguna yang terlibat? Siapakah yang akan menanggung kos peranti tersebut? Adakah maklumat tentang pembelian oleh para pelanggan akan diketahui? Adakah data peranti ini boleh dipercayai?

Yang Berhormat, *GST Electronic Information System (EIS)* merupakan satu inisiatif bagi membantu Jabatan Kastam dalam aktiviti penyemakan, pengauditan dan penyiasatan. Melalui inisiatif ini, peranti yang dipasang di setiap *point of sale* termasuk mesin tunai yang terdapat di premis perniagaan ialah untuk mengenal pasti bahawa tidak ada penipuan. Peranti tersebut akan merekodkan setiap transaksi jualan dan seterusnya menghantar data terus kepada Jabatan Kastam. Maklumat jualan yang dihantar secara *online* kepada JKDN boleh dibandingkan dengan maklumat jualan yang di ikrar oleh peniaga-peniaga melalui borang GST-03.

Sekiranya terdapat perbezaan, Jabatan Kastam boleh mengambil tindakan sewajarnya. Langkah-langkah ini akan meningkatkan tahap pematuhan di kalangan peniaga dan mengoptimumkan sumber Jabatan Kastam dalam mentadbir GST.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, maklumat yang direkod, dihantar dan disimpan oleh Jabatan Kastam adalah bagi memenuhi keperluan pihak kerajaan dan ia adalah selaras dengan keperluan bawah Akta Perlindungan Data 2010. *Initial* ini masih di peringkat *pilot*. *We are not*- ini kita cuba baru *pilot project*, kita *choose a few premises*, kita hendak *install* benda ini. Premis-premis yang kita *install* ini sebagai *pilot project*, kita hendak tengok keberkesanan sistem ini.

Ini kerana kita dapat maklumat daripada pelanggan-pelanggan kita, ada kedai-kedai bagi *option* kepada pelanggan, hendak GST atau tidak mahu GST? Jadi kalau sistem ini kita biarkan berleluasa, maka sistem kita ini tidak akan menjadi satu sistem yang berkesan. Jadi setakat hari ini, kita telah memasang 812 di Selangor, Wilayah Persekutuan 1,174 dan di KLIA 226. Seterusnya saya ingin...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, ada soalan daripada Stampin.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maksudnya pada masa depan kesemua peniaga perlu memasang alat EIS ini betul atau tidak? Yang Berhormat juga belum menjawab soalan saya. Siapa yang akan membiayai alat tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Alat ini tidak akan dikenakan kepada peniaga-peniaga. Peniaga tidak perlu pakai alat ini. Alat ini kita beri *selective* untuk pasang. Kalau syarikat itu kita nampak dia tidak ada langsung menunjukkan sebarang elemen-elemen penipuan, ataupun kita tidak dapat *complaint* daripada *customer* dan kita tidak perlu *install*. Mana-mana syarikat yang kita *suspect* ada melakukan penipuan, kita akan *install equipment* ini dan *installation* ini dia tidak perlu bayar. Ini *part of the cost of compliance* yang kerajaan terpaksa keluar duit untuk memastikan *compliance on the system*.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat juga belum menjawab soalan saya tentang kos yang telah pun dibiayai oleh kerajaan seperti Yang Berhormat katakan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Setakat ini *pilot project* kita tidak perlu kos. Sebab orang banyak datang bawa sistem tunjuk beberapa buah negara telah *implement*, jadi mereka tunjuk pada sistem. Jadi kita punya pendekatan ialah kita tidak akan bayar sistem ini selagi sistem ini tidak menunjukkan keberkesanan dari segi *collection* ini, dari segi *monitoring* ini.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Setahu saya alat ini telah pun dikeluarkan oleh MyEG, maksudnya alat ini sekarang dibiayai oleh MyEG dan tidak dibiayai oleh kerajaan betul?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dalam *pilot project*, dia pasang kalau kita merasakan bahawa sistem ini tidak berkesan dan kita tidak perlu bayar. *They have to take risk. They make the proposal to put, they take the risk.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *So far not a single cent from the government of?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, we are not paying a single cent because ini adalah private initiative yang proposed sistem software yang dibuat kepada sebahagian daripada teknologi-teknologi yang ada sedia ada di dunia.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih. Soalan kedua saya terhadap data-data yang telah pun akan disimpan oleh pihak Kastam. Yang Berhormat katakan bahawa maksudnya Yang Berhormat bahawa apa juga yang urus niaga daripada perniagaan tersebut apakah barang yang dibeli oleh para pembeli boleh diketahui oleh pihak Kastam betul atau tidak?

■1630

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tadi Yang Berhormat katakan bahawa *it's under the Data Protection Act*, betul? Akan tetapi pada sesi Parlimen yang sebelum ini saya mendapat jawapan daripada kementerian bahawa *this is not under the Data Protection Act*, kalau tidak salah saya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I can confirm with you it is under the Data Protection Act. So, anybody, siapa yang menggunakan data ini tanpa persetujuan ataupun kelulusan daripada kerajaan dia boleh didakwa.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Soalan terakhir saya ya. Alat ini telah-sekarang dalam *pilot project*, bolehkah saya mendapatkan pengesahan daripada kementerian bahawa alat ini dia punya tahap *security* dia bolehkah mencapai piawaian antarabangsa. *Because, if we know the credit card system they are using, at least they are fulfilling*, dengan izin ya, *Federal Information Processing Standards (FIPS) 140-2, Level 3*. Akan tetapi alat EIS yang saya perhatikan, mereka tidak memenuhi apa-apa juga piawaian yang terdapat di antarabangsa.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, ini adalah salah satu kriteria apabila kita *evaluate pilot project* ini. Jadi itu salah satu daripada benda yang kita akan masukkan dan dalam *requirement* kita sebelum kita menerima guna pakai sistem ini. *This is still in the pilot project*, nanti kalau kita buat keputusan nanti kita pastikan semua elemen-elemen *data protection* ini akan sentiasa *intact* di dalam jajaan kerajaan.

Saya akan teruskan, okey. Soalan daripada Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan mengatakan kenapa- ini cadanganlah. Cadangan Yang Berhormat Pandan. Saya ingat kalau cadangan dia tidak payahlah saya hendak jawab. Dia cadangkan supaya kerajaan berikan bonus dua bulan gaji kemudian cadangkan naikkan bayaran BR1M kepada RM2,000. Kemudian turunkan kadar GST kepada 4 peratus. Oh! Setuju pula GST ya?... *[Dewan riuh]* Cadangkan turunkan kadar GST kepada 4 peratus. Bermakna...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tidak faham orang perlu kah?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Bermakna Yang Berhormat Pandan setuju GST, dia cadangkan turunkan 4 percent... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dia buat *U-turn*. Buat *U-turn*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: BN tak nak mansuhkan GST. Bagi turunkan lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam bangun Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Itu cadangan dia bagi dekat BN... *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Buat *U-turn*.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Buat *U-turn* sahajalah. Buat *U-turn* sahajalah... [Dewan riuh]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mansuhkan, pilih Pakatan Harapan!

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, itu...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *U-turn, U-turn...*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Itu cadangan khusus kepada Yang Amat Berhormat Pekan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bangun dengan ada keperluan Yang Berhormat...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *U-turn* lah. Bukan cadangan. *U-turn* itu.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Menteri semua tidak mahu jawab kenapa?

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, hendak beri jalan Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya ingin tegaskan itu cadangan yang menunjukkan bukti bahawa kerajaan tidak ada wang. Walaupun dia ada wang kutip RM10 bilion lebih tetapi dia tidak boleh bagi semua ini yang dengan mudah boleh memenangkan pilihan raya kerana ada hutang-hutang 1MDB yang tidak disebut di dalam Dewan. Itu soalan saya... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri, saya hendak tanya satu soalan, kalau dua-dua syarikat pada masa yang sama dimiliki oleh seorang yang sama, seorang ya. Maksudnya ada dua urusan niaga di antara dua syarikat ini tetapi *owner* dia sama, dan saya bagi contoh, KEIP Management. Kononnya membekalkan *manpower* kepada Invoke tetapi KEIP tidak mendaftar dengan GST dan dua-dua syarikat ini dimiliki oleh Yang Berhormat Pandan. Jadi apakah kesalahan yang akan dikenakan pada KEIP Management?... [Dewan riuh]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, tadi saya ada sebut mana-mana syarikat kalau jualannya RM500,000 atau transaksi dia RM500,000 ke bawah dia tidak daftar GST, okeylah. Tiada masalah. Akan tetapi kalau lebih...

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Akan tetapi apa yang saya difahamkan lebih daripada RM500,000.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti kita hantar kastam *check* lah. Okey. *Alright, so...*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat Simpang Renggam tarik balik kerana itu satu maklumat yang salah. Dia tidak sampai RM500,000 cuma saya mahu tolong Menteri jawab juga bahawa ini menunjukkan bagaimana Ahli Parlimen BN, dia sendiri pun tidak faham tentang undang-undang GST... [Dewan Ketawa]

Ini soalan budak sekolah yang tidak sepatutnya ditanya oleh seorang Setiausaha Agung Gerakan yang mahu menang lima ini. Untuk menambah lagi pengetahuan kepada Ahli-ahli Parlimen BN kalau satu atau dua syarikat itu dimiliki oleh orang yang sama Menteri boleh jawab ia sebenarnya tidak payah dikenakan GST di dalam kumpulan. Boleh dibuat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Pandan...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Akan tetapi sudah tentu Yang Berhormat Simpang Renggam tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya kepada Menteri yang lebih penting mengenai GST dan juga cadangan tadi ialah begini. Bagaimana apabila kerajaan telah mengutip RM10 bilion lebih dalam pilihan raya...

Seorang Ahli: GST sudah habis.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Dalam belanjawan akan datang tetapi ini tidak dipulangkan balik dalam bentuk BR1M yang lebih tinggi? Dalam bentuk pengurangan cukai, dalam bentuk bonus yang lebih baik? Adakah ini disebabkan ada bayaran-bayaran hutang, faedah yang tidak disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan dalam Dewan? Soalan itu Menteri kena jawab. Daripada soalan-soalan budak sekolah macam Yang Berhormat Simpang Renggam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sudah lepas GST kan Yang Berhormat?... [*Dewan riu*] GST sudah lepas Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya mahu jawab soalan Yang Berhormat Pandan. Saya sebenarnya, saya pun tidak tahu macam mana dia punya *calculation* lah. Akan tetapi apa cerita pun saya hendak sebut tadi cadangan. Yang Berhormat Pandan tadi cadang, dia cadang dua bulan bonus selepas itu dia cadang naikkan bayaran BR1M RM2,000.

Akan tetapi saya hendak beritahu, kalau kita tengok hari ini, *before* kita buat apa benda pun kita kena tengok apa sebenarnya kerajaan kita buat terhadap peningkatan ini. Kalau kita tengok pada tahun 2017 ini bandingkan dengan tahun 2016, kita bayar peningkatan gaji, kenaikan dan juga bonus dan juga elaun yang kita bagi sumbangan kepada kakitangan kerajaan, kita naik RM5.7 bilion.

Kemudian, *pension* kita naik RM2.6 bilion. Ini sahaja sudah RM8.3 bilion. Kemudian kita *spend on education*, tahun 2016 kepada tahun 2017, naik RM4 bilion. Ini sahaja sudah RM12 bilion. Yang Berhormat Pandan tadi cerita naik RM10 bilion hendak kena bagi bonus. Dia tahu tidak kalau bagi bonus dua bulan, satu bulan sahaja bonus RM6.5 bilion. Kali dua bulan, RM13 bilion. Kemudian kalau bagi BR1M, RM2,000 tambah RM800 daripada RM1,200 tambah lagi RM5.6 bilion. RM5.6 bilion campur RM13 bilion, kalau Yang Berhormat Pandan jaga negara ini, bankrap negara ini... [*Dewan riu*]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Bankrap negara.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, 1MDB hilang bilion boleh pula. Benda lain tidak boleh pula. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sorang-sorang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sepang makan ubat. Yang Berhormat Sepang makan ubat.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri bagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat Menteri? Sebentar Yang Berhormat, hendak bagi jalan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta jalan untuk Klang. Yang Berhormat Menteri, minta jalan untuk Yang Berhormat Klang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang duduk dulu Yang Berhormat Klang. Tidak bagi jalan lagi.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya sudah habis jawab GST, tukar topik lah.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan mengenai ubat dan GST...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat Menteri?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Boleh Yang Berhormat? Ini berkaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Klang bangun Yang Berhormat.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah bangkitkan ini kali kedua, kali ketiga, kali keempat berkaitan dengan GST dan satu cadangan ialah untuk memansuhkan GST untuk ubat-ubat khususnya *lifesaving medicine*.

Saya telah bangkitkan isu ini pada tahun yang lalu dan Menteri mengatakan bahawa Menteri akan buat rujukan isu ini ataupun memperhalusi isu ini dan juga berkait dengan itu untuk menubuhkan satu *National Cancer Fund*, itu pun Menteri mengatakan bahawa *it will be in this year's budget* tetapi nampaknya tidak nampaklah. So, minta penjelasan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat punya soalan ya, mansuhkan GST untuk semua perkhidmatan kesihatan termasuk ubat, *medical surgery* dan juga sebagainya. Untuk pengetahuan, sebenarnya semua jenis perkhidmatan jagaan kesihatan yang disediakan oleh mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar di bawah Akta Kemudahan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 adalah dikecualikan daripada GST.

Selain itu perkhidmatan jagaan kesihatan yang dibekalkan oleh Hospital Pengajar Universiti dan juga pusat kesihatan universiti walaupun mereka tidak daftar tetapi kita *exempt* kan GST. Dikatakan sebagai pembekal berkecuali GST. Di samping itu, perkhidmatan jagaan kesihatan yang tidak dikenakan GST, kerajaan juga telah menetapkan ubat-ubatan di bawah *suffix A, X and N* tidak dikenakan GST pada kadar sifar. Melalui penetapan ini, pengguna tidak perlu membayar GST ke atas 9,321 jenama ubat yang meliputi ubat bagi 30 jenis penyakit termasuklah sakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan kanser. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ubat-ubat ini, mestilah kena didaftarkan dulu dengan bahagian farmasi.

■1640

Jikalau ia tidak dapat kelulusan bahagian farmasi, maka ia tidak diklasifikasikan sebagai ubat. Jikalau kita ada *supplement*, kalau *supplement* itu diklasifikasikan oleh farmasi itu sebahagian daripada ubat, akan *exempt* GST. Kemudian kita juga bagi *exemption* kepada *equipments* yang digunakan oleh hospital, hari ini mencecah 126 item. Jikalau ada mana-mana *equipments* Yang Berhormat tengok diguna pakai oleh hospital, yang tidak dapat kelulusan GST *exemption* atau *zero GST*, Yang Berhormat boleh tulis surat kepada Kastam, saya akan sokong. Oleh kerana mana-mana *equipments* yang diguna pakai hospital ini, kita akan bagi *exemption*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta sebelum berpindah...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, soalan susulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi yang mana, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Saya bangkit isu ini beberapa kali Yang Berhormat Menteri sebab saya dapat banyak aduan daripada Klang. Di mana, bila mereka pergi kepada Hospital Tengku Ampuan Rahimah, doktor mengatakan kepada pesakit bahawa mereka tidak akan memberikan ubat kepada seseorang itu, walaupun seseorang itu ada leukemia *stage four*. Beliau berkata kepada beliau, kerajaan tidak ada ubat untuk memberikan kepada seseorang itu dengan Leukemia.

So, bila dia datang ke pejabat saya, mengadukan mengatakan bahawa bila *public hospital*, hospital kerajaan menjadi tukang mati. Oleh sebab sekarang ini mengatakan bahawa dia telah tentukan bila saya akan mati. So, *this four stage cancer and there's no medicine*, so sekarang dia terpaksa beli daripada farmasi dan farmasi tidak- *will impose GST*. So, *this is what the problem is*.

The problem is, blue book yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu *is outdated. We need a new look at the blue book* dan juga *out of pocket*, bila orang beli daripada farmasi, itu pun mesti dimansuhkan. *Therefore, this is a very serious problem* Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Jikalau Yang Berhormat boleh bagi saya surat, bagi nama pesakit yang *faced* isu beli ubat kena bayar GST ini dan bagi tahu kedai yang *charge* GST, saya hendak hantar orang buat penyiasatan. Jikalau barang-barang yang kita *exempt* kan atau *zero* kan GST ini, tidak sepatutnya *charge* kepada pelanggan. Jadi, isu Yang Berhormat ini adalah bajet dia tidak ada. Bajet ini saya ingat kita kena hantar dan kita bincangkan dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Charles Anthony Santiago: Yang Berhormat Menteri, dasar itu mesti diluaskan kepada semua farmasi dan juga semua hospital.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okay, kita akan maklumkan semua kepada hospital.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden: Yang Berhormat Menteri, sebelum berpindah tajuk, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden: GST. Ini kita mendengar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, GST sudah lepas Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden: Tak, kita mendengar apa orang-orang kampung di media sosial banyak terlibat, bahawa kos sara hidup ini meningkat disebabkan dikenakan GST kepada orang kampung. Jadi, sejauh mana kebenaran ini? Adakah kos sara hidup ini meningkat disebabkan semata-mata GST atau banyak faktor-faktor luaran yang menyebabkan ia berlaku? Ini kena penjelasan, biar kita semua tahu. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kinabatangan, saya sudah buat *explanation* panjang lebar itu. Jadi, saya ingat kejap lagi saya bagi Yang Berhormat *in writing* lah. Saya sudah *explain* tadi.

Akhir sekali GST ini, Yang Berhormat Kubang Kerian, berapakah jumlah kutipan GST di Negeri Kelantan? Saya bacakan, pada tahun 2015, GST di Kelantan RM70 *million*. Pada tahun 2016 - RM157 juta dan tahun 2017 setakat September - RM109 juta. Jadi, saya hendak pergi keluar topik daripada GST ini. Saya pergi ke soalan seterusnya, ini pun saya sudah jawab *part of GST*.

LHDN dijangka akan kutip cukai individu tambahan sebanyak 9.2 peratus. Tambahan dari mana? Kempen yang sangat agresif dengan memaksa individu untuk membayar dalam banyak kes yang diterima. Kes ini tidak begitu jelas, taktik agresif ini tidak perlu disokong. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kluang, peningkatan kutipan *income tax* yang kita dapat, yang kita jangkakan 2017 ini adalah tiga sebab:

- (i) fail, peningkatan daripada 6.9 juta fail kepada 7.2 juta fail, terdapat tambahan 300 ribu fail;
- (ii) gaji dalam dua sektor ini sangat stabil dan meningkat iaitu *manufacturing sector - the wages growth 10.6 percent, services sector - 5.4 peratus*; dan
- (iii) *enforcement* yang kita pastikan banyak syarikat-syarikat yang memotong gaji kakitangan mereka tetapi tidak bayar kepada LHDN. Oleh sebab kita punya *enforcement*, maka kita jangkakan peningkatan daripada kutipan hasil ini.

Ini saya sudah jawab. Yang Berhormat Paya Besar mencadangkan agar mana-mana kereta 1,500 cc ke bawah dikecualikan cukai. Kerajaan tidak berhasrat untuk mengecualikan cukai pada masa ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, maaf ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab isu ini tentang *individual income tax*, saya ingat *you* hendak jawab soalan saya. Sebenarnya, saya ada tanya. Saya lihat bahawa pendapatan cukai individu ini akan naik 7.1 peratus pada tahun hadapan.

Akan tetapi apa yang kita tahu ialah M40, *middle 40* diberi pelupusan ataupun *reduction in tax* sebanyak dua peratus. Bolehkah Menteri beri *details* yang lebih kurang terperinci, kalau boleh. Kenapa ini berlaku? *How can you have 7.1 percent growth, at the same time M40 dapat two percent reduction?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, kalau kita tengok kadar peningkatan gaji kita, meningkat. Walaupun kita bagi *exemption on the three threshold* itu, iaitu daripada 20 ke 35, 35 ke 50 dan 50 ke 70, dua *percent* tetapi secara *overall*, peningkatan yang kita jangkakan daripada peningkatan gaji dan bonus hasil daripada perkembangan ekonomi, keuntungan syarikat, maka kakitangan akan dapat gaji. Kita punya *calculation* ialah pertama, *wages growth* ini kita nampak *very positive*. *Manufacturing sector - 10.6 percent, this is real economic report*. Kemudian, *services sector - 5.2 percent, it is a big chunk of* kita punya ekonomi sektor ini, *in this services sector*.

Kemudian, kita tengok eksport kita, eksport kita setakat bulan September, kita sudah ada *double digit growth - 22 percent*. Jadi, kesan daripada limpahan aktiviti ekonomi ini, ia akan memanfaatkan kepada rakyat sebagai pekerja dan *tax* kita dapat. Jadi, kita buat jangkaan-jangkaan ini adalah dalam proses kita menentukan perkembangan ekonomi ini. Oleh sebab itu, kita boleh memberi rebet kepada M40 punya kategori ini.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau Menteri membuat anggaran macam ini, saya rasa paling banyak pun naik dua peratus ataupun tiga peratus, tidak sampai 7.1 peratus. *I think your numbers are being cooked upwards*.

Oleh sebab kita semua tahu tahun 2016, tahun 2017, kadar pengangguran ataupun orang yang hilang kerja adalah lebih kurang 60 ribu sampai 70 ribu. *This is the data that we have*. Jadi maknanya, kalau kita boleh dapat 7.1 peratus *growth* daripada *individual income tax* dan dengan *two percent reduction*, ini menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya pendapatan gaji orang akan naik 10 peratus, *at least*. So, *I think your numbers are, with all due respect lah, are a bit unusual*. Kalau boleh Menteri bagi satu penjelasan terperinci bertulis, *how did you come to this number?* Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan berkaitan dengan soalan ini.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri *be frank to this House* bahawa peningkatan anggaran dalam kutipan cukai daripada *personal income tax* ini akan datang daripada peningkatan *enforcement, what we call terrorism in tax*. Iaitu *tax terrorism* yang itu *inland revenue* pergi menekan orang ramai, mengutip, memaksa mereka bayar *tax* berpuluh-puluh tahun...

■1650

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Hoi penyayang!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Berpuluh-puluh tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang... [Dewan riu]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini pernah berlaku.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apakah ini... [Dewan riu]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Adakah ini- inilah merupakan asas bahawa... [Dewan riu]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apa punya MP.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Anggaran peningkatan *tax* daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang, duduk Yang Berhormat Pendang... [Dewan riuh]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Pembangkang macam ini kah ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...*Individual income tax*...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Malulah, punya sikap ini...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Setinggi tujuh peratus...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apa punya sikap...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak pernah- hei, itu diamlah itu!

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Apa diam?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, cukuplah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya tanya Yang Berhormat Menteri, bukan tanya *you!*... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya Yang Berhormat Menteri, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Penyangak betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu *income tax officer* ini macam gengster. Mengugut semua orang bayar *tax*. Ada asas, tidak ada asas, semua mereka ugut. Inilah terlampau sudah. Adakah kerajaan hendak gunakan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, cukuplah Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Tindakan sebegitu untuk mencapai *target, your revenue target?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat bercakap macam gengster lah. *You* tuduh orang gengster, *you* cakap pun macam gengster. *Anyway*, Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jawab soalanlah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Oleh sebab orang itu- siapa itu orang...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: DAP punya kualiti, itulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat...

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Itulah penyangak yang DAP ada. Itulah standard yang DAP adapun. Apa dah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, *in the past*, apabila LHDN tidur, *you all* semua kutuk LHDN sebab apa tidak kutip. Jadi, apabila LHDN *put everybody at level playing field, this is what the result you get, because you* kena tengok. Dahulu apabila kita buat *deduction of* bayar *tax* kepada syarikat-syarikat melalui pekerja-pekerja, ia bayar tiap-tiap bulan, ada sebahagian daripada syarikat tidak bayar. Ia potong daripada *employee* tetapi tidak bayar kepada *income tax*.

So, now we do a very detailed enforcement for every company. Siapa potong, kena bayar. Jangan potong hari ini, bulan Januari, Februari, Mac, April, hendak bayar bulan Disember, *no*. Potong Januari, bayar Januari. Potong Februari, bayar Februari. Jangan pusing orang punya duit. Itu yang berlaku kepada EPF. EPF potong *employee* punya gaji, *employee contributions*, pakai untuk *working capital*, selepas itu *company* tutup. *How do you get to cover that?*

So, now we do the enforcement...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, celahan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, tidak apa. Saya ingat saya malas hendak...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ini soalan mengenai yang penting itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri kena bagi jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri kena bagi jalan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I think...*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang ini penting, sebab ada soalan yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tanya soalan yang khusus mengenai pecahan kutipan oleh LHDN. Jadi, paling kurang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Yang Berhormat Menteri kena bagi peluang untuk saya tanya dan Yang Berhormat Menteri boleh perjelaskan. Saya boleh tunggu tetapi Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okay.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya tanya soalan yang khusus kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Bahawa dengan pertambahan kutipan cukai pendapatan oleh LHDN tahun lepas dan juga dijangka tahun depan.

Saya minta supaya LHDN dan Yang Berhormat Menteri memperincikan mengikut kategori. Kategori pertama - kutipan untuk tahun itu; kedua - kutipan untuk pendapatan yang tidak diumumkan tahun lepas, tidak diisytiharkan; ketiga - *interest* ataupun faedah yang dikenakan ke atas pembayar cukai; dan keempat - penalti ataupun denda.

Oleh kerana begini Yang Berhormat Menteri, kami terus mendapat aduan. Contohnya, doktor-doktor yang mendapat notis untuk membayar sehingga RM30,000 ke RM40,000 untuk pemfailan cukai 10 tahun lepas. Jadi, bila dia dapat, ini kes benar demi *Allah*, dia datang jumpa. Bukan *illusion* macam Yang Berhormat Rompin kata. Dia datang, dia kata apabila dia dapat notis suruh bayar sampai RM30,000 ke RM40,000, dia tidak ada sebarang rekod, 10 tahun yang lepas, macam mana dia hendak berhadapan dengan LHDN? Jadi, dia terpaksa bayar begitu sahaja kerana kalau tidak bayar, maka dia kena penalti. Macam mana pun dia kena. Jadi, dia buat macam mana? Doktor itu ambil bayar ah long, pinjam ah long untuk bayar RM30,000.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Jadi, saya tanya Yang Berhormat Menteri dan minta Yang Berhormat Menteri perjelaskan kerana apabila saya tanya soalan itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak jawab, tidak mahu bagi pecahan. Jadi, saya hendak tahu apakah pertambahan daripada kutipan cukai LHDN kebelakangan ini adakah disebabkan oleh penalti, denda dan lain-lain?

Adakah pendapat Yang Berhormat Menteri, apabila LHDN dilantik sebagai kontraktor kerajaan dan diberikan komisen berdasarkan berapa banyak yang dikutip, adakah itu memangsakan rakyat? Oleh kerana rakyat tidak ada tribunal, tidak ada wang untuk bayar akauntan dan *lawyer*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: ...Ini kerana semua ini mahal. Kalau kami dapat, kami kena bayar sahaja. Yang Berhormat Menteri tidak apalah, gaji banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *sound system* Parlimen ini masih bagus Yang Berhormat. Tidak payah memekik. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebut tadi ia ada tiga sebab apabila kita dapat perkembangan dari segi kita punya peningkatan hasil daripada *tax*. Satu dari segi perkembangan ekonomi. Nombor dua, kita ada hasil daripada perkembangan ekonomi *which is growth*. Ketiga, *is enforcement*. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Pandan, *enforcement* ini kalau orang itu tidak salah, jangan takut *enforcement*.

Jadi, saya hendak jawab Yang Berhormat Pandan pasal doktor punya cerita ini. Saya tahu, saya pun *handle* macam Yang Berhormat Pandan juga. Yang Berhormat Pandan ada pusat khidmat masyarakat, saya pun ada pusat khidmat masyarakat. Orang datang jumpa saya, doktor-doktor pun datang jumpa saya tetapi saya tidak menghasut doktor-doktor ini. Saya *explain* kepada doktor-doktor ini. Saya beritahu kepada doktor-doktor ini, saya cakap kenapa ada *backdated tax*.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat Pandan cakap *backdated tax* 10 tahun, tidak betul. Oleh sebab *income tax* ada pergi sampai 10 tahun. Ia tidak ada pergi sampai 10 tahun...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya terima aduan 20 tahun!

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya akan bawa kepada Yang Berhormat Menteri yang 10 tahun, kami akan bawa!

Seorang Ahli: Sumpah *oh*, bahaya *oh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, seorang, seorang, Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Jangan bohong, 20 tahun!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Daripada 1993 sampai 1999, itu kes apa? Saya terima itu aduan!

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *You* dengar dahulu saya cakap. Dengar dahulu saya cakap. Saya hendak bagi contoh. Ada dua contoh di sini. Kalau *income tax* pergi buat penyiasatan tetapi terdapat penipuan, ia tidak ada *limit*. Ia sampai bila-bila boleh cek, ia tidak ada *limit*. Kalau macam Yang Berhormat Bandar Kuching ini, kalau gengster tidak bayar 10 tahun- 10 tahun dia kena *tax*.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rasa...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti sekejap.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Ini Yang Berhormat Bandar Kuching ada *kawtim* sama ini gengster ini.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Nanti sekejap. Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan, saya pun berdepan sama dengan Yang Berhormat Pandan, kita berdepan isu-isu ini. Jadi, saya bagi nasihat kepada doktor ini. Dia tanya saya, sebahagian daripada doktor juga adalah doktor saya juga tetapi saya beritahu dia, kenapa? Saya bagi dia alasan begini.

Apabila doktor ini servis kepada sesuatu *private hospital*. Dia *signed agreement* dengan *private hospital and they earned the fees RM200,000 every month or RM100,000 or RM300,000, some of them half a million thousands a month*. Okey, konsultan-konsultan yang *signed* dengan hospital *on his personal capacity*. Akan tetapi apa dia buat sebelum ini, dia tubuh satu syarikat, *agreement signed* dengan hospital secara individu, selepas itu suruh hospital bayar kepada syarikat.

Jadi, apabila bayar kepada syarikat, syarikat guna duit ini buat macam-macam perniagaan. Jadi, dia cuma ambil gaji daripada syarikat dia RM20,000, *that is wrong*. Itu *tax avoidance*. Kalau kita sebagai profesional, bila kita *signed agreement* dengan hospital dapat RM200,000, *tax* RM200,000, tolaklah *you* punya *expenses*. Pasal dia *personal*, jangan masuk dalam syarikat.

Ini salah satu contoh yang saya berdepan dengan doktor yang bayar *backdated tax*. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada *genuine case*, kita pun datang *manage* dia. Saya tidak tahulah ini, saya ingat...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak mahu *elaborate in detail*, Yang Berhormat Pandan tulis surat kepada saya...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai hendak tanya juga.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: ...Yang Berhormat Pandan tulis surat kepada saya, saya akan jawab nanti.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Kulai hendak tanya juga.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Alright*. Bagi saya nama doktor, mana dia punya *practise*, dia bagi dekat saya, saya nanti pergi cek fail dia.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan doktor. Ini pasal cikgu, kakitangan kerajaan yang duduk dekat belakang.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Pasal cikgu pula.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Sebab...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Apa pasal cikgu pula?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab ini doktor RM100,000, RM200,00.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tadi fasal doktor, sekarang sudah lari.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ini kakitangan kerajaan dapat tiga, empat ribu. Dia tidak ada peguam, tidak ada akauntan, dia kena bayar, kalau tidak dia kena denda. Oleh sebab itu saya kata menjadikan LHDN sebagai komisen, itu akan memangsakan ramai rakyat Malaysia.

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Kulai.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Yang Berhormat Pandan mana turun padang.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kulai hendak tanya sedikit. Boleh atau tidak? Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak beri jalan lagi Yang Berhormat Menteri?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kulai hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain minta diam Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak sebut sedikit tentang kes doktor ini kerana saya pun ada terima aduan dan dalam kes saya, sebenarnya doktor tersebut diminta bayar setengah juta.

Jadi itu bukan satu jumlah yang kecil. Saya rasa ketidakpuasan di hati yang terbesar antara golongan pakar ini adalah macam ini. Dahulunya mereka diizinkan untuk sepuluh tahun ini mereka boleh gunakan syarikat untuk *declare case* mereka tetapi secara tiba-tibanya, *government* ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri ini cakap bahawa mekanisme ini adalah tidak betul.

Saya rasa ini yang tidak adil kepada doktor-doktor pakar ini kerana dulunya mereka semua pakai akauntan untuk buat, untuk lapor cukai mereka dan sepuluh tahun ini tidak ada masalah ini. Jadi nampaknya bahawa sekarang oleh sebab kerajaan duit tidak cukup...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: ...Jadi secara tiba-tiba hendak tukar ini peraturan ataupun hendak tukar ini cara untuk kira *tax* itu yang mereka tidak puas hati.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalau Yang Berhormat Menteri, kita laksanakan pengiraan ini daripada tahun ini ataupun tahun depan, saya rasa ini semua *fair* untuk semua doktor pakar ini kerana mereka tidak ada, tidak boleh kompelin lagi. Akan tetapi masalahnya, dulu walaupun mereka... [Dewan riuh] Ia juga disiasat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, mereka *clear*...

Seorang Ahli: Ini mana ada Cina 'lulu'.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tidak ada apa-apa isu. Jadi kenapa secara tiba-tibanya kerajaan tukar ini cara pengiraan? Adakah ini kerana kerajaan tidak cukup duit atau tidak?... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Itu soalan saya yang saya hendak tanya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lenggong sedikit, Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Lenggong tidak payahlah Yang Berhormat. Relaks.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ingat kes-kes yang dibawa oleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain duduk Yang Berhormat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: ...Rakan-rakan di sebelah sini, kes-kes kecil... [Dewan riuh] Jangan kes yang dibawa kepada dia, dia gambarkan itulah sistemnya, itulah kelemahannya. Kes-kes sebegini, rujuk dengan Menteri sahaja. Satu orang jumpa wakil rakyat, mungkin berlaku kesilapan teknikal sedikit, dia gambarkan itulah sistem keseluruhannya. Mana adil? Saya ingat Menteri jangan jawab, jangan layanlah ini. Sampai mati, kena layan ini.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Lenggong kalau tidak faham isu, tidak payah masuk campur.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, jangan macam itu.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Boleh ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, hendak beri lagi Yang Berhormat Menteri? Ya, sila.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, Ahli-ahli Dewan semualah, kalau wanita berucap itu, relaxlah sedikit. Bagilah *opportunity*.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Kena hormat sedikit, sopan sedikit ya. Isunya, isu penting dia Yang Berhormat Menteri ialah sistem *clawback* ini tidak patut dipakai. Kita semua faham *tax evasion is a crime, tax avoidance is not a crime*. Saya tidak *support tax avoidance* tetapi memang pada masa doktor-doktor ini memakai syarikat *corporation* sendirian berhad, dia dibenarkan, memang dibenarkan. Apa yang tidak patut berlaku ialah *income tax* balik sepuluh tahun, tiga tahun, tujuh tahun untuk *clawback the tax*. Itu salah.

Jadi bagi saya, dan saya rasa dalam Dewan ini, kalau dia bermula dengan doktor, dia akan ke peguam, ke akauntan, ke Ahli-ahli Parlimen, ke *Member*, Menteri-menteri. Boleh. *That is why the principle of clawback is wrong*. Kalau pada masa itu undang-undang itu betul, tidak boleh kita balik, *go back in time to claw everything back*. Itu salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Jadi, *retrospective is wrong*. Kalau Menteri boleh cakap baik dengan IRB, saya tahu mereka *under tremendous pressure* sebab dana tidak cukup. Akan tetapi prinsip itu penting. Menteri kalau boleh, *can you talk to them, please. Thank you*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya *clawback* ini, memang ada dalam peruntukan akta tetapi kalau yang saya sebut tadi soal kalau kita *signed agreement* dengan hospital, selepas itu *channel* kepada syarikat, memang tidak ada dalam akta. *There is no such things akta allows you to do that. Never mind*, kalau *you* ada *specific case on the doctor* ini, tulis surat kepada saya, saya akan panggil LHDN tengok *specific case. I want specific case because every case a bit unique*. Ia bukan semua sama ini. Ia *a bit unique. So I cannot take one case, you generalize everything. That is not fair*.

But the policy is kalau kita sebagai seorang profesional, *provide* kita punya servis kepada hospital dan ada *agreement, then you have to declare your tax based on the income that you received. Not to channel to the company and then draw the money from that company and that company* pula, buat macam-macam aktiviti. *So all the money that they get, they do not even pay tax* sebab banyak *business* yang dia buat itu masih tidak untung lagi. Akan tetapi *as a personal*, dia sudah dapat RM200,000 tiap-tiap bulan. So itu sahaja kita hendak *put everything because* ada separuh doktor yang dia tidak tahu hendak buat meniaga. Dia kena *tax* macam biasa. Ada separuh doktor yang pandai sedikit, dia *channel* melalui syarikat.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Kelana Jaya bahawa sistem kita ini kena *very clear to the public*. Kalau tidak *very clear to the public, then it is not fair to the public*. *Public* ingat betul rupa-rupanya salah. Jadi saya sudah beritahu kepada LHDN, *I said* kalau *you* hendak buat apa-apa sistem pada masa akan datang, kita kena pastikan bahawa kita *engage* dengan *stakeholders*, beritahu, *explain* supaya kita jangan ada lagi isu-isu *compliance* yang sebegini rupa. *Very important. So I think* kita hendak semua kena *same level playing fields*. Kalau tidak, ada orang bayar *tax*, ada orang tidak bayar *tax. It is not fair*.

Jadi, saya *move to next one*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kerajaan perlu mengurangkan cukai. Ini Yang Berhormat Pagoh- Yang Berhormat Pagoh... [*Melihat ke tempat duduk YB Pagoh*] Tidak ada... [*Dewan riuh*] Anyway, Yang Berhormat Pagoh ini saya hendak jawablah. Nanti cakap saya tidak jawab Yang Berhormat Pagoh punya soalan.

Kerajaan perlu mengurangkan cukai pendapatan syarikat bagi meningkatkan kebolehan perniagaan. Untuk makluman Dewan, Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa Kerajaan Malaysia pada tahun 1988, kita punya *tax* 40 peratus, *corporate tax*. Kemudian, pada tahun 1998 hingga 2002, kita punya *corporate tax*, turun daripada 40 peratus, 35 peratus, 34 peratus, 28 peratus. Kemudian, pada tahun 2007, kita turun lagi daripada 28 peratus ke 27 peratus. Kemudian pada 2009, daripada 26 peratus turun kepada 25 peratus. Kemudian 2016, turun lagi kepada 24 peratus dan SME sekarang ini, kita cuma bayar *first 500, 18 percent*.

Corporate tax, sekarang kita 24 peratus tetapi mana-mana syarikat yang untung lebih daripada RM20 juta, dia punya keuntungan RM20 juta, lebih daripada RM20 juta itu, dia boleh *enjoy a different tax rate*. 5-9 *million, additional 23* peratus. 10-15 *million* untung, 22 peratus. 15-19 *million*, 21 peratus, 20 *million ke atas*, 20 peratus. *We have reduced corporate tax ini a lot*. Jadi kita tidak boleh *compare* kita punya *corporate tax* dengan *Singapore*. *Economic structure* dia *different*, kita *different*. *Singapore*, walaupun dengan *corporate tax 17 percent*, tetapi kalau kita tengok apa sahaja yang kita hendak pakai ataupun rakyat hendak pakai, dia kena bayar. Insurans kena bayar untuk *public health*, kena beli insurans, dia tolak daripada CPF. *Some of them* kena bayar kalau dia tidak ada CPF.

Jadi kita semua *public* kita beri *free* dan individu *tax*, *since* kita *talk about tax*, individu *tax*, Kalau kita tengok individu *tax*, pada tahun 2010, kita punya *bracket tax* 5,000 ke 10,000 yang kena *chargeable income*. Dulu kita *tax* dia tiga *percent* sekarang sudah tinggal satu *percent*. Kemudian, daripada 20,000 ke 35,000, tahun 2010, kita tujuh *percent*. Sekarang tiga *percent*. Kemudian daripada 35,000 ke 50,000, dulu tahun 2010, 12 *percent*, sekarang lapan *percent but you cannot reduce the tax so drastic*. Kalau *you* kena buat *gradual*, bila *gradual*, dia tidak dapat menjejaskan ekonomi kita, perkembangan ekonomi kita. *This is what the government has done. On top of 21 relief* yang kita beri kepada individu.

Saya *move to next one*. Okey, saya sudah habis *tax...* [*Disampuk*] *Tax*, saya sudah habis.

■1710

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Soalan saya, 1MDB?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Belum lagi. Saya cakap *tax* sudah habis. Okey?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. *Tax and...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Tax*. Perkataan *tax*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Okay, next one*.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit. Sedikit rayuan sekali lagi Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai. Hujung sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai bangun, Yang Berhormat ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit sahaja. Balik kepada isu cukai kepada profesional tadi. Kita pun dimaklumkan selepas daripada kumpulan doktor-doktor ini, mereka akan mencari kumpulan *lawyers* pula ya. Kemudian, profesional yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, jadi... Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Walaupun ini bunyinya kelakar tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sudah ya, sudah. Sudah mula ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Isu itu tadi sudah dibawa tadi Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi sudah ada suatu *mission* untuk mendapatkan pendapatan ini. Jadi saya bagi pihak rakan-rakan doktor yang tadi itu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kulai contohnya. Ini bukan *individual cases*, semuanya bercakap dalam *WhatsApp group* kita. Saya dalam *group WhatsApp* doktor. Setengah juta, RM600,000 bukan seorang, bukan dua. Apa yang mereka minta, kalau betul ada peraturan baru ia mesti yang ke depan ini. *Going back into history* adalah sesuatu yang saya anggap tidak munasabah dan tidak bertepatan kerana mereka tidak bersedia untuk menghadapi jumlah yang besar begitu. Jadi, apakah kerajaan, kementerian boleh menimbang untuk memberi *relief* semula walaupun itu menyebabkan sedikit kekurangan daripada hasil? Minta jawapan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, sama juga macam doktor itu. Ada juga doktor-doktor yang bila dia kena *backdated tax*, dia tidak boleh bayar. Apabila tidak boleh bayar, *income tax* ini pun *very flexible*. Apabila *you* tidak boleh bayar, kita *structure*-lah *payment*. Kita bukan suruh selepas *you* tidak boleh bayar, *you* jangan jadi doktor. Tidak ada, kita *structure payment*. *Payment* itu kita akan *structure* supaya bersesuaian dengan *income* dia yang kita *structure*.

Kedua, kita hendak nampak benda itu biarlah benda itu *genuine*, yang dia *wrongly advised by* dia punya akauntan. So, kalau kes-kes macam ini Yang Berhormat kita akan tengok dan kita akan masukkan kita punya pertimbangan yang sewajarnya. Saya akan pastikan LHDN akan melakukan benda tersebut.

Saya *move* kepada *next one*. Mengapakah jabatan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya? Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada lagi kah *you*?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah, saya ada bangkitkan tentang isu *tax*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, sebut, sebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Sebenarnya saya tanya dalam ucapan saya, adakah yang pegawai LHDN itu mereka dibayar komisen, bonus? Saya hendak tanya, berapa yang mereka bayar sehingga mereka menjadi begitu dahsyat baru-baru ini? So, sebenarnya kalau ramai yang menganggap yang cara pegawai LHDN itu yang kacau dan ganggu mereka dengan cara macam ini sebenarnya tidak baik untuk Barisan Nasional juga. Ini mungkin satu punca yang mana Barisan Nasional akan kalah dalam PRU yang akan datang... [*Dewan riu*]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya tidak rasa kakitangan LHDN buat kerja semata-mata kerana dia hendak bonus, *I don't think so*. Jadi dia punya *mission* sekarang ini ialah kita pastikan bahawa *compliance* kita *higher*. Kalau *you* hendak jadi *developed countries*, kalau kita punya *tax compliance* tidak bagus, tidak mencapai tahap yang efisien, tidak boleh.

Oleh sebab itu saya beritahu kepada LHDN dan juga seluruh kakitangan MOF, kita punya *solution is not* naikkan kadar *tax*. Kita punya *solution* bukan hendak naikkan kadar GST tetapi kita hendak pastikan bahawa *compliance*. Kita tidak mahu jadi macam negara *Philippines*. Ia buat GST tetapi oleh kerana tidak ada *compliance*, jadi sampai naik jadi *12 percent and yet*, jumlah kutipan masih tidak meningkat. Jadi, *compliance* tidak ada. Akan tetapi kalau kita ada *compliance* yang bagus, *everybody is put in a level playing field*, jadi ekonomi boleh berkembang dengan cara sihat.

Saya hendak pastikan bahawa penganiayaan kepada individu tertentu atau syarikat tertentu tidak akan berlaku. Kalau ada berlaku, tuan-tuan ada banyak proses boleh *go through*. Salah satu daripada proses ialah kita boleh *appeal* kepada *income tax*. Kalau katakan pejabat di Pulau Pinang ataupun pejabat di Johor buat penyiasaan *tax* yang menyebabkan kita kena aniaya, *you* boleh *appeal* kepada LHDN HQ. Kemudian, kalau *you* tidak puas hati, tidak boleh dapat penyelesaian, kemudian boleh pergi ke *commissioner tax*. Kemudian tidak boleh, kita boleh pergi ke *court*, *go through*.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi di belakang pun bangun, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mana, mana?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya mesti ambil kesempatan sini walaupun kita – saya tahu Yang Berhormat Menteri ada juga kes-kes di mana pegawai-pegawai tertentu ini dia ambil kesempatan dan menyebabkan susah pada rakyat hendak bayar cukai. Akan tetapi keseluruhannya, saya- kita mesti ambil iktibar bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri, jentera kastam, mereka menjalankan tugas dengan baik.

Mungkin kita tidak suka tetapi keseluruhannya dia menjaga keselamatan, ketenteraman negara dan memastikan kutipan ini dapat dikumpulkan dengan secara terbaik. Saya mesti rakamkan dalam Dewan yang mulia ini memberi penghargaan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga kastam yang menjalankan tugas dengan baik. Apa pun mereka hendak cakap, pandangan saya mereka mesti kita beri penghargaan kepada mereka. Itu pandangan saya, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri. Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bagi mereka yang dikatakan adanya perbezaan atau *difference* tentang cukai yang mereka bayar dan juga hutang cukai yang dianggap betul oleh pihak LHDN. Mereka selalunya terpaksa bayar amaun itu dan juga denda 50 peratus. Selepas itu baru boleh kemukakan aduan mereka kepada Ketua Pengarah LHDN.

Jadi apa-apa prosedur pun sepatutnya mereka beri aduan- bagi *chance* mereka merayu dulu. Selepas itu, kalau rayu tidak berjaya baru bayar. Akan tetapi sekarang keadaannya, terpaksa bayar dulu dalam tarikh ini kalau tidak- selepas itu baru boleh kemukakan rayuan. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri campur tangan tentang prosedur macam ini yang mana saya rasa tidak adil kepada banyak pihak.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh? Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, isu tentang Yang Berhormat Seputeh *raised just now* belum dijawab lagi. Apakah insentif sebenarnya untuk LHDN ya, untuk IRB ini? Kita semua tahu setiap tahun ada bonus. Apa yang saya dengar dia dapat enam bulan bonus, lapan bulan bonus, yang saya dengarlah. *I cannot say if it is true or not*, yang saya dengarlah.

Jadi maknanya, terdapat satu insentif yang saya dengar juga ialah *one percent* ataupun *0.7 percent of total increased collection increased*. Jadi kita tidak tahu. Banyak kali kita tanya soalan, Yang Berhormat Pandan pun pernah tanya soalan yang sama. Kita tidak dapat satu jawapan yang elok.

Jadi *for once and for all, please tell us if there is a bonus? I have no issue*, hendak bagi bonus tidak ada isu tetapi kenalah berpatutan. Janganlah bagi sampai enam bulan, paling *maximum three months okay. If your performance is good. But if you abuse your power* seperti apa yang Yang Berhormat Seputeh kata, *pay first appeal later, I think that is too much*. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kelana Jaya...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, *just on tax. Last question*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin balik kepada sistem- soalan berkaitan dengan perjalanan sistem khususnya tadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Pandan. Sama ada- sebab kita tahu kutipan ini bukan macam kalau kita amalkan *clawback*, ada kutipan untuk tahun-tahun sebelum ini.

Jadi soalan tadi ini, saya hendak minta pengesahan yang jelas daripada Yang Berhormat Menteri. Sama ada kerajaan selain daripada memberi jumlah keseluruhan dalam pembentangan bajet dalam dokumen Parlimen, adakah kerajaan sedia beri butiran kutipan untuk setiap tahun?

Jadi kita ada jumlah untuk tahun ini, laporkan berapakah jumlahnya untuk tahun-tahun sebelum ini? Oleh sebab sistem yang diamalkan oleh LHDN memang jelas ia berdasarkan pendapatan berdasarkan tahun. Jadi data itu mesti ada di dalam tangan LHDN. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, boleh beri pengesahan data itu akan diberi kalau diminta di sini. Terima kasih.

Seorang Ahli: *For the clawback, for the clawback.*

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Untuk *clawback* lah. Jadi, apa-apa *collection* beritahu, sama ada untuk tahun 2016, apakah jumlah untuk tahun 2015 dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih. Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kelana Jaya, dalam kita punya sistem *tax*, saya bersetujulah bahawa kalau kita ada *dispute*, kita bincang dengan pegawai LHDN. Kita pun bukan terus pergi ambil *action section 103*.

■1720

Section 103 ini ialah penghabisan sekali kita pakai- *section 103*. Selalunya kita akan duduk bincang *and tengok, provide evidence, show evidence*. Akan tetapi, kebanyakannya kalau- mereka yang tidak boleh lepas kes-kes LHDN ini, *because they cannot justify their income*.

Sebagai contoh, sebab *tax* ini *a bit confidential* kepada individu, kita pun tidak mahu beritahu secara umum *specific cases*. Tapi apa yang saya hendak beritahu, banyak kes-kes yang berlaku apabila dia buat penyiasatan terhadap *tax* dan kita dapat tahu bahawa dia tidak membayar *tax* yang sepatutnya tetapi syarikat sudah tidak ada *tax* tapi dia sebagai individu ada RM200 *million*, RM300 *million* FD. Jadi, bila penyiasat tanya mana dia dapat duit FD RM200 *million*, RM100 *million*, RM300 *million* FD, *they cannot explain. So, bila dia cannot explain, then how you justify your income RM200 million, RM300 million assets and your company is not even declared dividend? How do you know that?*

So, that's why bila kita duduk- itu pun kita tidak ambil *section 103 yet. Sit down* bincang, kadang-kadang kita ada satu *agreement* pula. Kita buat *global settlement. That's how fair is Tax Department*. Akan tetapi, selalunya kes-kes yang macam ini, tidak pernah orang *highlight. Highlight* kes-kes yang kecil-kecil ini kita anggap macam kes itu sebagai kes yang besar. Selalunya kes kecil-kecil ini, ia akan selesai automatik.

Saya pun sebenarnya bersimpati kepada orang yang tidak ada duit *and then* LHDN suruh bayar *tax*. Tidak boleh. Kita *structure*, kita tengok dia punya kedudukan syarikat. Kalau syarikat dia kedudukan pun memang tidak boleh ada duit, kemudian *as* individu pun dia berhutang, *what's the point you* ambil *legal action*. So, kita harap kita *nurture* dia balik supaya dia boleh maju balik syarikat, *then* boleh bayar kita *tax* perlahan-lahan. *There is a counseling* dekat LHDN yang *look into this*.

But the problem is, the big tax payer dia tidak mahu bincang dengan pegawai-pegawai, akhirnya dia cakap, "Saya tidak mahu bayar, saya kenal orang ini, saya kenal orang ini". There is no such thing. Bila you kena section 103, that's it.

Jadi, Yang Berhormat Kepong, kalau ada masalah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Seputeh.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Seputeh, kalau ada masalah, *write*. Pasal 1 selalu ingat Yang Berhormat Kepong macam Barisan Nasional lah. So, Yang Berhormat Seputeh, *write*, okey. Saya *move next one*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat, ada...

Seorang Ahli: Tidak payah layan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar dulu ya. Soalan insentif tadi Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kelana Jaya tanya tidak jawab lagi. Silakan. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, insentif, *sorry*. Sebenarnya, tidak ada dia dapat enam bulan, tujuh bulan bonus. Tidak ada. *No such thing. You can take my word, there is no such thing.* Kadang-kadang hendak dapat dua bulan pun berpeluh tidak dapat. *Cannot. Because* dia punya bonus ini, dia tidak dapat bonus daripada apa yang kita bagi. Dia dapat daripada dia punya fi, *1.5 percent* yang LHDN terima daripada jumlah kutipan.

Fi itu kena bayar gaji tiap-tiap bulan. Ada lebih kurang 12,000 kakitangan. *Fee 1.5 percent of the total of the income tax* yang dia *collect* kena bayar gaji dulu. Bila ada *balance* dalam RM300,000, RM400,000, RM500,000, *then decide*. Kalau ada *0.5, 0.7, 0.1, 0.2, that's it*. Kalau cakap dia dapat enam bulan, tujuh bulan, lapan bulan bonus, tidak ada. Kalau tidak, semua *MPs* hendak kerja dekat LHDN. Tidak ada. *No such thing.*

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, mencelah. Jadi kalau saya tanyakan soalan berdasarkan jawapan kepada Menteri tadi bahawa LHDN sekarang menerima satu-satunya sumber kewangan berdasarkan komisen 1.5 peratus ke atas jumlah kutipan yang dikutip daripada pembayar cukai, jadi betullah bahawa lagi banyak dia kutip, lagi banyak dia dapat, lagi banyak dia boleh bayar gaji, lebih banyak lebihan, maka lebih banyak bonus.

Saya tidak menyalahkan LHDN. Saya menyalahkan kerajaan kerana demi untuk mendapatkan wang lebih, Yang Amat Berhormat Pekan menyebabkan LHDN sampai terpaksa berlumba-lumba dan sudah tentu kalau dia ada KPI dia, dia ada berapa yang dia perlu kutip pada tahun ini, maka dia buat apa yang patut untuk mencapai KPI tersebut. Kalau tidak, dia tidak dapat bonus.

Oleh sebab itu, maka kebarangkalian bahawa pembayar-pembayar cukai akan dimangsakan adalah jauh lebih tinggi di bawah sistem komisen ini berbanding dengan sebelum ini. Setuju atau tidak Menteri?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Langsung tak setuju.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kelana Jaya, cukuplah, cukuplah. Dia kena faham. Bila kita *corporatize* LHDN, dengan harapan supaya dia lebih efisien dan kita boleh ambil *talent, expertise* masuk dalam syarikat tanpa mengikut struktur kerajaan. Jadi, dia boleh duduk dekat situ *monitor collection, monitor enforcement, compliance*. Jadi, sudah tentu dia perlu ada *revenue*. *Revenue* dia ialah datang daripada *1.5 percent*.

Akan tetapi, walaupun dia dapat macam mana banyak sekali pun, bila kita nak *declare* bonus, dia kena tengok juga *relation of* kakitangan kerajaan fasal kita *always* anggap LHDN ini bukan swasta. *It is* kerajaan. *We never regard LHDN as* swasta. Dia kerajaan tetapi, *remuneration* dia itu berlangsung kepada fi yang dia terima. Kalaupun kata tahun itu dia tak dapat *1.5 percent*, dia tak cukup nak bayar gaji dia, kerajaan kena bagi. Kerajaan kena bagi gaji. Tak ada lah bonus tahun itu.

Akan tetapi, kalau tahun itu dia ada lebih yang boleh menyebabkan LHDN boleh bayar satu bulan, dua bulan, *that's it*. Kalau dia ada lebih tiga bulan, tak boleh dapat. Dia akan simpan dalam LHDN *and next year* kita akan *adjust* balik. Kemungkinan 1.5 jadi 1.4, 1.2. *That's how* kita *work* dengan dia. *We don't simply give them* bonus macam itu. Tak. Dia dianggap sebagai kakitangan kerajaan, bukan swasta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dahlah. Saya ingat...

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Satu *straight line about tax*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okeylah, nanti bagi saya *in writing* lah. *Enough* lah *about this tax*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh *in writing*, *can you give me the numbers of LHDN's workers?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *All right, all right*. Yang Berhormat Kelana Jaya tanya mengapakah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mendapat peruntukan tertinggi sebanyak 32 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan tahunan, melebihi peruntukan kepada kementerian.

Yang Berhormat, saya nak beritahu, ramai orang *confused* ini. Bila dia tengok JPM, dia ingat PMO. *PMO is different from JPM*. Dalam Jabatan Perdana Menteri, dia ada 48 agensi. JPM, Penyelidikan, UKAS, Kabinet, Lembaga Penasihat PKK, BTM. Semua ini. Kemudian, ada 13 badan berkanun. Lepas itu, ada NGO macam YADIEM, PERKIM, IKIM. Lepas itu, Menteri ada 10 dalam *respective portfolio*. Timbalan Menteri ada tiga. Saya nak beritahu yang PMO sahaja- sebab Yang Berhormat ada tanya itu. PMO, TPM, 10 menteri, tiga timbalan menteri, 10 bahagian di JPM termasuk Pejabat KSN, jumlah bajet RM443.5 juta. *That's all*.

So, yang lain ini semua dalam agensi dan dia punya jabatan-jabatan itu. So, *PMO is* RM443.5 juta. So, saya tak boleh samakan JPM punya peruntukan *is* Perdana Menteri. *PMO is PMO*. Jadi, saya ingat kita ada *a bit confusion* dekat situ, jadi sebab itu saya minta *figure* ini dan saya nak baca dalam Dewan. Sebab, kalau saya tak baca dalam Dewan, orang ingat nanti saya pusing-pusing *figure* ini. *I insist to get this figure*. So, *this figure is actually RM443.5 million*. Jadi, saya nak *move to next one*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. *My point is very simple*. Kenapakah Perdana Menteri mempunyai banyak *department* sangat di bawah dia? Kenapakah bajet dia besar sangat? Dan di mana di dunia yang perdana menteri adalah juga menteri kewangan?... [*Dewan riuh*] *This is a very basic point*.

Yang Berhormat Menteri, pernah jadi CEO syarikat besar. Di mana di dunia ada CFO dan CEO yang sama? Ini adalah isu yang penting. Kalau Menteri sendiri dah cerita ada berapa badan- 10 badan, 40 syarikat semua ini- *what is he doing consolidating all the power?* Ini adalah *fundamental democratic question in this country*.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Ketua Menteri Pulau Pinang pun banyak jawatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri.

■1730

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jawablah Yang Berhormat, Pulau Pinang dan Selangor pun Menteri Besar dia Exco Kewangan juga.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Bolehlah you masuk ADUN dan tanya situlah. Jangan jadi Ahli Parlimen.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Selangor pun ada.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, okey.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tidak. Soalan ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Why are you consolidating all the power?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Alright.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri *Transport* tidak ada kuasa pun. *Is the Perdana Menteri in charge of everything?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Okey. Okay, alright.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, saya hendak tambah sedikit, boleh? Okey. Saya sentiasa bawa isu macam contoh, PERMATA. PERMATA sepatutnya diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan. Apa Kementerian Pendidikan, menterinya tidak boleh menjaga? Mengapa hendak letak di bawah Jabatan Perdana Menteri, agensi-agensi sebegini? Benda ini telah diungkitkan beberapa kali.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ya, *civil aviation*, berapa kali sudah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berapa kali? Kalau benda-benda itu boleh difokuskan...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Hai!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak ada *duplication*, tidak ada *overlap*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Benda ini yang...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Pulau Pinang, Selangor sama sahaja.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini yang kita hendak tekankan beberapa kali. Minta pencerahan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya rasa hendak cerah semasa JPM lah. JPM lah cerah. Fasal apa saya pula yang kena cerahkan? *Okay, alright. I'll go to the next one.* Yang Berhormat Tuan Ahmad Marzuki bin Shaary- Bachok...

Seorang Ahli: Tidak ada.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada, tidak payah jawab. Menjelaskan- ini semua tidak adalah. Ini semua bukan Kementerian Kewangan.

Seorang Ahli: Habis sudah, habis sudah. Tutuplah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey. Pada GNI- ini pun sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang tidak sempat boleh jawab bertulis, Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, baik. Tidak ada, tidak ada. Saya hendak jawab fasal isu Yang Berhormat Lanang. Yang Berhormat Lanang bertanya, isu jumlah peruntukan khas untuk negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian kepada negeri Sarawak berdasarkan undang-undang bagi tahun 2018 adalah dianggarkan berjumlah RM1.21 bilion. Ini termasuk pemberian khas kepada negeri Sarawak di bawah seksyen 112D Perlembagaan Persekutuan berjumlah RM16 juta. Selain itu, dianggarkan RM7.5 bilion disediakan kepada kementerian dan jabatan Persekutuan untuk membiayai program aktiviti di Sarawak manakala RM3.9 bilion diperuntukkan di bawah perbelanjaan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek Persekutuan di negeri Sarawak seperti membina sekolah, hospital, jalan raya dan semua negeri termasuk negeri Sarawak.

Di samping itu, saya juga ingin membacakan di sini bahawa Sarawak, Kerajaan Persekutuan juga membayar royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM1.5 bilion. Jumlah kumulatif royalti yang telah dibayar daripada tahun 2009 hingga 2017 sebanyak RM18.8 bilion kepada negeri Sarawak. Kalau tuan-tuan tengok hari ini, Sarawak *one of the states* yang ada paling banyak sekali *cash*. *I was told the latest figure is about RM21 billion cash*, Sarawak ada. *Okay, next one*.

Seorang Ahli: Habislah itu.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ini habis. Ini soalan Yang Berhormat Bukit Katil. Yang Berhormat Bukit Katil tidak ada, bukan?

Seorang Ahli: Ada.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Bukit Katil apa tanya soalan- berdasarkan maklum balas, bayaran RM1,500 diberikan kepada penjawat awam dan tok batin, adakah penjawat awam setaraf dengan tok batin? Apa punya soalan ini?... *[Beberapa Ahli ketawa]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey. *Alright*. Saya sudah habis yang itu. Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin tanya, soal hutang negara. Mohon kerajaan maklumkan hutang negara setakat tahun 2017. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, hutang negara sekarang ini mencecah RM680 bilion iaitu kalau kita ambil anggaran kita punya GDP, ia adalah 50.9 peratus. Syiling kita adalah 55 peratus, Yang Berhormat. *Next one*.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Can you give the number, please?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ringgit Malaysia 680 billion.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Maknanya dalam defisit yang 30, 40 bilion yang akan datang ini, kita akan mencecah 2018, RM700 bilion?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Yeah, but then when your GDP goes up, your percentage still remains.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *I am not worried about the percentage-lah. I am worried about the nominal number.* Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *But*, untuk pengetahuan Yang Berhormat...

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan. Berkenaan dengan hutang. *Actually* dalam laporan ekonomi, ada satu butiran berkenaan dengan *public sector debts* iaitu hutang Kerajaan Persekutuan campur dengan hutang *contingency*, yang berjumlah RM901 bilion. Boleh Yang Berhormat terangkan berkenaan dengan *public sector debts* ini?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Kita kena bezakan hutang kerajaan ialah hutang yang dipinjam oleh kerajaan. Hutang yang dipinjam oleh agensi-agensi seperti macam kalau ada, Bank Negara, kalau ada bank-bank tempatan yang dikuasai oleh kerajaan, hutang itu tidak masuk ke dalam kita.

Sebab dalam interpretasi *World Bank*, ataupun IMF, dia ambil kalau *state owned company*. Macam CIMB Bank. Sebab dia tahu CIMB Bank *is controlled by Malaysian Government*. Jadi dia anggap hutang bank CIMB itu, hutang kerajaan. Sebenarnya kerajaan cuma *own CIMB Bank about 30 over percent* tetapi dia anggap itu sebagai *controlling by the government*.

Akan tetapi kalau kita tengok CIMB Bank, apa sahaja hutang yang diambil, dia ada *match* dengan dia punya aset hampir 100 peratus *matching with the liability*. Jadi isu ini, kita tidak boleh *interpret*. Apa yang kita hendak *interpret* ialah kita tengok hutang kerajaan dalam *balance sheet* kerajaan, ada RM680 bilion. Kemudian kita tengok hutang di luar *balance sheet* iaitu yang kita panggil *government guaranteed*. *Government guaranteed* hari ini, telah mencecah RM192 bilion.

Saya hendak beritahu kepada tuan-tuan bahawa hutang ini, yang paling penting ialah kebolehan membayar. Kalau kita boleh bayar, tidak kira apa *percentage*, *you must be able to pay*. Saya bagi contoh, *for comparison*. Saya bukan bercakap bahawa *percentage* ini salah tetapi *for comparison*. Kita tengok ekonomi Amerika. Sebuah negara yang *triple A rating*. Dia mempunyai GDP USD18 trilion. Akan tetapi kalau tengok hutangnya, *USD19 trillion*.

Kita tengok macam Jepun. Jepun kalau kita tengok, dia punya GDP USD4.9 trilion. Dia punya hutang hampir 250 peratus daripada dia punya GDP *but ability to pay*. Macam kita, kita punya 50, syiling kita *55 percent but so far*, Malaysia tidak pernah lagi gagal bayar hutang. Tidak pernah lagi gagal bayar *interest* sebab *we still there*. Akan tetapi kalau ekonomi kita tidak mendapat penarafan yang bagus, kita tidak *manage it properly*, kita akan jadi, *rating* kita akan jatuh. Apabila *rating* akan jatuh, daripada A- jadi *triple B*, *interest cost* akan naik. Apabila *interest cost* akan naik, pinjaman-pinjaman kerajaan yang kita pinjam akan meningkat. Jadi isunya ialah *ability to pay*...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [Bangun]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *That's when you talk about hutang.*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pencelahan, ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Rompin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin, ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Daripada hutang ini, berapa *percent* hutang domestik berbanding dengan hutang kerajaan di luar negara?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Hutang domestik *97 percent*. Hutang luar negara lebih kurang *three percent*. Dalam hutang domestik itu, kita ada *non-resident that own* kita punya MGS dan juga GII, *approximately 28 peratus*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri, sini. Gopeng. Tambahan. *Public sector debt*. Sebab kalau kita lihat walaupun ada yang dikatakan *guarantee by the government*, keupayaan untuk bayar hutang tetapi ada sebahagian daripada hutang tersebut, misalannya, hutang yang ditanggung oleh DanaInfra di mana dijamin oleh kerajaan, tetapi DanaInfra yang *finance* pembinaan MRT dan *Pan Borneo*.

Akan tetapi kalau kita lihat pulangan untuk daripada MRT dan *Pan Borneo* itu, ada kemungkinan besar tidak cukup untuk servis bon yang diterbitkan oleh DanaInfra. Jadi, sekiranya DanaInfra tidak dapat servis bon tersebut, tanggungjawab itu jatuh kepada kerajaan untuk membayar bon tersebut.

Cara untuk *guarantee* untuk kontingensi walaupun di sebahagian itu ada kebijaksanaan tetapi *one of the ways* ini boleh dikatakan *smart accounting* untuk menyembunyikan hutang yang sebenarnya daripada kerajaan.

■1740

Seorang Ahli: *Fake accounting.*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya faham daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi isu hutang Kerajaan Persekutuan ini ialah keupayaan membayar akan datang berdasarkan realiti kewangan semasa ataupun kemampuan semasa tetapi formula bagi rakyat ialah mahu lihat hutang itu semakin menurun dan bukan semakin meningkat. Ini kerana bila hutang semakin meningkat memberi tekanan kerajaan untuk mendapatkan *income*.

Di sinilah berlakunya isu kenapa GST diperkenalkan, kenapa LHDN begitu aktif dan sebagainya. Jadi saya rasa kita ada perbezaan pandangan antara kehendak kerajaan dengan kehendak rakyat, itu saya rasa Yang Berhormat Menteri kena komen.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak tambah sedikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi.

Kalau kita lihat angka-angka daripada kontinjen liabiliti dalam buku akaun negara- kita lihat sekurang-kurangnya setengah daripada kontinjen liabiliti ini tidak mampu dibiayai oleh agensi yang mengambil jaminan daripada pihak kerajaan. Misalnya nombor satu, RM29 bilion daripada DanaInfra, RM40 bilion daripada PTPTN, RM18 bilion Prasarana, dan tambah lagi lebih kurang enam, tujuh bilion secara rasmi daripada 1MDB. Kalau tidak rasmi daripada 1MDB lebih kurang RM10, RM20 bilion lagi. Campur semua, lebih daripada setengah daripada hutang-hutang itu akan satu hari nanti ditanggung daripada kerajaan. So, adakah kerajaan akan mengambil kira perkara ini dan masuk dalam bajet dalam masa yang akan datang? Ini penting.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh tambah satu?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Go ahead.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri katakan, *the question is the ability to pay*. Saya rasa itu bukan satu sikap yang baik kerana kita tahu bahawa lebih 90 peratus daripada hutang Kerajaan Persekutuan adalah hutang dalaman iaitu daripada EPF, bank dan juga dikira wang rakyat Malaysia.

Saya tahu kerajaan mesti ada keupayaan untuk membayar kerana kerajaan ada kuasa untuk menerbitkan wang yang lebih tetapi kalau kerajaan menerbitkan wang yang lebih kerana semua wang dalam Ringgit Malaysia, kita boleh membayar tetapi kita ini berdosa kepada rakyat Malaysia kerana wang akan turun mendadak dan simpanan orang tua-tua untuk hari tua-tua mereka akan menyusut nilai, ini satu cara untuk merompak wang rakyat... [*Dewan riuh*] Saya harap sikap itu mesti bertukar dan kita ada baki duit untuk generasi akan datang bukannya belanja sahaja sesuka hati hinggakan generasi akan datang perlu membayar hutang yang kita belanja sekarang...

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Bayar terowong lebih itu tidak sesuka hati kah?... [*Dewan riuh*]

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri boleh ya?

Tuan Yang di-Pertua, baik saya hendak tanya soalan sedikit teknikal. Saya faham bahawa isu tentang *contingent liability, unless default it won't crystallize into government debt, that I fully agree with you*. Saya rasa dengan harga minyak USD60 ini boleh lah bayar hutang tetapi apa yang kita lihat seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus ia bertambah setiap tahun *and every time a bond comes to maturity you roll it over and add on*.

Soalan saya ialah soalan teknikal, sama ada *contingent liability take into consideration Letters of Support* sebab *Letters of Guarantee* memang kena ambil nota, dimasukkan dan dilaporkan di dalam Bank Negara.

Akan tetapi *Letters of Support PKFZ scandal* kita dengar maklumat yang dibicarakan pada masa itu mengatakan *Letter of Support ini is an anomalous thing*, orang tidak faham. *Are you putting Letters of Support into contingent liability?* Sampai hari ini semua orang tidak tahu betul atau tidak *Letters of Support* ini ada atau tidak dipantau oleh kerajaan? Jadi sila beri jawapan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tadi menjawab bahawa dalam mengukur sama ada tahap hutang negara berada pada tahap yang mencemaskan atau pun tidak ia tidak boleh diukur dari segi peratusan atau bertambahnya, ia mesti dibandingkan dengan sama ada kerajaan pada ketika itu mampu membayar ataupun tidak.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri soal kemampuan untuk membayar itu dari dua perspektif dan mohon diberikan angka-angkanya.

Pertama, dalam kes 1MDB walaupun Yang Amat Berhormat Pekan mengatakan bahawa ini tidak ada kena mengena dengan kerajaan, sudah ada dua kali campur tangan daripada Kabinet yang salah satu sebabnya itu saya ingat menyebabkan Yang Berhormat Pagoh meletakkan jawatan Yang Berhormat Tambun meletakkan jawatan kerana apabila 1MDB tidak mampu membayar hutang maka Kabinet meluluskan satu kemudahan kewangan sebanyak RM900 juta dahulu.

Sektor Kewangan bukannya tidak nampak semua ini walaupun dalam Dewan ini, dalam RTM, dalam TV3 Menteri boleh mengatakan ini tidak ada kena mengena, kami boleh bayar 1MDB tidak ada dengan kerajaan. Sekor kewangan boleh nampak bahawa apabila 1MDB tidak ada kecairan untuk membayar kerajaan melalui Kabinet yang meluluskan peruntukkan dan kemudian baru-baru ini dua, tiga kali negara kita kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan terpaksa menanggungkan untuk membayar hutang yang bersabit Aabar dan juga IPIC. Sampai seolah-olah sekarang ini kita berhutang dengan kutu, main kutu. Nanti minggu depan bayar boleh tak? Minggu depan bayar.

Bila dapat tempoh baru *split* dua. Dua minggu kemudian, dua minggu kemudian, jadi dari segi itu Yang Berhormat Menteri tidakkah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa keseimbangan rakyat yang disuarakan di dalam dan di luar Dewan ada asasnya atas sikap Yang Amat Berhormat Pekan sendiri melibatkan pembiayaan 1MDB dan itulah mempengaruhi pasaran. Oleh sebab itu mengambil kira juga soalan Yang Berhormat Kuala Nerus dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya, apabila matang satu hutang yang telah diambil 10 tahun yang lalu kerajaan Yang Amat Berhormat Pekan boleh sahaja menerbitkan hutang yang baru dalam bentuk MGS.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa sekarang ini MGS sekadar faedah yang dibayarnya sampai lebih kurang 4 peratus berbanding semasa mantan Yang Berhormat Permatang Pauh dahulu bukan Permatang Pauh yang inilah, mantan Ketua Pembangkang yang dulu dan mantan Perdana Menteri dahulu, mantan daripada Kubang Pasu.

Apabila kerajaan menerbitkan MGS kadar yang dibayarnya hanyalah sekitar 2.5 peratus jadi naiknya kadar *yield* ataupun keuntungan ataupun faedah yang dibayar setiap kali kerajaan menerbitkan hutang baru untuk *roll* balik hutang yang dibayar dahulu, tidakkah itu menunjukkan bahawa pasaran pun tidak yakin dengan kemampuan kerajaan untuk membayar hutang jadi sebab itu kita takut bila hutang bertambah tiap-tiap tahun.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kebanyakan daripada kita ini kurang faham dari segi soal membangunkan negara dengan kita *run* syarikat. Syarikat dengan *run country* ini *is two different thing*. Dalam kita *run country*, saya hendak bagi tahu yang paling penting apabila kita pinjam, kita pinjam untuk apa? Kalau kita pinjam untuk bayar kita punya gaji, *that is wrong* tetapi kalau kita pinjam untuk membangunkan negara, *that's fine*.

Oleh sebab itu kalau *you* tengok Amerika *today*, *you* tengok Japan, *you* tengok *all these people, they are developed country, triple 'A' rating*. *You* tengok dia *debt to GDP* berapa? *So*, sebab itu saya cakap, saya hendak *qualify* saya punya *statement* tentang *percentage* ini *because percentage* ini *you* tengok kalau Amerika, *you* tengok *even* kita punya *neighbor* Singapura, dia punya *debt to GDP much higher* dari kita punya tetapi apa yang saya hendak beritahu adakah kerana Singapura tidak mampu hendak bayar?

It is a question of your ability to pay. Bila you boleh bayar- you pinjam untuk develop your country, by all means you do it but now hendak cerita, nak jawab Yang Berhormat Pandan punya- Yang Berhormat Pandan cakap, kenapa lah masa dulu MGS kita two percent, 2.5 percent, sekarang 4 percent. Yang Berhormat Pandan, kita punya ekonomi ini, kita juga bersangkut paut dengan global, what happens to the global economy.

Kalau dulu Amerika punya *interest rate low* bila Amerika *hike the interest rate*, tiga kali, empat kali, lima kali, *that help to give the supply and demand of kita punya bond*, kalau kita masih simpan 2 percent bila kita hendak dapat kita punya *roll over*? Ini kena tengok... [Dewan riuh]

■1750

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Tuan Yang di-Pertua, saya kena perbetulkan Menteri kerana jawapan Menteri salah. Jawapan Menteri salah. Menteri sepatutnya bagi ruang menerangkan bahawa sebahagian besar bon tu adalah daripada KWSP dan yang lain-lain yang dibeli dan tidak bersabit sangat dengan luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Pandan, duduk, Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya hendak beritahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sekejap, sekejap.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu. Kadar *interest* ini Tuan Yang di-Pertua, dia bergantung. Kalau kita ingat dulu bila kita krisis dulu- kadar *interest* naik *sampai 8 percent, 9 percent*. Bila kita sudah tidak krisis, FD baru 3 percent- 3.4 percent. So kadar *interest* nya naik, *according to the economic environment* pada ketika itu. Ketika ini, hari ini kadar *interest* di Amerika *going up. A lot of money flow out to capitalize on the kadar interest. You* tidak boleh ambil satu tahun 1998, *you compare* tahun sekarang. *You* kena tengok *economic environment*. Jadi saya hendak berhentilah cerita ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Satu. *Last* sekali.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Banyak lagi ini. Banyak lagi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduklah.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin. Rompin sikit sahaja. Saya bertanya tadi berapa *percent domestic borrowing* dengan *external borrowing*. Saya maksudkan bila dalam *external borrowing*, duit itu masuk dalam sistem kewangan dalam negara kita. Maknanya bukan keluar dari negara kita. Katalah 95 percent kita punya *borrowing* daripada *domestic borrowing*. Maknanya EPF *like that- 97 is very good. Very good*. Maknanya dia masuk dalam sistem kewangan negara dan bukan keluar daripada sistem kewangan negara. Kalau bon tinggi, 2.5 to 3 percent, EPFlah yang untung. Duit balik kepada rakyat. Maknanya balik kepada rakyat kerana EPF akan dapat- pemegang EPF akan dapat *interest* yang lebih tinggi kerana kerajaan bayar *interest* tinggi...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: [Bangun]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: [Bangun]

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *That means the whole system*. Kita mesti melihat dalam kerangka semua sistem kewangan negara dan bukan kepada sistem yang sempit yang harus dilihat oleh sesetengah dari kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, nak bagi lagi Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *Following for* Yang Berhormat Rompin, boleh? Terima kasih. *This is the fallacy of your argument*, Yang Berhormat Menteri. Dengar baik-baik soalan saya, ya.

Tadi Menteri beritahu Yang Berhormat Rompin *97 percent* duit kita adalah daripada domestik. Maknanya EPF belilah. Khazanah, bank-bank beli pun. *This is what we call financial of domestic bodies that you control. Jadi you are shielded, 3 percent only exposed to the international market. So, you are completely. So how is it possible that you explained that this whole thing is up to the global economy- 97 percent of your debt is held locally forced upon EPF to pick up and all the other bodies.* Minta jawapan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kelana Jaya, saya ingat dari segi *international financing* ini, saya hendak *correct* Yang Berhormat Kelana Jaya. Kalau kita tengok di *Singapore, Singapore as a government, they don't need to borrow. But they borrow from CPF, why? Because the domestic they want to give and create the economic activity.* Sebab itu dia *borrow* daripada CPF. Kalau tidak CPF zero. *You understand economy? Economy ini...*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Menteri, *I understand.* Isunya bukan tentang- maaf, *continue please.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *CPF, the government of Singapore itu borrow from CPF is not because they want to borrow. Because they want to create a return otherwise the depositors will have deflation. Dia punya interest bawah. Nanti by the time they retire, there's no income. Because dia tidak boleh melabur. Otherwise you have to allow them to go and invest overseas semua. Tidak boleh because they are actually ringgit exposure. Jadi kerajaan tap this untuk economy but kita never fail of paying. Isunya ada atau tidak kerajaan fail untuk bayar?*

Saya hendak beritahu, *even kalau oil price jatuh masa dulu daripada USD115 sampai ke USD30, everyone in town* cakap Malaysia hendak bankrap tetapi tidak bankrap juga. *So saya ingat ini- the issue* Tuan Yang di-Pertua, isu pasal ekonomi ini dia tidak boleh *pick and choose what you want to say. You have to see in total picture and economic structure from one country to another country is totally different. You kena tengok benda itu. You cannot take one and then you wallop one, cannot! You have to see in total picture.* Okey, saya ingat saya hendak *move* lah. Boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Enough, enough, enough.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Saya tidak mempersoalkan *your lesson as well.* Saya tanya soalan yang *basic.* *You said, you said...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya cukuplah. Yang Berhormat Rompin, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: *...That the interest rate, the bond interest rate is based on external factors. What we all know domestic 97 percent. That is why your answer is completely irrelevant.*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *It's different. It is different. Different angle.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I want to ask you, Yang Berhormat Kelana Jaya.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Don't ask him, Yang Berhormat. Susah nanti ya.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Walaupun kita domestik, walaupun kita... Duduk, duduk dulu. Duduk, duduk. Walaupun kita *domestic 97 percent, but 28 percent of kita punya bon actually under non-resident. They bring their money out, overseas coming here.* Melabur, *why? Because we give them a better yield.* Esok Amerika naik *interest*, dia bawa keluar duit dia. Habis cerita. *Now, EPF.* Tidak akanlah bila orang datang bawa *US Dollar* datang *convert* duit, melabur kita punya *bon 28 percent*, kita bagi dia *4 percent* selepas itu EPF kena cakap *2 percent*. Mana boleh. Tidak boleh buat macam itu *because they are the same bond.* So dalam masa yang sama, kalau esok *US come down...*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Hei! Cukuplah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, tidak. Saya hendak bawa-saya belum tanya lagi, Yang Berhormat Menteri... *[Dewan riuh] I want to go back...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Menteri tidak bagi jalan ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, *last* soalan. Terakhir. Tadi saya bangun tadi.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak, tidak, tidak. *No, no, no.*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Please.*

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *I want to question the definition. I want to question your definition.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya nak jawab soalan Yang Berhormat Klang. Yang Berhormat Klang punya soalan. Soalan Yang Berhormat Klang saya hendak jawab.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *You* tanya rumah mampu milik bolehlah. Apa *you* tahu pasal ekonomi?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Minta maaf ya, Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, *I think* dia tidak betul itu. *How can you allow him to make that statement?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya berhak untuk tanya apa sahaja.

Seorang Ahli: Duduk Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Jangan hendak cuba tunjuk pandai.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *I think you make a mistake. You cannot say that.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *How can he say things like that?*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *He cannot disqualify me from asking.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, soalnya Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan ya... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya jawab semua soalan tetapi dia kena *debate*. Kalau dia tidak ada buat ini, apa cerita hendak tanya ini. Saya banyak orang punya tanya saya tidak jawab lagi. Tunggu dulu, tunggu dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat ya.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Soalan-soalan politik ini letak kemudian. Saya hendak jawab Yang Berhormat Klang. Saya hendak jawab Yang Berhormat Klang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Isu ekonomi.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Keberhutangan...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Duduk, duduk, duduk. Duduk, duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, *because* dia tidak berani. Cakap sahaja lebih... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Dia tidak ada *debate*, dia tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, tidak apa Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan ya. Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Cakap sahaja lebih. *What kind of definition are you using.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh pinjam selagi boleh bayar.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Sudahlah, duduklah. Duduk, duduk, duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Memanglah boleh bayar. Peras daripada rakyat. Bayar GST!... *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam, duduklah Yang Berhormat Shah Alam ya. Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ini pasal hutang juga. Keberhutangan tinggi di kalangan penduduk berpendapatan rendah disebabkan oleh apa? Adakah disebabkan oleh cukai pendapatan atau sebagainya dan dia hendak tahu sama ada *how big* kita punya *household debt*.

Jumlah hutang rumah di Malaysia sebanyak RM1.1 trilion ataupun 80 peratus daripada sistem perbankan dan 20 peratus daripada institut kewangan bukan bank yang merangkumi 85.6 peratus daripada keluaran dalam negara kasar pada akhir Jun 2017. 2016, kita adalah sebanyak 88.4 peratus.

Jadi *household debt* ini adalah terdiri daripada beberapa hutang. Hutang harta tanah dan hutang dana simpanan sebanyak 63 peratus, pinjaman peribadi sebanyak 15 peratus dan hutang kad kredit 3.5 peratus.

Soalan seterusnya, Yang Berhormat Semporna. Yang Berhormat Semporna tidak ada, ya?... Tidak ada, kita *skip*.

Yang Berhormat Seputeh?... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat bagi Seputeh*] Tidak ada.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua. *This practice*, boleh tidak saya dapat penjelasan? Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada penjelasan apa, Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Penjelasan kena minta Menteri, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh tidak saya minta penjelasan?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak payah, tidak payah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tentang prosedur ini. *This procedure*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak ada kena mengena. Tidak ada kena mengena.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang kata kalau orang itu tidak ada, tidak payah jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang mana satu, Yang Berhormat?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya akan jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta penjelasan.

■1800

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak, saya hendak minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Apa dia Yang Berhormat?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *This practice*, yang mana kalau Ahli Parlimen yang tanya soalan itu dia tidak ada, maka tidak jawab.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia bukan tidak jawab, dia jawab secara bertulis.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kata dia tidak akan jawab fasal Yang Berhormat Semporna tidak ada.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia akan jawab secara bertulis.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya akan jawab.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita dengar Yang Berhormat Semporna tanya soalan yang kita hendak tanya. Lalu bila kita dengar dia tanya soalan itu, maka kita tidak tanya.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak bererti bahawa hanya Yang Berhormat Semporna hendak tanya tentang isu itu. So, biarlah jawab.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia boleh jawab secara bertulis.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ramai yang berminat.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, *all right*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Hai, Yang Berhormat Seputeh punya soalan pun samalah. Baru saya perasan. Adalah sebanyak RM680 bilion hutang negara. Itu saja. Kita sudah jawab. Kita debat, *you* tidak ada. Okey, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Jasin ini pun tadi sudah jawab. Semua banyak orang punya *I* sudah jawab. So, tidak payahlah, *skip* lah. *Okay, so I have done this*. Ada satu fail lagi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [*Bangun*]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Berapa banyak. Apa mahu takut? Okey, penghapusan tol. Penghapusan tol akan dibuat dengan perjanjian tol akan didedahkan proksi akaun dan akaun akan dibuat dengan cadangan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini soalan Yang Berhormat Permatang Pauh ini. Dia pun tidak ada. Oh, ada. Okey.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui konsep penswastaan, salah satu kaedah pelaksanaan adalah bina, kendali, pindah atau *build, operate and transfer* bagi projek lebuh raya telah mula diperkenalkan mulai tahun 1991 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan Pelan Induk Penswastaan pada ketika itu. *Build, operate and transfer* ini merupakan salah satu inisiatif yang dibawa, yang merupakan salah satu inisiatif bawah Pelan Induk Penswastaan bagi mengurangkan kebergantungan sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Seterusnya, pihak swasta bersama kerajaan berusaha menyediakan infrastruktur untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat, di samping meningkatkan peranan sektor swasta dalam pembangunan negara melalui konsep *build, operate and transfer* ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan tidak sewenang-wenangnya akan memansuhkan mana-mana tol yang sedang beroperasi. Oleh kerana kerajaan perlu berunding pampasan yang setara sekiranya pemansuhan itu dilaksanakan sebelum *expiry of the concession*. Maka dengan itu, cadangan perlanjutan tempoh konsesi adalah salah satu daripada kaedah yang akan dikaji secara terperinci, selain daripada bayaran pampasan *directly from government*. Memandangkan langkah tersebut berupaya mengurangkan beban kewangan kerajaan yang sekiranya kerajaan tidak berhasrat dan kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan kadar tol ataupun mansuhkan kutipan tol.

Jadi, *whenever...*

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: ...Kita tidak *follow the schedule, then we have to pay*. Ya, sambung.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Minta Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak tanya tentang tol ini. Kan dikatakan berhenti? Akan tetapi apakah kita tahu terma-terma yang kalau berat sebelah kepada kerajaan itu mesti diberikan supaya kita boleh melihat dan membuat pembedaan. Oleh kerana kalaulah yang saya ingat Yang Berhormat Menteri, katakan bahawa Tol Batu Tiga diberhentikan tetapi tol yang lain dipanjangkan umurnya, jangka hayatnya.

Jadi, apa- bagaimana kita hendak tahu bagaimanakah terma-terma ini tidak berat sebelah, tidak memberikan keuntungan yang berlipat ganda kepada orang-orang, *company-company* yang buat tol ini? Supaya walaupun katanya kerajaan menurunkan bebanannya tetapi bebanannya rakyat yang kena bayar. Ini yang kita tidak mahu. Oleh kerana ini membebankan rakyat terbanyak. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, jawab ya.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertariklah dengan konsep *build, operate and transfer*, ya. Biasanya konsep *build, operate and transfer* ini merupakan satu konsep apabila syarikat *concessionaire* itu telah mendapat *return of investment* nya seperti mana yang dipersetujui melalui satu tempoh dan kadar tol yang telah diamalkan.

Maka akhirnya, tol itu akan ditransferkan kepada pihak kerajaan. Apabila ditransferkan pada pihak kerajaan, maka kadar tol yang dikenakan seterusnya tidak lagi merupakan satu kadar yang bertujuan hendak dapatkan balik *return of investment* nya kerana itu telah selesai. Akan tetapi lebih dari sudut hendak *cover maintenance cost* yang semestinya kadar tol itu sudah semakin rendah kerana yang pada asal ianya bertujuan untuk *cover maintenance* dan juga *your return of investment*.

Akan tetapi setelah sudah serah kepada kerajaan, maka sebaliknya. Akan tetapi saya amat pelik kerana tol PLUS ini sudah berjalan berpuluh-puluh tahun, ya. Seolah-olah kita tidak tahu sama ada *return of investment* nya telah diperolehi ataupun tidak. Kadar tol nya semakin naik, semakin naik, semakin naik, sedangkan ianya sepatutnya semakin turun bila sudah *return of investment* diperolehi.

Maka, adakah ini satu konsep *build, operate and transfer* yang uniknya, yang khas untuk Malaysia, yang bertujuan akhirnya untuk menjadikan tol-tol ini *cash cow* bagi syarikat-syarikat yang tertentu? Bilakah pihak Kerajaan Barisan Nasional akan sanggup untuk mendedahkan akaun sejauh mana pendapatan dan pulangan *on investments* yang telah diperolehi oleh syarikat-syarikat *concessionary*? Atas dasar apa kadar tol yang baru dikira ataupun di *calculate*? Adakah ianya semata-mata atas dasar perjanjian yang menetapkan tol itu akan naik, naik, naik, naik, naik, tidak payah turun ataupun bagaimana? Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak maklum kepada Dewan bahawa pembatalan jalan-jalan yang bertol ini bukan baru kita buat. 1993 lagi kita sudah buat. Sekarang ini, setakat ini, sebanyak sepuluh lebuhraya telah dimansuhkan tol, satu.

Nombor dua, sebahagian daripada *concession* yang kita ada ini adalah usul legasi isu. Isu-isu yang sebelum ini. Jadi, apabila mereka dalam *agreement* itu, ia boleh naikkan tol tiap-tiap tiga tahun, dalam *agreement*. Jadi, kerajaan *stop*, jangan kasi naik. So, kerajaan kena bayar. Lepas itu, kerajaan tidak bayar. Lepas itu, naik lagi lima tahun. Lepas itu, *next three years* naik lagi. Naik, *every three years* naik, *because that was the concession signed*. So, jadi apa kerajaan buat? Mana-mana tol yang kerajaan boleh *control*, contoh macam PLUS. *Because, PLUS is controlled by Khazanah*. Jadi, apa kita buat. Kita *take private*, lepas itu kita mansuhkan peningkatan pada 2005, sampai sekarang tidak ada naik.

Akan tetapi kita kena *compensate* balik kepada mereka. Oleh kerana apa? Oleh kerana mereka ada liabiliti dalam *balance sheet*nya RM30 bilion. Kalau *you* tidak bagi ia *compensation* dari segi *timing* untuk *extend*, macam mana ia hendak- ia punya *bon would be in default*. Oleh sebab masa ia buat, ia pakai *bon*. Jadi, kita boleh *adjust halfway through*. Jadi, kita kena tarik *something, we have to give something*. So, *in the past, what we do*, kita tidak mahu PLUS ini naikkan tiap-tiap tiga tahun.

Oleh sebab itu, kita *take the private out from Bursa*. Oleh sebab bila ia disenaraikan di bursa saham, ia ada pelabur-pelabur datang daripada luar negara, *fund-fund* yang datang luar negara. Macam mana bila ia melabur dalam syarikat-syarikat kita yang di dalam bursa saham, lepas itu kita tidak ikut *agreement* yang kita bagi kepadanya. Jangan tanya saya fasal *agreement* ini. Fasal *agreement* ini banyak legasi punya *agreement*.

So, jadi yang ini saya hendak bagi tahu. Jadi, apa yang saya tekankan ialah apa yang kita buat ini, kita kena mengambil kira kedudukan syarikat tersebut.

Untuk jawab Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam, boleh *check* semua tol-tol ini siapa operator nya. Ia mesti *company*, bukan individu. Jadi, kalau *company*, pergi *check* dekat SSM, buat kerja sikit, *check* penyata akaunnya, suruh tengok, berapa banyak untungnya. *You can see that, but* apa saya hendak tekankan ialah kita tidak boleh *stop agreement* yang kita sudah *signed* sebagai kerajaan. Macam mana kita *stop*, lepas itu kita biarkan orang macam itu. Jadi, lama, lama, lama, kita akan hilang keyakinan pelabur-pelabur untuk datang melabur di negara kita sebab kita tukar *agreement* ikut kita punya suka. Mana boleh.

So, kalau kita tidak mahu kasi dia naik, *we have to pay something*. Oleh sebab itu, dalam PLUS bila ia ambil RM30 bilion, ia punya bon untuk *take private*, ia tidak naikkan tol sehingga sekarang. So, *what do we do, we extend the tol*. Jadi, itu saja saya punya *explanation*.

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

■1810

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri. Soalan saya. Terus terang.

Dalam banyak perjanjian ini seperti saya bagikan contoh dan saya rasa banyak, *almost nearly all of the highways* ada perjanjian sebegini. Di mana memang ada setiap beberapa tahun, tol diberikan hak untuk dinaikkan. Dan kalau tidak dinaikkan kerajaan kena bayar pampasan. Itu betul. Akan tetapi pada masa yang sama, dalam perjanjian ini kerajaan pun diberikan hak untuk membeli balik tol-tol ini atas kepentingan negara. *National interest*.

Dan kalau kita membuat pengiraan mengikut formula yang telah pun dipersetujui dalam perjanjian ini. Adalah lebih murah untuk beli balik tol ini daripada membayar pampasan kepada pihak konsesi. Kenapa pula kita bayar pampasan dan tidak mahu beli balik tol ini. Saya berikan contoh angka. Jangan kata tiada fakta. Angka seperti LDP. LDP dibina dengan kos RM1.3 bilion.

Pampasan yang sudah kita bayar sehingga hari ini kepada pihak LDP dan konsesi ini hanya akan tamat pada tahun 2030. Pampasan yang sudah kita bayar sehingga hari ini dekat RM1 bilion. Bukan dekat, melebihi RM1 bilion sudah. Dan kita terus bayar pampasan lagi tiap-tiap tahun kepada dia orang. Sebab dua tahun kemudian, tol akan meningkat lagi. Sehingga RM3.20 setiap tol. So tidak masuk akal. *Why aren't we buying back these tolls which are exceptionally, astronomically profitable*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Menteri nak tambah sikit. Berkaitan dengan Petaling Jaya Utara...

Tuan Yang di-Pertua: Tak nak bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]: Bagi pada MP yang tidak banyak tanya soalan. Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya hendak tambah lagi apa yang Petaling Jaya Utara tanya tadi. Saya hendak tanya apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menentukan mana tol yang boleh diambil alih balik oleh kerajaan dan mana tol di mana pampasan boleh terus dibayarkan. Seperti apa yang diperkatakan oleh Petaling Jaya Utara tadi, LDP pampasan setiap tahun dibayar.

Akan tetapi untuk *Eastern Dispersal Link Expressway* di Johor yang dipunyai oleh MRCB ini. Telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan yang tol ini akan dimansuhkan dan saya rasa Yang Berhormat juga telah mengumumkan bahawa tol ini akan diambil alih. Jadi adakah satu kaedah yang diamalkan oleh kerajaan di mana hanya tol yang *lost making* di mana syarikat-syarikat tertentu mereka tidak boleh bayar balik *interest*, yang akan diambil alih *losses will be nationalized*. Akan tetapi *profit* akan terus dibagi kepada syarikat-syarikat konsesi yang mendapatkan keuntungan yang begitu banyak. Terima kasih.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Menteri, boleh ya, tambah, sikit *je*. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Baik tentang isu tol ini, *especially regarding PLUS*. Saya dah baca *The Edge* di mana 'Abu Juling'- Abu Sahid. Kita panggil dia "Abu Juling" lah. Dia *famous* dalam *corporate world*- Abu Juling @Abu Sahid, Maju Holdings.

Dia kata, *maintanance cost* dia, *one-third of PLUS*. Jadi memanglah *you* boleh *agree* pada terma-terma *concession*. *You want to honour contract, I respect that*. Akan tetapi kalau ini ialah syarikat di bawah Khazanah dan juga EPF, tidak kah patutnya kita kena fokus kepada *maintenance cost*. Sebab itulah Abu Sahid boleh buat *offer* untuk ambil alih Maju Holdings. *Can you please ask your officers* buat *forensic investigation* betul-betul. Adakah benar dakwaan bahawa dia *one-third only, compared to PLUS*?
Terima kasih

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Menteri, boleh saya tanya satu soalan. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, apa yang saya dengar memang ada perjanjian. Dan dalam keadaan itu kerajaan mengambil pendirian bahawa sekiranya ada perjanjian maka kena ikut perjanjian tersebut tetapi persoalannya berbangkit adalah ini. Perjanjian itu adalah perjanjian yang menghendaki supaya kutipan dibuat daripada rakyat untuk satu jangka masa yang panjang. Adalah diharapkan dalam masa itu konsesi itu boleh mengambil balik kos yang digunakan untuk membina lebuhraya itu dan juga sebahagian keuntungan yang munasabah.

Akan tetapi bagaimana dengan keadaan-keadaan di mana satu lebuhraya itu di kelilingi oleh pembangunan yang sangat banyak dan dalam tahun-tahun itu kita lihat jumlah kereta yang digunakan itu, jumlah menaik dengan banyak sangat. Sehingga keuntungan yang sepatutnya dibuat itu telah pun dicapai. Akan tetapi konsesi itu masih ada 20 tahun lagi. So tak akan kerajaan akan biarkan satu keadaan di mana konsesi itu sudah mengambil balik wang yang mereka guna untuk bina konsesi itu.

Kemudian keuntungan yang munasabah itu pun sudah diambil tetapi terus mengambil wang daripada rakyat, kutip sehingga hujung konsesi itu. Tak kan kerajaan boleh melihat semula kepada perjanjian itu dan cari satu jalan bagaimana kita boleh mengehadikan perjanjian itu *because you have already reached the profit level that you want*. Misal kata di kawasan Puchong. LDP. Kita lihat kereta banyak sangat sehingga jem hari-hari. So bagaimana dengan keadaan sedemikian. Takkan kita akan biarkan saja. Kita akan panjangkan lagi di mana kutipan tol itu akan dilakukan sehingga 2030. Ya saya minta penjelasan daripada Menteri. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Menteri boleh saya tambah satu lagi soalan. Terima kasih Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Bersandarkan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Puchong, kita mintalah kerajaan buat kerja sikit. Bukan suruh saya buat kerja tengok SSM dan sebagainya. Kerajaan buat kerja sikit. Tengok keuntungan. Bela la rakyat. Takkan lah dah janji, ini benda legasi, tidak mahu pandang. Sedangkan rakyat sedang tertekan. Kita cakap fasal *household debt* la, apa la- *this is all, it all contributes to this issue*. So apa salahnya kalau kerajaan kaji dan runding. Ini semua syarikat-syarikat yang *local*. *I believe* la. Tak ada yang *foreign*.

So kalau kita dedahkan *the account*. Kita dedahkan keuntungan, kita dedahkan bagaimana syarikat-syarikat ini telah mengambil keuntungan yang besar atas rakyat dan sebagainya. *We can pressurize this companies to negotiate*. Akan tetapi kalau kerajaan bela, tutup, semua OSA, semua rahsia, biarlah rakyat mati dengan ditindas, ditekan dengan hutang. Hutang tak apa selagi boleh bayar. Tak boleh bayar, naikan GST. Tarik lagi subsidi...

Dato Dr. Hj Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Berhenti la. Bagi Menteri jawab. Merepek dah tu..

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, soalan spesifik

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titivangsa]: Shah Alam setuju la tol Shah Alam kita batalkan?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Tanpa diikuti apa-apa perlanjutan dan penangguhan kepada..

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Shah Alam, setuju la...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dah lama dah kita minta

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Setuju, okey la

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Alahai*, jawapan politik pula.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri soalan spesifik.

Menteri pernah umumkan bahawa ada dua tol konsesi yang tengah mengalami masalah kewangan. Saya ingin tahu, apakah dua syarikat-syarikat tersebut yang menghadapi masalah dan mekanisme kerajaan untuk menyelamatkan konsesi tersebut jika mereka bankrap. Jika mereka bankrap, bagaimana kerajaan akan *take over* kah, atau apa yang akan berlaku kepada *highway* tersebut?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: sebelum saya jawab ni.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri *last* ni, boleh. *Relax* la. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Menteri. Saya lihat Menteri ini, antara Menteri yang saya *respect* la tetapi saya kesian sebenarnya. Bila tiba jawab fasal tol, jawab fasal GST, jawab fasal 1MDB, semua Menteri tidak boleh jawab. Hebat macam mana pun tidak boleh jawab. Saya minta maaf ya. Ini saya perhatikan daripada Tambun, Titiwangsa, ini semua Menteri-Menteri yang pandai. Akan tetapi bila jawab, benda ini bukan dia tidak pandai, benda ini terlalu susah nak jawab. Yang lain tu tak payah pakai la belakang tu. Itu belakang-belakang tak pakai pun.

Menteri fasal tol ini, saya rasa isunya sekarang ialah kalau kita lihat perjanjian. Pihak konsesi ini dia dalam keadaan sentiasa untung. Tak pernah langsung rugi. Saya hendak beri contoh. Tidak naik tol, dia untung. Dia naik tol dia untung. Mansuhkan tol pun dia untung. Kenapa saya kata begitu? Tak naikkan tol macam tadi kata Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, dia boleh bagi pampasan dan juga lanjutkan tempoh konsesi. Maknanya dia dapat duit. Kalau mansuhkan tol contoh di Sungai Rasau dan di Batu Tiga, dibayar RM2.8 bilion. Bukan saja dibayar kepada tu. Dibayar juga termasuk PLUS itu ialah tempoh dipanggil *future earning*. Dia habis tempoh 2038 maknanya untuk yang belum kutip lagi pun kena bayar juga. Jadi ini menunjukkan perjanjian yang memang tidak menguntungkan rakyat.

■1820

Sedangkan tadi Menteri kata- kita janganlah anggap kerajaan ini macam syarikat tetapi cara kerajaan memerintah ini macam syarikat. Tidak pentingkan rakyat, pentingkan syarikat. Oleh sebab itu saya minta Menteri kalau boleh, untuk nak menyelesaikan perkara ini, kita boleh adakan contohnya di UK, dia ada dipanggil akta *Unfair Contract Terms*. Yang ini kita boleh buat dekat Parlimen ini, kita buat dan kita boleh buat retrospektif dan sebagainya. Ini salah satu cara untuk kita menolong rakyat. Jadi saya harap Menteri dalam memberi jawapan, kena fikir rakyat jangan fikir syarikat sahaja. Terima kasih.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa kalau kita hendak mengambil tol ini, kos pengambilan keseluruhan lebuhraya dalam negara kita yang pada 2010 kita buat kajian, ambil alih syarikat RM45.2 bilion. Pemansuhan tol, RM338 bilion. Yang Berhormat semua kena ingat, setiap tol ini, apabila kita buat tol ini bukan kerajaan hendak buat jalan 'taruk' tol. Kerajaan kita bagi kita punya jalan macam *Federal Highway* ini, kita buat jalan-jalan untuk menyambungkan kita tetapi ada *private sector* datang, dia cakap jalan ini semua *jammed*. Kita hendak buat satu jalan, kita bagi alternatif kepada rakyat, kepada orang yang boleh bayar, dia buat.

Jadi kita fikir *as long as there is an alternative*, kita tidak paksa orang lalu, okey *but I agree with* Yang Berhormat Puchong, *over the period of time, development taking place as a result of that toll, economy activities* berkembang kerana tol itu. Orang dulu tidak mahu duduk dekat Puchong, *now a lot of people stay in* Puchong. *Therefore*, kereta pun banyak tetapi waktu masa dia buat tol, hendak buat pinjaman tol, *a billion dollars*, pinjam dekat bank, *that is the risk they have got to take*.

The government tidak pergi *guarantee* dia punya bon. *The government* tak *guarantee* dia punya *loan*. Dia lungkup, dia punya fasallah. Fasal apa? Fasal tol ini dia datang buat *proposal* jalan ini, jalan ini, jalan ini bagus. Boleh buat tol fasal ini mengelakkan *jammed all that*. Kita *study*, KKR *study* dan dia cakap okey tetapi *people have to pay*. Kalau dia hendak kena bayar, dia bayar tetapi *over the period of time*, jalan itu sudah menjadi jalan keutamaan kerana hasil daripada pembangunan.

Jadi bila hasil dah jadi pembangunan, bila kita datang hendak ambil, syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat swasta. Takkan *you* nak paksa dia supaya kita dapat ambil? Kalau dia hendak juga, kita ambil tetapi dia letak harga yang begitu mahal *upfront*, kerajaan tidak ada duit. Kerajaan ada banyak isu lain yang kita hendak buat daripada kita hendak pergi ambil tol ini nak *upfront* yang boleh memanfaatkan ramai lagi rakyat. Jadi, *financial considerations are also an issue for us to unwind this toll punya agreement*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan. Terima kasih, Menteri. Sehubungan dengan apa yang disebut tadi, so apa yang disebut oleh kerajaan adalah mereka tahu, *this government knows* bahawa di kawasan Puchong memang sekarang konsesi itu telah pun melebihi had jumlah yang digunakan untuk membina lebuh raya itu dan juga konsesi itu telah melebihi had keuntungan yang diinginkan tetapi kerajaan tidak pedulilah. Tidak apa, biarlah. Bagi konsesi itu berterusan untuk 30 tahun lagi walaupun syarikat konsesi itu telah pun mengangkat balik pelaburan dia dan keuntungan dia. *Is that what the government is saying? We don't care!* Itu satu.

Nombor dua, untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri kata kerajaan menyediakan jalan-jalan lain. *Come to Puchong*. Di Puchong, mana ada jalan-jalan lain yang keluar tidak ada tol? Kita pergi Sunway, ada tol. Kita pergi Subang, ada tol. Shah Alam ada tol, Bukit Jalil ada tol. Sri Serdang ada tol. Sekarang kita ada banyak pembinaan di situ, so manakah? *Where is the government's guarantee that there were also be public roads?* Tidak ada! Orang dari Puchong tidak ada pilihan, mereka terpaksa gunakan dan kerajaan hari ini datang dan mengatakan *we know that there is a lot of development but never mind*. Kita biarkan sahaja begitu. *Is that what the government is saying?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Puchong, saya tidak berkata bahawa oleh kerana kereta dah banyak, *therefore* kerajaan tidak payah tengok. Sebenarnya Yang Berhormat Puchong, dalam *agreements* ini memang ada *clause* mengatakan bahawa kalau apabila dia menyelesaikan hutang dia, *that sharing go back to the government*. Dia mesti ada *clause*. Yang tol-tol baharu di Puchong ini, saya hendak beritahu, sebahagian daripada jalan, dia *originally start with Federal Road* tetapi bila nak buat pembesaran jalan, kerajaan mungkin *not ready to do that*. *Somebody* datang *put an offer, I extend this road*. Jadi bila *extend this road*, *economy activity* akan berlaku di kawasan Puchong contohnya akan lebih cepat.

Tanah-tanah yang dahulu orang tidak mahu bangun rumah-rumah, boleh bangun. Kerana apa? Kerana jalan telah dibesarkan. *We have to also look at economic values of when we decide certain decision but I do not want to argue so much on this toll*, Tuan Yang di-Pertua. *This is a different opinion*. Kalau tanya saya, kalau saya boleh *unwind* semua, boleh. Akan tetapi, kerajaan *expose this kind amount of money*. So, kerajaan tidak ada duit nak buat ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak tanya tentang pampasan tol.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Itu tentang ...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *The RM45 billion that you mentioned*.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey. Saya nak sebut tentang RM45 bilion pampasan yang perlu dibayar untuk mengambil alih kesemua tol ini sebab angka itu dikira dengan formula di mana kerajaan bayar pampasan untuk sebagai pampasan bagi keuntungan syarikat masa depan tetapi dalam perjanjian, tidak perlu.

Dalam perjanjian, sudah ada formula di mana kerajaan hanya perlu membayar balik kos pembinaan dengan keuntungan tertentu bagi tahun-tahun sebelum itu dan kalau konsesi-konsesi sudah memperoleh keuntungan tersebut, kerajaan pun tidak payah bayar balik sebarang pampasan keuntungan. *So, why are we using a different formula from what is agreed upon in the agreement?* Itu nombor satu.

Nombor dua, bagi isu LDP, sebenarnya bukan LDP ambil risiko yang besar, mereka tidak. Bila mereka dapat konsesi, mereka terbitkan syarikat mereka di Bursa Malaysia. Dalam info memo prospektus LDP Litrak, dia kata kos pembinaan RM1.3 bilion. Dia berikan anggaran keuntungan 30 tahun konsesi RM18.8 bilion, keuntungan 15 kali ganda dalam jangka masa 30 tahun. *One thousand five hundred percent profit. What type of risk is that?... [Dewan riuh] What type of risk is 1,500 percent gain in 30 years?* So, kita perlu ambil balik konsesi tersebut.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, *just in addition to that*, kalau boleh. Saya menghargai apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Akan tetapi nampaknya bahawa Yang Berhormat Menteri setuju bahawa khususnya untuk LDP, ada klausa yang membenarkan kerajaan sekarang membuat rundingan supaya konsesi ini diambil balik. *That is what I understand you were saying. Can I just add to that?*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Klausa daripada segi *term of sharing revenue, not to take over. Take over, you have to calculate differently. So, my issue, saya punya poin ialah hendak jawab Yang Berhormat PJ Utara. This RM45 billion when they calculate in 2010 is actually taking into consideration what you have said but when I said, when you take over the company, you have to assume the debt is RM338 billion. So, dia punya calculation values, the total valuation, the entire. So, you tidak boleh force people to surrender their asset. That is what I'm saying. You have to go back to the agreement. If dia punya future revenue you take, would you...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Memang sudah ambil kira hutang yang termasuk dalam.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Precisely but what I want to tell you, bila agreement itu ada, you cannot simply change your agreement.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, tetapi adakah ...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *I'm saying follow the agreement.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That is right.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *I'm saying follow the agreement.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *I do not want to argue with you but unfortunately...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang, seorang Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Adakah wujud satu klausa di mana kerajaan boleh runding semula dan ambil balik?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *...You all ini semua- no, no. Yang Berhormat Puchong.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Epecially where you have keadaan di mana keuntungan itu sudah pun dicapai.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey, Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong. Lepas itu saya nak cakap dengan Yang Berhormat Puchong, *both of you*, bila KKR ada dekat sini, *you all never want to ask this question.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini bukan KKR. Ini soal perjanjian, ini soal Kementerian Kewangan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Buat perjanjian ini KKRIlah, KKR yang buat dan tulis surat perjanjian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau Kementerian Kewangan boleh kata bahawa mereka beli balik Tol Batu 3, kenapa tidak boleh jawab soalan saya sekarang?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Puchong, *never mind*-lah. *You just wait*. Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ya? Bukan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini masalah dia. Tidak ada jawapan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Isu kenapa kita tanya Kementerian Kewangan ialah saya rasa pampasan itu memang adalah tanggungjawab dan juga berunding semula juga adalah tanggungjawab Kementerian Kewangan. *I have seen the report*. Kalau tidak salah, anggaran itu telah dibuat pada tahun 2010 oleh PEMANDU. Betul tidak, *correct?* Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat PJU kata tadi, *assuming of the debt is RM45 billion. There is no way that the total cost will be over RM300 billion*. Tak akan semua hutang yang dihutang oleh semua syarikat konsesi lebih daripada RM300 bilion. PEMANDU *calculate based on future earnings, you have to compensate based on future earning* seperti yang apa dikatakan oleh Yang Berhormat PJ Utara tetapi kalau...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *When you say compensate of future earning, I understand what you are trying to say.*

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *Yes, but we don't need to...*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *But you must also understand...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *...A private company who takes a loan who runs the company, who runs the business, you cannot simply force them to cancel.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *The agreement.*

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *But you can according to...*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *The agreement doesn't say that you can cancel anytime when you want.*

■1830

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *No, no. You acquire based on national interest.* Saya pernah baca.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No. If we acquire based on national interest, the government doesn't have money RM45 billion to acquire. That's what I'm saying.* Kalau *government* ada RM45 bilion...

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Akan tetapi ada duit untuk bayar pampasan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *We spend our DE...*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, saya boleh bantu Yang Berhormat Menteri dan boleh bantu Yang Berhormat Serdang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ini bukan bantu, Yang Berhormat. Soal...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *We spend our development expenditure only RM46 billion a year. You want to take a toll, that all these cars if they want...*

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: *Minister, with due respect, you can issue bonds and pay back over period of time.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *That's the reasons why.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, seorang, seorang, Yang Berhormat Serdang.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya nak beritahu, sebab itu saya cakap kita ambil tol ini apabila kita berkebolehan ambil. Macam Shah Alam, Sungai Rasau, Bukit Kayu Hitam, berkebolehan kita ambil, kita ambil.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Then next one*, kalau kita berkebolehan ambil, kita boleh dapat *negotiate, we take*.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tambah sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No. I think* tak payah tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, peraturan Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, satu sahaja.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tak boleh. *I think is only 6.30 we have to solve this.*

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Satu sahaja, satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, duduk Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. *Maybe you don't know this.* Yang Berhormat Menteri, *maybe you don't know this.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, duduk ya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Dalam perjanjian konsesi itu ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri tak bagi jalan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Yang ini melibatkan juga Puchong.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Ada satu konsesi itu mereka ada terma di mana *you must agree to the level of service.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang, duduk, Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan ya.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Pandan boleh tanya ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, *can you just...*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, satu soalan lagi. EDL. Yang Berhormat Menteri belum jawab tentang EDL.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, soalan saya tadi tidak jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kulai.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *All there, you tulis, you argue pasal the concept of toll ini, you tulis surat. Nanti saya akan pastikan bahawa KKR akan jawab dengan you all the thing information you hendak, kita suruh dia jawab. All right. Next one.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, saya punya soalan bukan pasal KKR. Pasal Kementerian Kewangan. Saya tanya pasal...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Subjek apa?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Subjek pasal tol.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kerana apa? Tol pasal apa?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Kerana Yang Berhormat Menteri memberi jawapan kita tidak mampu untuk mengambil alih kerana tidak ada kemampuan kewangan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ada kah *you debate* pasal tol ini?

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Ada.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Kalau *you* tidak ada *debate* pasal tol, *you* duduk. *You* tulislah. *I think ...*

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Satu Malaysia hendak tahu.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *Saya reply in writing, you publish* dekat *you* punya Facebook.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya hendak tanya...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: *No, no. You* tulis surat...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya akan tulis di Facebook, *insya-Allah*. Jadi Yang Berhormat Menteri boleh jawab di Facebook supaya kita semua berdebat di Facebook, bukan di Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tidak. Yang Berhormat Pandan ini dia punya pusing satu macam. Kita tanya...

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Jadi jawablah di sini. Jangan jawab di Facebook...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Janganlah pusing macam-macam. Yang Berhormat Menteri lagi pusing macam-macam.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya hendak tanya terus, Yang Berhormat Menteri jawablah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You answer...*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Saya beritahu dia, suruh dia tulis surat dekat saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. Ya Yang Berhormat Menteri, sila duduk. Yang Berhormat, kita ada peraturan, Yang Berhormat. Pertamanya, Yang Berhormat, apabila bangun minta pencelahan, Yang di-Pertua panggil baru boleh berucap. Satu.

Keduanya, pencelahan bukannya isu-isu baru. Isu perbincangan yang ditimbulkan.

Jadi, saya ada kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 37(2), tidak membenarkan mana-mana pencelahan terhadap isu-isu yang baru. Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Panjang lagi?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak *correct* balik. Saya beritahu Yang Berhormat Pandan, kalau *you* ada soalan hendak tanya saya, sebab masa suntuk, selepas itu *you* pun tidak *debate* pasal tol ini, so *you* tulis surat kepada saya, saya akan *reply*. Apabila saya *reply*, kalau *you* hendak tunjuk dekat *you* punya *supporters*, *you publish* lah dekat *you* punya *Facebook*. Itu saya cakap. Bukan saya suruh jawab dekat *Facebook you*. Apa pasal saya hendak jawab dekat *Facebook you*?

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Pandan pusing belit.

Seorang Ahli: Mana pusing belit. Apalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat Kuala Kangsar mengatakan bagaimana bank untuk mengurangkan kadar faedah dan memberi galakan untuk membeli rumah. Kerajaan telah membuat berbagai-bagai insentif. Seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, pelbagai skim telah disediakan oleh kerajaan dan skim-skim ini sebahagian daripadanya adalah dibiayai oleh MOF untuk memastikan mereka mendapat peluang membeli rumah pertama dan memudahkan mereka mendapat pinjaman.

Paling penting sekarang ini, kita kena pastikan bahawa *supply* rumah untuk dibeli oleh mereka dalam kategori *affordable* ini benar-benar *affordable*. Apa yang berlaku hari ini ialah rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju tidak memenuhi keperluan dari segi harga oleh pembeli-pembeli.

Mengikut laporan Bank Negara, 48 peratus *demand* untuk *affordable house* ini, *supply* cuma ada 24 peratus. Kemudian, untuk rumah-rumah yang *within affordability* of rakyat kita untuk meminjam ke bank, *threshold*-nya adalah RM250,000 ke bawah. Oleh sebab itu, dalam bajet ini kita menyarankan kepada PR1MA untuk membina rumah RM250,000 ke bawah kerana itulah *target market* di mana mereka yang pinjam duit untuk beli rumah RM300,000, RM400,000 tidak dapat pinjam, *rejection very high*, kerana *affordability* dia RM250,000 ke bawah.

Seterusnya, saya ingin menjawab soalan Yang Berhormat Sekijang. Skop MARRIS diperluaskan dan syarat dipermudahkan untuk buat jalan baru dan membina *culvert*. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, skop pembinaan jalan baru dan pembinaan *culvert* ini adalah tidak termasuk dalam skop pemberian MARRIS.

Majlis Kewangan Negara tahun 2017 juga telah bersetuju bahawa kerja-kerja menaik taraf seperti pembesaran longkang, parit dan pelebaran bahu jalan adalah tidak selaras dengan Bahagian II, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, kerajaan pada tahun 2017 memutuskan bahawa sekiranya terdapat permohonan bagi kes-kes mustahak di luar garisan panduan MARRIS, permohonan tersebut bolehlah dipertimbangkan secara *case-by-case basis*.

Seterusnya, soalan Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Pasir Gudang. Isu UTC perlu dibuka di Sandakan dengan segera. Di manakah UTC baru akan dibina dan di manakah UTC perlu diwujudkan di Pasir Gudang. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun 2018, ada dua UTC akan dibina iaitu satu di Selangor dan satu di Pulau Pinang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sandakan, kerajaan telah menubuhkan tiga buah UTC di Sabah iaitu UTC Sabah di Kota Kinabalu, Tawau dan Keningau. Kemungkinan besar kalau pada masa-masa akan datang apabila kita mempunyai justifikasi yang betul, kita akan pertimbangkan.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih. Tentang ini pembinaan UTC baru, dalam ucapan saya, saya pun ada bagi cadangan itu Pasar DBKL Gombak buat satu UTC baru sebab ada banyak penduduk minta. Bolehkah tidak?

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Yang Berhormat, saya akan kemukakan soalan Yang Berhormat itu kepada pihak UTC untuk dia buat *evaluation*. Kalau bersesuaian, tempat ada, kita boleh tengok.

Seterusnya, Yang Berhormat Limbang- *Stamp Act*- mencadangkan Sarawak dikecualikan khususnya cukai tanah di Sarawak. Duti setem yang dikenakan di bawah Akta Setem 1949 adalah merupakan cukai langsung yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Pemakaian Akta Setem 1949 adalah meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kadar duti setem yang dikenakan adalah sama di seluruh negara *across the board*.

Duti setem dikenakan ke atas pelbagai surat cara instrumen termasuk transaksi berkaitan hartanah seperti pindah milik, penjualan, sewaan dan sebagainya. Pengenaan duti setem ke atas surat cara instrumen adalah untuk membolehkan sesuatu surat cara instrumen dijadikan bukti di mahkamah selaras dengan seksyen 52 Akta Setem 1949 yang menjelaskan *instruments not duly stamped inadmissible in evidence*.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita kena bezakan *quit-rent and assessment*. *Quit-rent and assessment* pendapatan yang dicaj oleh *state government*. *State government take*. *We are only charging the document punya stamping*.

Seterusnya Yang Berhormat Bukit Katil tidak ada ya? Okey. Yang Berhormat Pokok Sena? Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada?... [Disampuk] Yang Berhormat Pokok Sena ada ya.

■1840

Isu pelantikan CEO MAS, adakah terdapat terma yang ditetapkan supaya CEO yang dilantik perlu bayar sekiranya meletakkan jawatan awal dari tarikh kontrak. Sekiranya ada, berapakah amaun yang telah dibayar oleh CEO terdahulu kepada Khazanah atau kerajaan?

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, notis kontrak CEO MAS ini adalah selama tiga tahun dan dalam kontrak tersebut, *both parties can give six months notice*. Sama ada CEO itu boleh bagi *six months notice* atau MAS boleh bagi dia *six months notice*. Dalam kes CEO MAS ini, beliau telah meletakkan jawatan dan memberi notis empat bulan, *short* empat bulan. So, kita terima dan dia kena bayar kita empat bulan, *short* okey.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan tadi kata ada empat bulan bayaran yang diberikan oleh CEO yang berhenti. Cuma ada lagi persoalan yang saya bangkitkan dalam perbahasan saya itu ialah kenapa Khazanah daripada awal tidak melihat masalah pelantikan CEO MAS ini iaitu tidak mengambil orang-orang luar, warga asing, telah dua orang warga asing yang kita ambil hanya dalam tempoh setahun ataupun setahun setengah mereka telah pergi sedangkan kita telah membayar gaji yang begitu tinggi yang dibayarkan kepada mereka. Hari ini *alhamdulillah* kita ambil CEO daripada anak Malaysia itu satu yang langkah-langkah yang sewajarnya sepatutnya daripada dahulu.

Jadi bagi saya bahawa bagaimana dengan perjanjian-perjanjian yang telah pun dibuat oleh CEO yang telah pun berhenti selama ini yang dilihat berkali-kali saya sebut dalam Parlimen ini telah mengetepikan kepakaran-kepakaran yang ada di dalam MAS iaitu terdiri daripada anak-anak tempatan umpamanya dari segi teknikal, kejuruteraan dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Maklumlah Yang Berhormat. Saya pun daripada dahulu semasa saya jadi *backbencher* dahulu pun memang saya mempertahankan supaya rakyat Malaysia menjadi CEO. Akan tetapi *now* kita sudah dapat rakyat Malaysia jadi CEO. So, kita kena belajarlah daripada isu ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri sedikit lagi. Yang Berhormat Menteri tadi kata empat bulan bayar berapa jumlahnya dalam Ringgit Malaysia kah dalam Euro ataupun dalam Dolar... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya, gaji orang ini takkan kita hendak cari beritahu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, saya tidak tanya gaji saya tanya pampasan dia [Ketawa]

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Ya, lah pampasan itu kena beritahulah, empat bulan notis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa] Empat bulan notis itu berapa?... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduklah Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri, sila isu yang lain Yang Berhormat.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Okey. *Alright*. KWSP. Isu simpanan KWSP bagi golongan pekerja di mana 58 peratus daripada pekerja hanya ini Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat Sungai Siput ada? Tidak ada, *cancel* tidak payah.

Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Lanang sudah balik. Yang Berhormat Lanang punya soalan mengatakan bahawa penama telah diisi penama hantar kepada KWSP kemudian apabila *check online* penama tidak ada.

Jadi saya dapat maklumat bahawa pihak KWSP mengesahkan bahawa rekod penambahan ahli hanya boleh dipinda oleh ahli itu sendiri. Jadi adalah dimaklumkan bahawa awal penamaan yang dibuat oleh seseorang ahli sebelum tahun 2007 tidak dimuatkan naik ke dalam sistem KWSP dan maklumat penamaan ini boleh diperolehi melalui borang KWSP 4. Dia *keep as a manual* tidak masuk dalam sistem.

Seterusnya bermula 1 Januari 2007, kesemua maklumat penamaan dikunci masuk dalam sistem KWSP dan boleh disemak di mana-mana cawangan KWSP. Jadi kes Yang Berhormat ini adalah *isolated case*. Jadi dia beritahu bahawa bagaimanapun pelaksanaan ini terdapat maklumat penamaan ini ahli yang tidak berjaya dimuat naik ke dalam sistem atas sebab-sebab tertentu. *They admit that this is not there, but* kalau ada kes-kes macam ini dia akan *rectify* tetapi dalam fail dia ada.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi dalam kes saya ini penama itu pemilik akaun KWSP itu telah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lanang, isu spesifik dan boleh rujuk kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan selepas ini... [Dewan riuh]

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Bukan kerana kes KWSP ini..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, boleh bagikan nama yang *detail* dan selepas ini rujuk kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sila Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah habis.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *Alhamdulillah.*

Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani: Cuma saya ada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara mengenai 1MDB. Saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua untuk saya jawab secara bertulis... *[Dewan riuh]* Ini kerana banyak isu yang berbangkit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini melibatkan *investigation* dan mahkamah. Jadi saya tidak mahu jawab benda yang di luar bidang kuasa saya tetapi soalan-soalan ini saya akan bagi secara *writing* kepada Yang Berhormat.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Menteri, boleh bagi jawapan kepada Pangkor, *duty free*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, Pokok Sena cadang belah bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada 15 orang?

Beberapa Ahli: *[Bnagun]*

[Lebih 15 orang Ahli bangun minta diadakan belah bahagian]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan Belah Bahagi, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya suatu Belah Bahagi diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

*[Tuan Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

■1850

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Ambil tempat duduk masing-masing. Suara saya sakit hari ini- suara saya yang sakit, bukan saya.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, hendak saya beli *Pei Pa Kao* untuk Speaker tak?... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Setelah belah bahagian dijalankan sebentar tadi, maka saya umumkan keputusan seperti berikut.

Yang tidak mengundi 11 orang... *[Tepuk]*

Yang tidak bersetuju kepada rang undang-undang ini untuk Dibaca Kali Yang Kedua 59 orang... *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk rang undang-undang ini Dibaca Kali Yang Kedua ialah 107 orang... *[Tepuk] [Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, tolong diam sekejap. Maka dengan undi yang sedemikian itu, Usul ini dipersetujui untuk dibaca kali yang kedua sekarang.

[Masalah disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2018, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2017, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementaraan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 14 November 2017. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.02 malam]